# 2021

# LAPORAN TAHUNAN

KEMAS AR2021_Teks.indd 1 13/10/2022 10:04 AM

www.kemas.gov.my

©2021
Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

KEMAS AR2021_Teks.indd 2 13/10/2022 10:04 AM

# KANDUNGAN

## RASIONAL MUKA DEPAN




Seiring dengan arus permodenan, pelbagai perubahan telah dilakukan oleh KEMAS bagi memastikan rancangan pembangunan yang telah dirancang oleh kerajaan berjalan dengan lancar. Ini dapat dilihat dengan perubahan kepada masyarakat luar bandar kini yang lebih berilmu dan berkemahiran atas usaha KEMAS menerokai seluruh pelusuk negara menabur bakti terutamanya kepada masyarakat luar bandar.

LAGU KEMAS 4

PERUTUSAN KETUA PENGARAH KEMAS 5

PROFIL KORPORAT 9

CARTA ORGANISASI 13

MAKLUMAT KORPORAT 17

FALSAFAH 24

CARTA FUNGSI BAHAGIAN/UNIT 25

MAKLUMAT BAHAGIAN/UNIT 45
- Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran **47**
- Bahagian Kewangan & Perolehan **57**
- Bahagian Pembangunan **63**
- Bahagian Latihan & Pembangunan Profesional **75**
- Bahagian Dasar & Perancangan Strategik **105**
- Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak **123**
- Bahagian Pendidikan Kemahiran **145**
- Bahagian Pembangunan Komuniti **173**
- Unit Teknologi Maklumat **197**
- Unit Komunikasi Korporat **205**
- Unit Integriti **211**

DIREKTORI PEJABAT KEMAS 219

KEMAS AR2021_Teks.indd 3 13/10/2022 10:04 AM

# LAGU KEMAS

**Diilhamkan oleh**
**Dato' Haji Ibrahim bin Haji Narek**

Kemajuan Masyarakat
Itulah Teras Utama Kita
Membela Bangsa Membangun Negara
Agar Maju Jaya

Berinisiatif, Berdikari
Membentuk Jiwa Hati Nubari
Bersih, Cekap, Amanah Diri
Semoga Hidup Bererti
Ayuh Bangsaku Bangunlah Bersama
Tampilkan Diri Ke Muka
Turuti Segala Rancangan Kita
Dengan Azam Semangat Waja

Pelbagai Usaha Dilaksana
KEMAS Wujud di Merata-rata
Menggerak, Mendorong, Masyarakat Kita
Mencapai Hidup Sejahtera

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH KEMAS

KEMAS AR2021_Teks.indd 5 13/10/2022 10:04 AM

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH KEMAS

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.**

Saya memanjatkan sepenuh kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana berkat limpah kurnia dan izinNya jua, seluruh warga Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah diberikan kekuatan, kesabaran dan kesungguhan untuk melaksanakan segala perancangan dan agenda yang dipertanggungjawabkan dengan penuh komited dan dedikasi sepanjang tahun 2021 walaupun terpaksa mendepani pelbagai rintangan dan cabaran dek kerana pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia.

Saya juga amat berbangga kerana warga KEMAS telah menunjukkan keazaman dan kecekalan dalam mengharungi segala cabaran sepanjang tahun 2021. Saya berharap agar ia dapat menjadi pemangkin untuk kita terus berusaha dengan lebih gigih pada masa hadapan.

**PRESTASI CEMERLANG**

Bagi tahun 2021, KEMAS telah diperuntukkan sebanyak RM1.149 Bilion (selepas pindaan) merangkumi Bajet Perbelanjaan Mengurus dan Bajet Perbelanjaan Pembangunan. Prestasi Perbelanjaan Mengurus yang telah dicapai pada tahun 2021 adalah sebanyak RM1,058,988,859.1 atau 95.25% manakala Prestasi Perbelanjaan Pembangunan dibelanjakan adalah sebanyak RM49,983,225.68 atau 99.01%. Ini merupakan satu pencapaian yang memberangsangkan dari hasil kerjasama bersepadu setiap modal insan KEMAS tidak kira di peringkat sokongan, pelaksana mahupun pengurusan tertinggi.

KEMAS mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan pada tahun 2021 setelah sebanyak 38 KPI Jabatan telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlang. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada setiap Bahagian dan Unit atas komitmen menjayakan KPI Bahagian dan Unit masing-masing.

Dari keseluruhan 38 KPI Jabatan, terdapat tiga (3) KPI yang menjadi tunjang Aspirasi 100 Hari Keluarga Malaysia dan KPI Kementerian Pembangunan Luar Bandar.Tiga (3) KPI tersebut adalah Kursus Keusahawanan Rintis, Program Asnaf Berdikari dan Program *Quick Win*.

**Kursus Keusahawanan Rintis**

Kursus Keusahawanan Rintis merupakan kursus yang memberikan pendedahan serta memupuk minat dan motivasi para peserta dalam bidang keusahawanan sebagai pilihan kerjaya.

Melalui kursus ini, usahawan KEMAS didedahkan dengan aspek teknologi agar mampu memasarkan produk secara dalam talian. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 23 kursus telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan peserta seramai 600 orang dan telah menelan kos berjumlah RM126,000.00.
Oleh yang demikian, keberkesanan Kursus Keusahawanan Rintis dapat melahirkan usahawan berjaya serta berdaya maju dalam bidang perniagaan serta mampu menguruskan kewangan secara bersistematik.

**Program Asnaf Berdikari**

Program Asnaf Berdikari ialah program kerjasama strategik KEMAS bersama Majlis Agama Islam di setiap negeri. Tujuan program ini adalah untuk membantu golongan asnaf menjana pendapatan sendiri dan mampu berdikari. Menerusi program ini, para peserta diberi latihan kemahiran dan pendidikan oleh guru pembimbing sehingga dapat menguasai bidang perniagaan yang diceburi. Di samping itu, peserta Asnaf berdikari turut dibantu dari segi bantuan peralatan malah melorongkan mereka bagi mendapatkan lesen perniagaan yang sah daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

KEMAS AR2021_Teks.indd 6 13/10/2022 10:04 AM

Pada tahun 2021, KEMAS telah berjaya mencapai sasaran sebanyak enam (6) siri dan telah melahirkan seramai 60 orang peserta asnaf yang berjaya. Program Asnaf Berdikari ini telah melibatkan kos sebanyak RM130,000.00 dengan pencapaian 100%.

**Program *Quick Win***

Program *Quick Win* KEMAS yang memberi impak segera kepada golongan sasar dalam lima (5) bidang kemahiran iaitu masakan, jahitan, dandanan diri, seni tangan dan komputeran telah mencapai 100% kejayaan. Menerusi 76 siri Program Quick Win, seramai 760 orang peserta berjaya menerima manfaat yang telah menelan kos sebanyak RM2,870,000.00. Program ini memberi peluang kepada kumpulan sasar untuk mempelbagaikan sumber pendapatan melalui ilmu kemahiran dan seterusnya dapat menambah pendaparan kendiri. Setiap peserta juga akan dibekalkan dengan peralatan (tool kit) bagi memudahkan para peserta menghasilkan produk jualan.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan segala aktiviti dan program sepanjang tahun 2021. Jadikanlah ianya sebagai kayu ukur untuk melakukan sesuatu yang lebih baik di masa akan datang dan menjadi ilham kepada pencapaian idea-idea yang baharu dan kreatif dalam melaksanakan tugasan demi mencapai objektif, visi dan misi KEMAS.




**DATO' MOHAMAD YASID BIN BIDIN**
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Kementerian Pembangunan Luar Bandar



KEMAS AR2021_Teks.indd 8 13/10/2022 10:04 AM

# PROFIL KORPORAT

KEMAS AR2021_Teks.indd 9 13/10/2022 10:04 AM

# VISI

**PENGGERAK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT LUAR BANDAR**

# MISI

**MEMPERKASA MASYARAKAT LUAR BANDAR KE ARAH PEMBANGUNAN HOLISTIK**

# OBJEKTIF

- Memperkasakan pendidikan awal kanak-kanak melalui perkembangan sosio emosi, fizikal, intelek dan rohani berdasarkan piawaian/standard yang telah ditetapkan selari dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dan Kurikulum PERMATA Negara
- Memberi latihan kemahiran yang berkualiti dan diiktiraf bagi mengupayakan ekonomi keluarga luar bandar
- Memperkasa sosio ekonomi masyarakat luar bandar yang harmoni, berjaya dan sejahtera
- Meningkatkan pembangunan modal insan yang bersesuaian melalui program pembangunan sumber manusia yang berteraskan pembangunan kompetensi dan kemajuan kerjaya (*Attitude, Skills & Knowledge*)



# STRATEGI

- Menumpukan Pembangunan Manusia sebagai teras dalam Pembangunan Masyarakat Luar Bandar.
- Memperlengkapkan minda melalui pendidikan dan kemahiran mengikut tuntutan semasa.
- Penglibatan secara langsung dan bersepadu dengan lain-lain Agensi Kerajaan, Swasta, Institusi Masyarakat dan orang perseorangan dalam usaha membangun Masyarakat Luar Bandar.
- Merangsang kumpulan sasar mencetus idea untuk merancang program-program pembangunan.

# PIAGAM PELANGGAN

- Keputusan permohonan kemasukan ke TABIKA / TASKA KEMAS diketahui dalam tempoh 14 hari selepas tarikh tutup permohonan.
- Memastikan sesi perjumpaan ibubapa diadakan 2 kali setahun membincangkan perkembangan kanak-kanak di TABIKA/TASKA.
- Memproses dan memaklumkan status permohonan kemasukan pelatih ke Pusat Bertauliah Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar dan Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh permohonan ditutup.
- Memastikan 70% usahawan Quick Win yang berpotensi menghadiri kursus lanjutan sekurang-kurangnya 1 kali dalam setahun.
- 70% peserta LEADS dapat menguasai 3M (Membaca, Menulis, Mengira) dalam tempoh 3 bulan.
- Memastikan bayaran bil dibuat tidak melebihi 14 hari dari tarikh penerimaan (bagi dokumen yang lengkap).
- Memastikan akuan penerimaan aduan dimaklumkan kepada pelanggan dalam tempoh 3 hari bekerja dan status tindakan dalam tempoh 15 hari bekerja.





# CARTA ORGANISASI

KEMAS AR2021_Teks.indd 13 13/10/2022 10:04 AM




KEMAS AR2021_Teks.indd 14 13/10/2022 10:17 AM


KETUA PENGARAH
YBHG. DATO' MOHAMAD YASID BIN BIDIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH
OPERASI
AHMAD KAMAL IDRIS BIN MOHD NAWAWI
PENGARAH DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK
ZAIRUDDIN BIN MAT ZUINI
KETUA UNIT INTEGRITI
KOSONG
KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MOHAMAD SHAH BIN ZAINAL ABIDIN
PENGARAH BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK
ANISAH BINTI SAIDIN
PENGARAH PEMBANGUNAN KOMUNITI
KOSONG
PENGARAH PENDIDIKAN KEMAHIRAN
DARNAWATI BINTI DAHLAN
PENGARAH LATIHAN & PEMBANGUNAN PROFESIONAL
NORE'IN BINTI MOHD SHUKOR
PENGETUA PLK MELAKA
NORFAZLINDA BINTI ABDUL MAJID
PENGETUA PLK KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
ROSMAN BIN SHAARI
PENGETUA PLK KEPALA BATAS, PULAU PINANG
MOHD HANAFI BIN ABD MUTALIB
PENGETUA ILK KUANTAN, PAHANG
KAMARUZAMAN BIN ISMAIL
PENGETUA ILK KUALA LUMPUR
SHARIFAH BEGUM BINTI ARABJAN
PENGETUA AKK SERI ISKANDAR, PERAK
WAN NORLEE BINTI WAN ISMAIL
PENGETUA AKK GOPENG, PERAK
NORMALINA BINTI ABD MANAP @ ABD MANAF



KEMAS AR2021_Teks.indd 16 13/10/2022 10:04 AM

# MAKLUMAT KORPORAT

# PENGURUSAN TERTINGGI



## YBHG DATO' MOHAMAD YASID BIN BIDIN

**KETUA PENGARAH**



## ABDUL KAHAR BIN ABDULLAH

**TIMBALAN KETUA PENGARAH PENGURUSAN & PEMBANGUNAN**



## AHMAD KAMAL IDRIS BIN MOHD NAWAWI

**TIMBALAN KETUA PENGARAH OPERASI**

# PENGARAH BAHAGIAN/ KETUA UNIT



**ZAIRUDDIN BIN MAT ZUINI**

PENGARAH DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK



**AHMAD JOHAREE BIN MOHAMED**

PENGARAH SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN



**SYAKIRAH BINTI MD NOR**

PENGARAH KEWANGAN & PEROLEHAN



**MD RAMZI BIN ISHAK**

PENGARAH PEMBANGUNAN



**KOSONG**

KETUA UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT



**ANISAH BINTI SAIDIN**

PENGARAH PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

# PENGARAH BAHAGIAN/ KETUA UNIT



**KOSONG**

PENGARAH PEMBANGUNAN KOMUNITI



**DARNAWATI BINTI DAHLAN**

PENGARAH PENDIDIKAN KEMAHIRAN



**NORE'IN BINTI MOHD SHUKOR**

PENGARAH LATIHAN & PEMBANGUNAN PROFESIONAL



**KOSONG**

KETUA UNIT INTEGRITI



**MOHAMAD SHAH BIN ZAINAL ABIDIN**

KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# PENGARAH KEMAS NEGERI



**TAUFIK BIN MOHD YUSOP**

PENGARAH PERAK



**KHAIRUDDIN BIN MD NASIR**

PENGARAH SARAWAK



**KOSONG**

PENGARAH JOHOR



**AHMAD FAKRUL AZMAN BIN MUHAMMAD RADZI**

PENGARAH SABAH



**MOHD ALI HANAFIAH BIN ABU HASSAN**

PENGARAH SELANGOR



**NOOR AZMAN BIN ABD RAHMAN**

PENGARAH KEDAH

KEMAS AR2021_Teks.indd 21 13/10/2022 10:04 AM

# PENGARAH KEMAS NEGERI



**ROKHZAIDI BIN OTHMAN**

PENGARAH MELAKA



**ZAMRI BIN MUHAMMAD**

PENGARAH PAHANG



**MOHD ZAKI BIN ISMAIL**

PENGARAH PULAU PINANG



**MOHD ABDULLAH BIN MORAD**

PENGARAH PERLIS



**HASHIM BIN ALANG ABDUL HAMID**

PENGARAH KELANTAN



**YUHANY BINTI KAMAROL ZAMAN**

PENGARAH TERENGGANU



**ZAINAL ABIDIN BIN ALI**

PENGARAH WILAYAH PERSEKUTUAN



**MOHAMAD BIN ABU BAKAR**

PENGARAH NEGERI SEMBILAN

KEMAS AR2021_Teks.indd 22 13/10/2022 10:04 AM

# PENGETUA KEMAS NEGERI



**NORFAZLINDA BINTI ABDUL MAJID**

PENGETUA PLK MELAKA



**KAMARUZAMAN BIN ISMAIL**

PENGETUA ILK KUANTAN, PAHANG



**ROSMAN BIN SHAARI**

PENGETUA PLK KUALA TERENGGANU, TERENGGANU



**SHARIFAH BEGUM BINTI ARABJAN**

PENGETUA ILK KUALA LUMPUR



**MOHD HANAFI BIN ABD MUTALIB**

PLK KEPALA BATAS, PULAU PINANG



**WAN NORLEE BINTI WAN ISMAIL**

PENGETUA AKK SERI ISKANDAR, PERAK



**NORMALINA BINTI ABD MANAP @ ABD MANAF**

PENGETUA AKK GOPENG, PERAK

KEMAS AR2021_Teks.indd 23 13/10/2022 10:28 AM

# FALSAFAH PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Falsafah Pembangunan Luar Bandar ialah peningkatan kualiti hidup penduduk luar bandar melalui program-program dan usaha menjadikan kawasan luar bandar satu kawasan yang produktif, menarik, maju dan menguntungkan.

Ianya harus seimbang dengan pembangunan insan yang dinamis, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan kumpulan sasar untuk menggunakan faktor masa, sumber alam dan pengetahuan ke tahap optima.

Dengan demikian, pembangunan ekonomi dan kesejahteraan hidup keluarga sentiasa cemerlang dan dalam keredhaan Tuhan. Dari dimensi ini falsafah pembangunan luar bandar akan memberi fokus kepada pembangunan manusia oleh manusia. Instrumen pembangunan manusia adalah pendidikan seumur hidup.

# TERAS FALSAFAH

Berasaskan pembangunan manusia itu sendiri, kerana manusia akan dapat menggunakan faktor masa dan sumber ke tahap paling optima supaya kadar pembangunan ekonomi dan kesejahteraan hidup keluarganya sentiasa dalam tahap kecemerlangan.

KEMAS AR2021_Teks.indd 24 13/10/2022 10:04 AM

# CARTA FUNGSI BAHAGIAN/ UNIT

# CARTA FUNGSI BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN PENTADBIRAN

## SUMBER MANUSIA

### TETAP

**Perancangan Tenaga Manusia**
- Data perjawatan
- Skim perjawatan
- Pembangunan personel
- Naziran
- Perancangan tenaga manusia peringkat Jabatan Pengkalan data

**Pembangunan Organisasi**
- Penyediaan carta organisasi
- Permohonan penstrukturan semula organisasi/ perjawatan luar
- Merancang keperluan tenaga manusia
- Naziran perjawatan
- Dasar Sumber Manusia

**Naik Pangkat & Prestasi**
- Urusan kenaikan pangkat
- Perakuan kenaikan pangkat / pemangkuan kerja
- Urusan tanggung kerja
- Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)
- LNPT / APC / PPC
- Urusan laporan prestasi
- Urusan peperiksaan Jabatan / KPSL
- Anugerah Bintang Kebesaran Persekutuan / Negeri

**HRMIS**
- Urusan pengisytiharan harta
- Urusan modul-modul HRMIS

**Perkhidmatan**
- Urusan pengesahan perkhidmatan / jawatan
- Kemaskini buku rekod perkhidmatan
- Penyediaan Kew8
- Urusan pergerakan gaji, pemberian elaun & kemudahan kakitangan
- Latihan dalaman & penyediaan dokumen

**Keurusetiaan**
- Mengendalikan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

**Kemudahan & Saraan**
- Urusan & permohonan cuti
- Pergerakan gaji
- Pemberian elaun & kemudahan kakitangan
- Urusan keluar negara / rasmi / persendirian
- Proses persaraan

### KONTRAK

**Perancangan & Pengambilan**
- Urusan pengambilan
- Urusan pelantikan perkhidmatan kontrak / pinjaman
- Urusan penempatan kakitangan baru
- Urusan pengisian jawatan

**Pelantikan**
- Urusan pelantikan perkhidmatan kontrak / pinjaman / pertukaran sementara atau tetap
- Penyediaan borang perjanjian

**Data**
- Kekosongan jawatan
- Maklumat personel
- Maklumat bekas kakitangan kontrak (Bantuan Sara Hidup)

# BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN PENTADBIRAN

## PENTADBIRAN

### KUALITI

**Kualiti**

- Program kualiti, produktiviti
- Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) di KEMAS Ibu Pejabat dan KEMAS Negeri
- Pasukan Petugas Kualiti KEMAS
- Pelaksanaan EKSA
- Pelaksanaan, pemantauan, penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti 5S
- Manual Prosedur Kerja / fail meja
- Sambutan Hari Inovasi KEMAS
- Penyelaras program inovasi
- Penyelaras KIK peringkat KEMAS

### KAUNSELING/ AKRAB

**Kaunseling/AKRAB**

- Penyelaras AKRAB Peringkat Jabatan dan Negeri
- Menyelaras program-program kaunseling
- Hari Psikologi
- Menyelaras program-program AKRAB Jabatan

### PENTADBIRAN, NAZIRAN & KEURUSETIAAN

**Pentadbiran Am**

- Pentadbiran dan kewangan
- Urusan surat-menyurat
- Penyediaan Kad Perakam Waktu
- Menyelaras petugas Perhimpunan Bulanan
- Pentadbir cuti
- Urusan penyelenggaraan, kenderaan Jabatan dan kelengkapan pejabat
- Khidmat Pelanggan (Kaunter)

**Pengurusan Sewa Ruang Pejabat**

- Urusan sewaan ruang pejabat pejabat Ibu Pejabat, Negeri, Daerah
- Urusan penyelenggaraan pejabat-pejabat di Ibu Pejabat, Negeri, Daerah

**Keselamatan**

- Penyelenggaraan semula pejabat
- Urusan penerimaan, pengendalian, pemeringkatan, penyimpanan selamat & penghantaran dokumen
- Urusan keselamatan fizikal
- Mesyuarat Pegawai Keselamatan peringkat Jabatan & Kementerian
- Urusan keselamatan peribadi

**Urusan Rekod**

- Urusan *coding* fail – *teasaurus* fail
- Urusan pelupusan fail
- Pelantikan Pegawai Rekod
- Mesyuarat berkala Pegawai Rekod Jabatan
- Latihan & kursus rekod
- Unit Pendaftaran Rahsia perjanjian

**Keurusetiaan**

- Mengendalikan mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan (Mesyuarat Pengurusan KEMAS dan Mesyuarat Pengarah-Pengarah
- Menyelaras maklum balas berkaitan mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan dan KKLW.
- Urusetia majlis Jabatan
- Sambutan Kemerdekaan
- Perhimpunan Bulanan

**Naziran**

- Naziran pematuhan peraturan
- Naziran dan audit pengurusan KEMAS

## CARTA FUNGSI BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

### BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

#### BELANJAWAN

**BELANJAWAN**
Menyediakan anggaran belanjawan, kawalan peruntukan dan laporan prestasi perbelanjaan bulanan.

#### KEWANGAN & AKAUN

**KEWANGAN**
Menguruskan urusan bayaran bagi perbelanjaan mengurus dan mengawal selia urusan pentadbiran kewangan.

**AKAUN**
Menguruskan penyesuaian perbelanjaan hasil, amanah dan vot serta mewujudkan rekod kewangan berkaitan wang amanah, deposit, wang jaminan pelaksanaan dan hasil.

#### PENGURUSAN ASET & STOR

**PENGURUSAN ASET**
Menguruskan penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan aset, penyelenggaraan, Pindahan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset alih.

**PEMANTAUAN**
Memantau Pengurusan Aset dan Stor Jabatan.

**PENGURUSAN STOR**
Menyelenggara penerimaan, pendaftaran dan pengeluaran stok Serta pelupusan, kehilangan dan hapus kira stok.

#### PEROLEHAN

**TENDER/ SEBUT HARGA/ EBIDDING/ PEMBELIAN TERUS**
Urusan perolehan merangkumi dokumen tender/sebut harga / eBidding/ pembelian terus bagi bekalan/ perkhidmatan/kerja.

# CARTA FUNGSI BAHAGIAN PEMBANGUNAN

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN

### PERANCANGAN DAN PENGURUSAN SUMBER

- Merangka dan menyediakan pelan dan halatuju perancangan pembangunan dan naiktaraf / baikpulih selari dengan dasar, hala tuju dan keperluan Jabatan
- Menyelaras dan merancang permohonan cadangan projek pembangunan di bawah Rolling Plan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT)
- Bekerjasama dengan Kementerian/Agensi Pusat/Agensi Pelaksana berkaitan hal ehwal peruntukan projek pembangunan RMLT
- Mengurus dan menyelaras hal ehwal tanah untuk projek pembangunan
- Menyelaras maklumat/data aset tak alih dalam sistem mySpata dan pengumpulan data baki awal (tanah & bangunan) di bawah sistem akaun akruan
- Menyelaras, mengagih dan mengawal peruntukan pembangunan
- Menyelaras, mengagih dan mengawal peruntukan wang pengurusan projek yang melibatkan projek KEMAS di agensi KKLW
- Menyelaras peruntukan mengurus bagi Bahagian Pembangunan
- Menyelaras keperluan kursus/bengkel bagi Bahagian Pembangunan
- Menyelaras urusan pentadbiran bagi Bahagian Pembangunan

### PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN PROJEK

- Bekerjasama dengan Kementerian / Agensi Pusat / Agensi Pelaksana berkaitan hal ehwal pelaksanaan projek pembangunan RMLT
- Mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan projek pembangunan merangkumi projek sambungan dan bina baru
- Mengurus, menyelaras dan memantau pelaksanaan kerja baikpulih /naiktaraf di bawah peruntukan pembangunan
- Memantau status, menyelaras dan mengawalselia data projek pembangunan meliputi projek sambungan, bina baru dan kerja baikpulih / naiktaraf
- Menyelaras maklumat pelaksanaan projek dalam Sistem Pemantauan Projek (SPPII)
- Menyemak dan memperaku BQ bagi projek pembangunan dan projek / kerja baikpulih yang disediakan di peringkat negeri/daerah
- Bekerjasama dengan Agensi Pelaksana berkaitan aspek teknikal yang melibatkan rekabentuk, pelan piawai dan anggaran kos projek pembangunan dan projek / kerja baikpulih
- Mengurus, menyelaras dan memantau kemajuan pelaksanaan projek dari aspek teknikal

# CARTA FUNGSI BAHAGIAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

## UNIT PENGURUSAN, PENTADBIRAN & PENYELIDIKAN

**1. PENGURUSAN & PENTADBIRAN LATIHAN**

b. Mengurus dan merancang Pelan Operasi Latihan (POL) KEMAS bagi struktur dan peringkat latihan yang sesuai dengan kompetasi warga KEMAS seperti Program Assessment Centre (PAC), bagi warga kerja baru.

c. Melestarikan kemudahan Institut dan Pusat Latihan KEMAS:
- Menyediakan kemudahan latihan ILK/PLK yang lebih kondusif dan mesra pelanggan
- Mempraktikkan *Standard Operational Procedure* (SOP) kemudahan latihan

d. Merancang dan melaksanakan pemantauan terhadap:
- Pengendalian perjalanan program/kursus/ bengkel di ILK/PLK mengikut SOP Latihan.
- Pengurusan dan Pentadbiran ILK/PLK- SOP Kemudahan Latihan

e. Membina dan menyediakan Pangkalan Data dan Laporan Latihan melalui:-
- Pengumpulan data Unit Generik, Unit Fungsional dan Unit Pengurusan, Pentadbiran & Penyelidikan, BLPP
- Mengendalikan Sistem e-Silk

f. Urus tadbir warga Latihan KEMAS
- Mengurus sistem sumber manusia – HRMIS jabatan khusus warga Latihan KEMAS.

**2. PENGURUSAN PEMBANGUNAN DAN KEWANGAN/ PEROLEHAN LATIHAN:**
- Peruntukan mengurus latihan/ pesanan kerajaan
- Peruntukan pembangunan fizikal/ non-fizikal latihan
- Pengurusan aset/ inventori/ pelupusan/ hapuskira

**3. PENYELIDIKAN TERHADAP PROGRAM/ KURSUS/ BENGKEL/ SEMINAR LATIHAN:**
- Menganalisa hasil laporan penilaian keberkesanan program/ kursus/ bengkel/ seminar latihan
- Menganalisa dan menyediakan keperluan sebenar latihan ***(Training Need Analysis -TNA)*** mengikut faktor yang harus diperbaiki dan dikembangkan/ ditingkatkan bagi kompetensi warga dan meningkatkan perkhidmatan KEMAS.
- Standard Prosedur Latihan/Kursus/

# BAHAGIAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

## UNIT GENERIK

1. **Meningkatkan tahap profesionalisme warga KEMAS melalui kerjasama dengan Agensi awam dan swasta:**
   a. Kemajuan Kerjaya
   - Pengurusan Pembangunan Kerjaya *(Succession Plan)*
   - Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAK)
   - Latihan berasaskan latihan terdahulu

   b. Perguruan
   - Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK)
   - Kursus Ikhtisas : Kursus Asuhan PERMATA (KAP)
3. **Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan Jurulatih Utama mengikut bidang kepakaran (SME)**
   a. Kursus Persijilan *Coaching & Mentoring*
   b. Sijil Kejurulatihan
   c. Sijil Penyeliaan
3. **Membangunkan modul pembelajaran bagi Program-Program KEMAS**
4. **Pengurusan Hal Ehwal Pelatih/ Peserta Program Profesionalisme**
   a. Pelaksanaan Tindakan Disiplin dan Tatatertib
   b. Hebahan, Tawaran dan Pengesahan Latihan
   c. Pengendalian Majlis Konvokesyen – Latihan
5. **Penyediaan pengemaskinian dan pembangunan modul pembelajaran/latihan**
6. **Penilaian keberkesanan kursus**

## UNIT FUNGSIONAL

1. **Melaksanakan program latihan bagi pembentukan serta pemantapan jati diri dan meningkatkan kompetensi Warga KEMAS**
   a. Pembentukan Jati Diri:
   - Kursus Asas Pengurusan Awam (KAPA) Lantikan Baru – Jawatan Tetap S29-S41 Lantikan Baru
   - Kursus Asas Pengurusan Organisasi (KAPO) Lantikan Baru - Jawatan Tetap dan Kontrak S19
   - Kursus Pra Perkhidmatan – Calon Pemaju Masyarakat Tabika Taska KEMAS S29 – Kontrak

   b. Program Pemantapan Jati Diri:
   - Smart-PKD/ Pengurusan Daerah (S29-S41)
   - Kursus Kumpulan Pengurusan (S41-S54)
   - Kursus Lepasan DPAK – Perubahan Kendiri Anjuran KEMAS (S/N11-,S19, S29)
   - MENJARO – Pelbagai gred jawatan
2. **Melaksanakan program latihan bagi pembentukan serta pemantapan jati diri dan meningkatkan kompetensi Warga KEMAS**
   a. Bahagian KEMAS
   b. KEMAS Negeri
   c. Institut & Pusat Latihan KEMAS
3. **Menyelaras kursus-kursus umum/ seminar/ *Public Program***
4. **Penyediaan pengemaskinian dan pembangunan modul pembelajaran/latihan**
5. **Penilaian keberkesanan kursus**

# CARTA FUNGSI BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

## BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

## SEKSYEN DASAR DAN KPI

### DASAR & DATA

- Menyediakan maklumat data asas aktiviti KEMAS
- Mengendalikan & menghadiri mesyuarat utama Jabatan & Kementerian
- Menyelaras prestasi peruntukan mengurus Bahagian
- Merangka strategi kerjasama dan kolaborasi dengan Jabatan/ agensi/ NGO
- Menyediakan rangka indeks kesejahteraan Masyarakat Luar Bandar
- Penyediaan kertas Dasar Jabatan & Nota Kabinet
- Menyedia dan Menyelaras:
  - Taklimat Jabatan
  - Retreat Bajet Jabatan

### KPI & KAJIAN

- Menyedia dan memantau prestasi KPI YBM, KSU, Ketua Pengarah KEMAS, Timbalan Ketua Pengarah
- Jawatankuasa Kajian Induk Kementerian (JKIK)
- Menyedia laporan dan kajian impak Program Bahagian
- Melatih master trainer dan TOT bagi mengendalikan latihan dan bengkel untuk kakitangan KPLB Communicator Team (KCT)
- Keceriaan dan Kebersihan (EKSA)

## SEKSYEN PEMBANGUNAN ORGANISASI & SOSIAL

### PEMBANGUNAN ORGANISASI & STRATEGIK

- Penyelarasan dan pemantauan Perlaksanaan Pelan Strategik
- Penyediaan dan penyelarasan:
  - Teks ucapan YBM
  - Takwim Tahunan
- Hal-hal berkaitan Pengurusan dan pentadbiran:
  - myPortfolio
  - Sasaran Kerja Tahunan (SKT)
  - Laporan Tahunan Bahagian
- Menyelaras program / majlis *ad hoc* Jabatan
- Menyelaras maklumbalas Kementerian, Jemaah Menteri dan mesyuarat-mesyuarat utama (Dasar, MexClub, Post Cabinet)

### PEMBANGUNAN SOSIAL

- Merangka dan menyediakan modul latihan dan bengkel untuk kakitangan KEMAS – Dasar Kerajaan
- Menyediakan Laporan Maklum Balas Semasa (MBS)
- Menyediakan modul latihan Jawatankuasa Aktiviti KEMAS
- Menyelaras dan menyediakan maklumat semasa

## CARTA FUNGSI BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

### BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

#### PENGURUSAN KUALITI DAN NAZIRAN

- **KUALITI & NAZIRAN**
  - Penanda aras kualiti Instrumen naziran serta mekanisma pemantauan yang sistematik
  - Instrumen pentaksiran kanak-kanak
  - Pelaksanaan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK)
  - Kajian impak Merangka kertas dasar Perkongsian bijak
- **KURIKULUM TEKNOLOGI PENDIDIKAN**
  - PdP menggunakan teknologi terkini
  - Aktiviti inovasi Penerbitan media Mempaten harta intelek
  - Alatan bahan Bantu Mengajar Standard piawaian alat bahan pengajaran dan pembelajaran

#### PRASARANA DAN PENGURUSAN

- **PRASARANA**
  - Keperluan prasarana
  - Keperluan peralatan dan kelengkapan
  - Peruntukan mengurus dan pembangunan
  - Penubuhan, pendaftaran serta penutupan kelas
- **PENGURUSAN**
  - Garis panduan prosedur pengurusan dan pentadbiran
  - Aduan pelanggan
  - Maklumat asas dan rekod
  - Mesyuarat dan urusetia
  - Aktiviti promosi

#### PEMBANGUNAN PENDIDIKAN

- **PERKEMBANGAN KEMAJUAN KANAK-KANAK**
  - Program kemajuan kanak-kanak
  - Pematuhan SOP dan Kurikulum PERMATA Negara Manual PdP
  - Pelaksanaan Pentaksiran
  - Modul aktiviti ko-kurikulum
  - Pelaksanaan SKPK & PERMATA Q dan ibu bapa aktiviti susulan
- **KOMPETENSI DAN PERSONEL PAK**
  - Kompetensi personal
  - Garis Panduan pelaksanaan PdP
  - Jawatankuasa aktiviti dan ibu bapa
  - Aktiviti susulan
- **PENDIDIKAN KESIHATAN DAN PEMAKANAN**
  - Program pemakanan
  - Pematuhan menu
  - Data status pemakanan
  - Garis panduan pemakanan
  - Pendidikan pemakanan sihat

# CARTA FUNGSI BAHAGIAN PENDIDIKAN KEMAHIRAN

## TVET

1. Penyelarasan program di Pusat Bertauliah KEMAS (AKKSI) dan (AKKG)
2. Merancang program kemahiran ke arah persijilan dan Diploma yang diiktiraf
3. Menggubal dan membangunkan modul berasaskan *National Occupational Standard Skills* (NOSS)
4. Menyediakan manual pengguna dan garis panduan kurikulum dan ko-kurikulum
5. Mewujudkan jaringan kerjasama strategik bersama agensi teknikal dan vokasional di peringkat nasional dan antarabangsa
6. Menguruskan pengambilan pelajar dan pengesanan graduan (*tracer studies*)

**AKREDITASI & INDUSTRI**

7. Pengurusan Pentauliahan dan Penarafan Bintang Pusat Bertauliah
8. Menetapkan standard piawaian program kemahiran
9. Menentukan pembangunan modul, kurikulum dan tenaga pengajar berdasarkan NOSS
10. Mendapatkan khidmat nasihat dan kepakaran dalam bidang teknologi, teknikal dan berkaitan
11. Merancang dan memantau penggunaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti
12. Menubuhkan bank soalan yang standard dan menepati piawaian JPK
13. Menentukan penilaian dan peperiksaan yang berkualiti
14. Memastikan pusat bertauliah dan ruang pembelajaran berada dalam keadaan kondusif dan selesa
15. Pembangunan bagi pelaksanaan kelas/bengkel kemahiran
16. Menguruskan hal ehwal pelatih Pusat Bertauliah

KEMAS AR2021_Teks.indd 34 13/10/2022 10:04 AM

# BAHAGIAN PENDIDIKAN KEMAHIRAN

## PENGURUSAN & PENTADBIRAN

1. Menyelaras hal ehwal perjawatan Penyelia dan Pemaju Masyarakat (PM) Pendidikan Kemahiran berkaitan:
   - Keperluan pengisian
   - Permohonan pertukaran jurusan
   - Pertukaran tempat bertugas
2. Merancang, melaksana dan menyelaras keperluan kursus peningkatan, profesionalisme kepada Penyelia dan PM Pendidikan Kemahiran
3. Membuat penilaian program latihan kemahiran berkaitan pembangunan kerjaya bidang Pendidikan Kemahiran
4. Merancang, menyelia dan menyelaras penyediaan Peruntukan Mengurus Tahunan dan Peruntukan Pembangunan Bahagian
5. Memantau dan menyediakan laporan prestasi perbelanjaan serta mengurus dan menyelaras agihan/ pindah peruntukan Bahagian
6. Merancang, menyediakan dan menyelaras keperluan prasarana yang sesuai dan berkualiti bagi pembelajaran yang kondusif
7. Merancang, mengurus dan menyelaras keperluan perolehan peralatan dan bahan mengajar yang berkualiti
8. Merancang, menyelaras dan membuat naziran terhadap pengisian kelas dari aspek aset dan inventori
9. Merancang, melaksana dan menyelaras penyediaan laporan analisa kajian impak program Pendidikan Kemahiran
10. Memantau dan menyediakan laporan keseluruhan prestasi bahagian
11. Menyelaras dan mengurus setia mesyuarat berkala bahagian

## PENDIDIKAN KEMAHIRAN SEPANJANG HAYAT

1. Merancang program Pendidikan Kemahiran sepanjang hayat dalam bidang masakan, jahitan, dandanan diri, komputer dan seni tangan menerusi kaedah Non-Formal selaras dengan Dasar Pembanguna Luar Bandar Tahun 2018 dan Pekeliling Bahagian Pendidikan Kemahiran Tahun 2008
2. Menetapkan standard piawaian modul program kemahiran
3. Merancang dan membangunkan program kemahiran ke arah persijilan melalui kaedah penilaian pencapaian terdahulu (SKM PPT)
4. Merancang, melaksanakan dan memantau penyediaan dan pematuhan garis panduan pelaksanaan program Pendidikan Kemahiran
5. Merancang, merangka dan menetapkan takwim peruntukan pembangunan bagi program/aktiviti Pendidikan Kemahiran
6. Merancang, menyelaras dan memantau perkembangan prestasi peserta-peserta kelas kemahiran
7. Merancang, merangka dan memantau aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum peserta kelas kemahiran
8. Memastikan penyertaan peserta baharu dalam setiap kelas dan aktiviti kemahiran bagi memastikan kelestarian prongram Pendidikan Kemahiran
9. Menjalinkan jaringan kerjasama strategik bersama agensi lain dan NGO
10. Menyelaras data dan pelaporan program

# CARTA FUNGSI BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

## UNIT KESEJAHTERAAN DESA DAN PENGURUSAN

1. Merancang, menyelaras, dan memantau pelaksanaan dan pencapaian Sistem Pangkalan Data Komuniti Desa (SPKPN dan JPKK)
2. Menyelaras data dan maklumat PPMK(PD), PM Ekonomi dan Institusi Kepimpinan Kampung
3. Merancang, menyelaras, memantau dan menyediakan laporan program kerjasama strategik Program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN)
4. Menyediakan latihan peningkatan Kemahiran kakitangan dan komuniti desa
5. Merancang, Menyelaras dan Melaksana program peningkatan kesejahteraan komuniti desa
6. Merancang, menyelaras dan melaksanakan program peningkatan kesedaran kepimpinan dan kesukarelaan di kalangan komuniti desa.
7. Merancang, menyelaras dan melaksanakan program berkaitan dengan pengupayaan ekonomi
8. Melatih dan meningkatkan kemahiran usahawan rintis.
9. Merancang, menyelaras dan melaksanakan pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan sokongan pentadbiran yang efisyen

KEMAS AR2021_Teks.indd 36 13/10/2022 10:04 AM

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

## UNIT PEMBANGUNAN INSAN DAN PENDIDIKAN LITERASI FUNGSIAN

1. Menyelaras sistem pembelajaran dikelas-kelas mengikut kurikulum yang ditetapkan.
2. Menyelaras dan menjawab isu-isu semasa berkaitan dengan ilmu keagamaan yang dibangkitkan oleh masyarakat.
3. Merancang dan melaksana Kursus Pengukuhan Master Trainers
4. Mengumpul dan mengemaskini serta menganalisa rekod dan data aktiviti
5. Membuat naziran pengajaran dan pembelajaran di kelas
6. Merancang dan melaksana kursus pengukuhan kepada penyelia dan pemaju masyarakat

## UNIT PUSAT SUMBER

1. Menyelaras pelaporan, pemantauan, perbelanjaan dan perlaksanaan fizikal dan non fizikal;
2. Merancang, menilai dan menyelaras spesifikasi serta keperluan bahan bacaan, bahan pengajaran dan kemudahan kelengkapan untuk aktiviti kelas;
3. Merancang dan menyediakan peruntukan untuk pemuliharaan Pusat Sumber;
4. Melaksanakan pemantauan prestasi perbelanjaan bagi pemuliharaan pusat sumber dan pemantauan ke premis pusat sumber;
5. Merancang dan menyelaras pembangunan koleksi, program dan perkhidmatan maklumat secara manual dan atas talian di Pusat Sumber
6. Melaksanakan latihan kepada Pemaju Masyarakat Pusat Sumber
7. Mendaftar permohonan keahlian Pusat Sumber dan menyimpan rekod keahlian.

# CARTA FUNGSI UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

## OPERASI & TEKNIKAL

**TEKNIKAL**

- Memastikan operasi harian menyelenggara peralatan sistem komputer berfungsi dengan baik dan sempurna.
- Mengurus perolehan dan pelupusan peralatan komputer.
- Melaksanakan kerja-kerja naziran dan inspektorat peralatan sistem komputer perolehan.
- Penyelenggaraan berkala.
- Pemeriksaan dan pemantauan ICT di premis-premis KEMAS Negeri.
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri.

**KESELAMATAN DAN RANGKAIAN**

- Sistem Automasi Pejabat
- Menyelaras penyelenggaraan rangkaian di KEMAS dan semua premis KEMAS Malaysia.
- Penetapan polisi dan peraturan penggunaan internet Jabatan.
- Pemeriksaan dan pemantauan ICT di premis-premis KEMAS Negeri.
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri.

**PENGURUSAN PUSAT DATA**

- Pelaksanaan Backup Sistem dan Data
- Server Aplikasi dan Operasi
- Penyelenggaraan Berkala
- Menyelia Pengurusan Pusat Data KEMAS
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri

KEMAS AR2021_Teks.indd 38 13/10/2022 10:04 AM

# UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

## PENGURUSAN & PENTADBIRAN

**PENGURUSAN & PENTADBIRAN**

- Kewangan
- Pentadbiran
- Perkhidmatan
- Pengurusan Aset
- Pengurusan Latihan ICT
- Pengurusan Aduan ICT
- Pembudayaan ICT
- Pelan Strategik
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri

## PEMBANGUNAN SISTEM & PENGURUSAN EMEL

**PEMBANGUNAN SISTEM**

- Penyelidikan terhadap keperluan pembangunan dan perolehan sistem
- Penyelidikan dan analisis fungsi aplikasi sistem dan pengkalan data
- Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem Dalaman KEMAS
- Pelaksanaan Sistem Kerajaan Elektronik
- Pembangunan dan penyelenggaraan GIS KEMAS
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri

**PENGURUSAN LAMAN WEB**

- Pembangunan/penyelenggaraan Laman Web KEMAS.
- Urus Setia Teknikal Jawatankuasa Laman Web.
- Menyelaras Laman Web dengan sasaran 5 bintang.
- Memastikan ketersediaan Laman Web.
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri.

**PENGURUSAN EMEL**

- Menyelaras pelaksanaan MyGovUC.
- Urusan penyelarasan dengan KEMAS Negeri.

# CARTA FUNGSI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## PERHUBUNGAN KORPORAT DAN KOMUNIKASI STRATEGIK

- Mengurus maklumbalas berhubung isu yang membabitkan imej Jabatan serta publisiti program Jabatan.
- Memantau berita di media elektronik dan Media Cetak setiap hari. Menyediakan keratan akhbar terhadap berita yang berkaitan jabatan dan diarkibkan.
- Menyediakan "Kenyataan Rasmi Jabatan" berkaitan isu yang berkaitan dengan mendapatkan kelulusan dari Ketua Pengarah.
- Menyelaras jemputan pihak media "Note to Editor" untuk tujuan liputan publisiti, Majlis Rasmi di peringkat Ibupejabat dan Negeri.
- Menyediakan "Kenyataan Media" dan "Fact Sheet" untuk edaran kepada pihak Media.
- Menyelaras pelaksanaan Sidang Media yang berkaitan program Jabatan.
- Menyelaras Pelan Media Jabatan bagi memastikan publisti program dan perkhidmatan yang Jabatan tawarkan mendapat hebahan kepada masyarakat.
- Menyelaras Teks Ucapan, Kata-kata Aluan bagi pelaksanaan program mahupun publisiti Jabatan.
- Mengurus maklumbalas atau aduan WargaNet di dalam platform Media Sosial Jabatan.
- Menyelaras komunikasi strategik antara Agensi, Jabatan dan Kementerian.

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## PENGURUSAN KORPORAT DAN PENERBITAN

- Mengurus konsep/imej yang standard dan seragam ke atas program dan aktiviti rasmi Jabatan.
- Mengurus konsep / skrip / story board bagi tujuan siaran dan penerbitan di media elektronik berkaitan program rasmi Jabatan atau bagi tujuan promosi aktiviti yang berkaitan dengan pihak Jabatan.
- Menyediakan Bahan promosi termasuk Montaj Program, Teaser dan Dokumentari Program Jabatan.
- Menyelaras Advertorial, Artikel dan Bahan Penulisan bagi tujuan edaran kepada pihak media.
- Mengurus dokumentasi Rasmi Jabatan Laporan Tahunan, brosur, risalah bagi tujuan edaran ke Pejabat KEMAS Negeri, Daerah dan rujukan pihak awam dan media.
- Pengurusan publisiti, promosi dan kempen bagi setiap program dan aktiviti serta majlis rasmi Jabatan melalui media elektronik dan bahan promosi.
- Menyelaras Perolehan Unit Komunikasi Korporat yang melibatkan sepanjang tahun.
- Menyelaras kursus kompetensi kakitangan yang terlibat dengan media.
- Mengemaskini maklumat di dalam Laman Web Rasmi Jabatan yang diperolehi dari Bahagian-Bahagian dalam Jabatan Menyelaras Hari Bertemu Pelanggan Jabatan.
- Mewujudkan dan Menyelaras informasi seranta bersama rakan Strategik Media di setiap Pejabat KEMAS Negeri.

## PENGURUSAN MEDIA DIGITAL

- Menyelaras program Jabatan menerusi Platfrom Media Elektronik.
- Menguruskan bahan-bahan E-Learning berdasarkan perkhidmatan Teras Jabatan
- Mengurus platform dalam talian secara berkala dan berdasarkan kehendak Pengurusan Jabatan.
- Mengkoordinasi Bahan-bahan Kandungan Digital dalam Media Elektronik
- Mengurus Arkib Digital secara sistematik.
- Mengurus bahan-bahan cetakan ke dalam bentuk digital
- Mengurus Penyelidikan dan Pembangunan Digital
- Mengurus koresponden di Pejabat KEMAS Negeri
- Mengurus Konti Studio Digital Jabatan

## CARTA FUNGSI UNIT INTEGRITI

### PENGUKUHAN INTEGRITI & PENGURUSAN ADUAN

1. Melaksanakan tugas pengurusan aduan awam dari pelbagai sumber seperti BPA, aduan telefon, perjumpaan dengan pengadu, 1MOCC, akhbar tempatan, Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) KPLB, emel, surat, faks, laman sosial rasmi dan sebagainya.
2. Merancang dan menyediakan modul yang bersesuaian untuk kursus integriti yang dilaksanakan kepada warga KEMAS.
3. Menyediakan laporan aduan awam yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan KEMAS & Mesyuarat Pengarah-Pengarah KEMAS.
4. Melaksanakan program berkaitan Pembudayaan Integriti berdasarkan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam (PIPA) di KEMAS
   a. Seminar
   b. Kursus
   c. Bengkel

## UNIT INTEGRITI

### TADBIR URUS & PEMATUHAN

1. Memantau pematuhan peraturan-peraturan berkuatkuasa di kalangan warga KEMAS dan menyediakan laporan kepada Ketua Bahagian.
2. Mengadakan naziran pematuhan peraturan ke bahagian-bahagian dan KEMAS Negeri.
3. Mengurus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) KEMAS dan Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) KPLB.
4. Menyediakan Laporan Pelaksanaan Pengurusan Integriti kepada:
   a. Ketua Pengarah KEMAS
   b. Ketua Setiausaha Kementerian
   c. Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, SPRM
5. Memantau pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP)
6. Menyediakan laopran Pelaksanaan Inisiatif Pelan Antirasuah (OACP) KEMAS Tahun 2022-2026

### PENGESANAN, PENGESAHAN & TATATERTIB

1. Menjalankan siasatan terhadap aduan yang melibatkan salah laku kakitangan.
2. Menyediakan laporan salah laku kepada pihak berkuasa berkaitan:
   a. Ketua Pengarah KEMAS
   b. KSU
   c. SPRM
3. Mengurus penyediaan Cadangan Tindakan Tatatertib kepada Jawatankuasa Tatatertib KKLW bagi Kakitangan Tetap KEMAS.
4. Mengurus penyediaan Cadangan Tindakan Tatatertib kepada Jawatankuasa Tatatertib KEMAS bagi Kakitangan Kontrak.
5. Mengurus Setia Mesyuarat Lembaga Tatatertib peringkat KEMAS bagi Kakitangan Kontrak.
6. Mengurus Setia Mesyuarat Lembaga Tatatertib peringkat KKLW bagi Kakitangan Tetap KEMAS.
7. Membantu merancang pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
8. Merancang program-program integriti dan dalam hal berkaitan pengurusan integriti kepada semua kakitangan KEMAS.
9. Menjalinkan hubungan kerjasama dengan agensi terbabit dalam pelaksanaan integriti.



# MAKLUMAT BAHAGIAN/ UNIT

KEMAS AR2021_Teks.indd 45 13/10/2022 10:04 AM

KEMAS AR2021_Teks.indd 46 13/10/2022 10:04 AM

# BAHAGIAN SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

KEMAS AR2021_Teks.indd 47 13/10/2022 10:04 AM

## BAHAGIAN SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

## 1. PENGENALAN

Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran merupakan nadi dalam organisasi Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Bahagian ini menyediakan perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan melalui pembentukan struktur perjawatan Jabatan yang optima, pelaksanaan pengurusan personel yang teratur dan menyediakan peluang kepada kakitangan untuk mempertingkatkan kualiti produktiviti. Selain itu, Bahagian ini berperanan menguruskan peruntukan kewangan, mengendali pengurusan aset Jabatan, keselamatan dan perlindungan serta pengurusan Kualiti Jabatan di peringkat KEMAS Ibu Pejabat dan Negeri.

Bagi menjamin kelancaran urus tadbir Jabatan, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran terbahagi kepada empat (4) unit utama iaitu Unit Tetap, Unit Kontrak, Unit JSKT dan Unit Pentadbiran.

## 2. UNIT TETAP

- **PENGURUSAN PERJAWATAN KAKITANGAN TETAP**

Bidang tugas yang dilaksanakan unit ini adalah kerja-kerja berkaitan tadbir urus kakitangan tetap Jabatan seperti urusan pertukaran, emolumen, persaraan, cuti, pengesahan pelantikan, pemberian taraf berpencen, kenaikan pangkat, tuntutan perubatan, cuti dan sebagainya. Sepanjang tahun 2021, bilangan pengisian perjawatan kakitangan tetap KEMAS berjumlah 859 kakitangan pelbagai gred. Bilangan permohonan pertukaran yang berjaya sepanjang 1 Januari sehingga 31 Disember 2021 adalah seramai 103 orang.

Bagi urusan pengisian perjawatan baru pula, sebanyak 32 permohonan melibatkan Jawatan Akauntan Gred WA41, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29, Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19, dan Pemandu Gred H11 telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2021.

Bagi urusan kenaikan pangkat/pemangkuan/kenaikan pangkat secara Time Based Berasaskan Kecemerlangan (TBK) untuk tahun 2021 pula, jumlah keseluruhan calon yang telah berjaya adalah sebanyak 43 permohonan daripada 71 permohonan yang diterima. Perinciannya adalah seperti berikut:

| AGENSI PELAKSANA | KENAIKAN PANGKAT | | PEMANGKUAN | | KENAIKAN PANGKAT SECARA TBK | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | MOHON | BERJAYA | MOHON | BERJAYA | MOHON | | BERJAYA | |
| | | | | | TBK1 | TBK2 | TBK1 | TBK2 |
| KPLB | 19 | 6 | 100 | 56 | 29 | 10 | 15 | 7 |
| JPA | 6 | 6 | 19 | 2 | 5 | - | 5 | - |
| KBS | - | - | - | - | - | - | - | - |
| JKR | - | - | - | - | - | - | - | - |
| MAMPU | - | - | - | - | - | - | - | - |
| JANM | - | - | 1 | - | - | - | - | - |
| **JUMLAH** | **25** | **12** | **119** | **58** | **34** | **10** | **20** | **7** |

*TBK1 : Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama*
*TBK2 : Kenaikan Pangkat Secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan Kali Kedua*

## 3. UNIT KONTRAK

- **PENGURUSAN PERJAWATAN KAKITANGAN KONTRAK**

Sebahagian besar kakitangan kontrak yang dilantik oleh KEMAS terdiri daripada kakitangan yang bertugas sebagai Pendidik Masyarakat di TABIKA dan TASKA KEMAS yang terdapat di seluruh Malaysia. Selain itu, KEMAS juga melantik Penyelia dari Pelbagai Jurusan.

Pengisian perjawatan kontrak sepanjang tahun 2021 adalah berjumlah 9,707. Pecahan pengisian mengikut negeri adalah seperti jadual di bawah:

## BAHAGIAN SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

| BIL | NEGERI | JUMLAH KONTRAK |
|---|---|---|
| 1 | Perlis | 176 |
| 2 | Kedah | 711 |
| 3 | Pulau Pinang | 329 |
| 4 | Perak | 807 |
| 5 | Wilayah Persekutuan | 381 |
| 6 | Selangor | 859 |
| 7 | Negeri Sembilan | 452 |
| 8 | Melaka | 348 |
| 9 | Johor | 1040 |
| 10 | Pahang | 667 |
| 11 | Kelantan | 618 |
| 12 | Terengganu | 514 |
| 13 | Sabah | 1302 |
| 14 | Sarawak | 1445 |
| 15 | Ibu Pejabat | 41 |
| 16 | AKK Gopeng | 5 |
| 17 | AKK Seri Iskandar | 5 |
| 18 | ILK Kuala Lumpur | 1 |
| 19 | ILK Kuantan | 2 |
| 20 | PLK Kepala Batas | 2 |
| 21 | PLK Melaka | 1 |
| 22 | PLK Terengganu | 1 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **9,707** |

- **PENGAMBILAN/PENGISIAN PERJAWATAN KONTRAK**

Sepanjang tahun 2021, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran terlibat dengan pengisian perjawatan kontrak bagi Pendidik Masyarakat TABIKA/TASKA Gred S29. Seramai 346 orang telah dilantik sebagai Pendidik Masyarakat TABIKA/TASKA.

- **PERTUKARAN PEGAWAI KONTRAK**

Proses pertukaran pegawai kontrak dilakukan sebanyak dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Januari dan Jun.

Pada tahun 2021, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran telah melaksanakan pertukaran tempat bertugas Pemaju Masyarakat Pelbagai Jurusan dan Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan, pertukaran jurusan Pemaju Masyarakat Pembangunan Komuniti (PKOM) /Pendidikan Kemahiran (PKEM) dan Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan pada bulan Ogos.

Jadual di bawah menerangkan dengan lebih jelas berkenaan permohonan pertukaran pegawai kontrak yang berjaya dan tidak berjaya.

| PERKARA | BIL. PERMOHONAN | BERJAYA | TIDAK BERJAYA |
|---|---|---|---|
| Pertukaran Tempat Bertugas PM Pelbagai Jurusan dan Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan | 128 | 63 | 65 |
| Pertukaran Jurusan PM PKOM/PKEM dan Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan | 83 | 67 | 16 |

## 4. PENTADBIRAN

Unit Pentadbiran adalah penting untuk melaksanakan Arahan dan Dasar Perkhidmatan Awam berpandukan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) yang dikeluarkan dari masa ke masa.

Ia bertujuan bagi melancarkan proses kerja Jabatan. Ianya melibatkan perancangan dan pengendalian hal ehwal pentadbiran pejabat, keperluan infrastruktur, perekodan pergerakan fail, urus setia mesyuarat dan pengurusan peruntukan kewangan secara cekap dan efisien.

- **PELAKSANAAN MESYUARAT BERKALA KEMAS TAHUN 2021**

| PERKARA | PENCAPAIAN |
|---|---|
| MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH | 4 kali |
| MESYUARAT PENGURUSAN | 7 kali |

- **PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS**

Prestasi Perbelanjaan Mengurus Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran:

| PERUNTUKAN MENGURUS | TERIMA | BELANJA | % PERBELANJAAN |
|---|---|---|---|
| | RM100,717,784.00 | RM98,140,581.82 | 97.44% |

Prestasi Perbelanjaan Khusus Emolumen Kakitangan Kontrak

| PERUNTUKAN KHUSUS | TERIMA | BELANJA | % PERBELANJAAN |
|---|---|---|---|
| | RM540,653,200.00 | RM534,708,985.05 | 98.90% |

Prestasi Perbelanjaan Khusus Emolumen Kakitangan Kontrak KEMAS ke Lantikan Tetap

| PERUNTUKAN KHUSUS | TERIMA | BELANJA | % PERBELANJAAN |
|---|---|---|---|
| | RM319,798,800.00 | RM290,105,904.26 | 90.72% |

Prestasi Perbelanjaan Khusus Bantuan Sara Hidup Bekas Kakitangan Kontrak KEMAS

| PERUNTUKAN KHUSUS | TERIMA | BELANJA | % PERBELANJAAN |
|---|---|---|---|
| | RM15,426,600.00 | RM15,348,300.00 | 99.49% |

## 5. PENCAPAIAN

Antara program/aktiviti yang dilaksanakan oleh Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran sepanjang tahun 2021 ialah:

- **AKRAB**

AKRAB KEMAS telah mengambil inisiatif menganjurkan siri program webinar Bicara Psikologi – Cabaran di Musim Covid-19 yang melibatkan seluruh negeri.

Objektif utama program tersebut adalah untuk meningkatkan kefahaman pegawai dan kakitangan KEMAS terhadap cabaran yang perlu dihadapi dalam mengharungi cabaran norma baharu, mengimbangi kestabilan emosi pegawai dan kakitangan KEMAS dalam menjalani kelangsungan hidup serta meningkatkan kesedaran integriti dalam menjalankan tanggungjawab sebagai penjawat awam.

## BAHAGIAN SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

### PROGRAM WEBINAR BICARA PSIKOLOGI – CABARAN DI MUSIM COVID-19


















- **ANUGERAH KUALITI DAN INOVASI**

KEMAS telah menyertai Anugerah Kualiti dan Inovasi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi Kategori Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan dan Anugerah Kualiti Keceriaan Kemerdekaan.

## 6. KURSUS/BENGKEL

- Taklimat dan Amali Penggunaan Sistem DDMS KEMAS di Aras 6 pada 31 Mac, 4 April dan 5 April 2021;
- Kursus Fail dan Rekod (Secara Atas Talian) pada 14 dan 15 Julai 2021;
- Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi di Vivatel Hotel pada 19 - 21 November 2021;
- Kursus Sahabat Akrab Secara Atas Talian pada 6 dan 7 September 2022;
- Hari Psikologi KEMAS Tahun 2021 Secara Atas Talian pada 22 November 2021.

KEMAS AR2021_Teks.indd 56 13/10/2022 10:04 AM

# BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

KEMAS AR2021_Teks.indd 57 13/10/2022 10:04 AM

## BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

## 1. PENGENALAN

Bahagian Kewangan dan Perolehan bertanggungjawab memastikan pengurusan kewangan KEMAS berjalan dengan cekap dan teratur serta selaras mengikut Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan, Portal Pekeliling Perbendaharaan (PPP), Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia dan lain-lain peraturan atau prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa.

Selain daripada itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam urusan perolehan iaitu merancang serta mengurus perolehan jabatan bagi bekalan dan perkhidmatan serta mengendalikan urusan yang berkaitan dengan aset dan stor kerajaan.

Bahagian Kewangan dan Perolehan juga menjalankan pengurusan aset KEMAS serta menyelaras pengurusan aset di KEMAS Negeri, KEMAS Daerah, Institut Latihan KEMAS, Pusat Latihan KEMAS serta di premis KEMAS yang lain seperti TABIKA, TASKA, Pusat Sumber dan sebagainya.

Bahagian ini terdiri daripada empat (4) unit iaitu:

a. Unit Belanjawan
b. Unit Kewangan dan Akaun
c. Unit Perolehan
d. Unit Pengurusan Aset dan Stor

## 2. PRESTASI PERBELANJAAN DI JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT

- **PERUNTUKAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021 DI KEMAS**

Pada tahun 2021, KEMAS telah menerima Peruntukan Mengurus sebanyak RM1,099,192,700.00 yang merangkumi peruntukan bagi Dasar Sedia Ada sebanyak RM129,951,500.00. Program Khusus pula telah menerima peruntukan sebanyak RM969,241,200.00.

Selain daripada Peruntukan Mengurus, KEMAS turut menerima Peruntukan Pembangunan sebanyak RM50,484,600.00.

Pecahan peruntukan mengikut program dan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

| PERUNTUKAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021 | | | |
|---|---|---|---|
| BIL | PROGRAM | MENGURUS (RM) | PEMBANGUNAN (RM) |
| 1 | Dasar Sedia Ada | 129,951,500.00 | |
| 2 | Dasar Baru | – | 50,484,600.00 |
| 3 | Program Khusus | 969,241,200.00 | |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **1,099,192,700.00** | **50,484,600.00** |

Perbandingan Peruntukan Mengurus KEMAS yang diterima dalam tempoh tiga tahun berturut-turut (2019, 2020 dan 2021) adalah seperti berikut:

| PERBANDINGAN PERUNTUKAN MENGURUS KEMAS YANG DITERIMA BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021 | | | | |
|---|---|---|---|---|
| BIL | PROGRAM | PERUNTUKAN DITERIMA (RM) | | |
| | | TAHUN 2019 (RM) | TAHUN 2020 (RM) | TAHUN 2021 (RM) |
| 1 | Dasar Sedia Ada | 139,081,400.00 | 138,118,400.00 | 129,951,500.00 |
| 2 | Dasar Baru | – | – | – |
| 3 | Program Khusus | 964,701,600.00 | 974,277,900.00 | 969,241,200.00 |
| 4 | Dasar One-Off | 3,520,000.00 | – | – |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **1,107,303,000.00** | **1,112,396,300.00** | **1,099,192,700.00** |

## 3. PENCAPAIAN PROGRAM/AKTIVITI

- **MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA) DAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN (JKPAK)**

Mesyuarat JPKA dan JKPAK pada tahun 2021 telah diadakan berdasarkan ketetapan yang telah digariskan di dalam Portal Pekeliling Pebendaharaan (PPP), PS 5.1-Garis Panduan Pelaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun dan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan supaya setiap PTJ dapat melaksanakan mesyuarat ini berdasarkan format dan aturcara yang betul.

Mesyuarat JPKA dan JKPAK telah diadakan sebanyak 4 kali pada tahun 2021 seperti berikut:

## BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

| MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA) | |
|---|---|
| **TARIKH** | **BILANGAN MESYUARAT** |
| 13 April 2021 | Mesyuarat JPKA Bil 1/2021 |
| 13 Julai 2021 | Mesyuarat JPKA Bil 2/2021 |
| 13 Oktober 2021 | Mesyuarat JPKA Bil 3/2021 |
| 13 Januari 2022 | Mesyuarat JPKA Bil 4/2021 |

| MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN (JKPAK) | |
|---|---|
| **TARIKH** | **BILANGAN MESYUARAT** |
| 9 April 2021 | Mesyuarat JKPAK Bil 1/2021 |
| 9 Julai 2021 | Mesyuarat JKPAK Bil 2/2021 |
| 13 Oktober 2021 | Mesyuarat JKPAK Bil 3/2021 |
| 13 Januari 2022 | Mesyuarat JKPAK Bil 4/2021 |

- ### PENGURUSAN PEMBAYARAN BIL DALAM TEMPOH TIDAK MELEBIHI 7 HARI BAGI TAHUN 2021

Pengurusan Pembayaran Bil dalam tempoh tidak melebihi 7 hari merupakan *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan bagi kesemua Pusat Tanggungjawab Pembayar (PTJ) di Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Dalam usaha mencapai KPI tersebut, KEMAS telah berjaya memastikan KPI pembayaran bil/arahan pembayaran (AP) tidak melebihi 7 hari telah tercapai sebanyak 99.68% iaitu sebanyak 75,977 bil daripada jumlah keseluruhan sebanyak 76,216.

Analisa pencapaian prestasi pembayaran bil bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

| TEMPOH | PRESTASI PEMBAYARAN BIL/ARAHAN PEMBAYARAN (AP) TAHUN 2021 | |
|---|---|---|
| | BILANGAN BIL/ AP | % |
| 0-7 hari | 75,977 | 99.68% |
| 8-14 hari | 134 | 0.18% |
| >14 hari | 105 | 0.14% |
| **JUMLAH** | **76,216** | **100%** |

| BENGKEL/KURSUS ANJURAN BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN | | | |
|---|---|---|---|
| **Tajuk bengkel/kursus** | **Tarikh (tempat)** | **Peserta** | **Pengisian bengkel/kursus** |
| Kursus Pemantapan Pengurusan Kewangan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Tahun 2021 | 2 – 3 Ogos 2021 (Online di Aplikasi WEBEX) | 120 orang (Terbuka kepada semua Pegawai/Kakitangan di Gred 19 – 52 sama ada di Ibu Pejabat/Negeri. | ▪ **SLOT 1:** Penemuan Naziran. Bahagian Akaun, KPLB (2 jam)<br>▪ **SLOT 2:** My Cost. Bahagian Akaun, KPLB (2 jam)<br>▪ **SLOT 3:** Kadar & Syarat Tuntutan Elaun Perjalanan. Bahagian Kewangan, KPLB (2 jam)<br>▪ **SLOT 4:** Surat Pekeliling KSU Penetapan Kadar Bagi Bukan Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Program Rasmi. Bahagian Kewangan, KPLB (2 jam)<br>▪ **SLOT 5:** Penetapan Kadar dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan. Bahagian Perolehan KPLB (2 jam)<br>▪ **SLOT 6:** Psikologi Pengurusan Kewangan. Kementerian Pelajaran Malaysia (2jam) |

KEMAS AR2021_Teks.indd 62 13/10/2022 10:04 AM

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN

### 1. PENGENALAN

Bahagian Pembangunan dipertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan memantau bajet pembangunan. Selain itu, Bahagian ini juga bertanggungjawab merancang projek-projek fizikal KEMAS bagi tempoh lima tahun dan tahunan yang bersesuaian dengan keperluan kumpulan sasar.

Pada tahun 2021, Bahagian ini terlibat dalam pelbagai aktiviti. Antaranya ialah memantau pelaksanaan projek Rolling Plan Pertama (RP1) yang merupakan tahun pertama bagi Rancangan Malaysia Ke-Dua Belas (RMKe-12).

Di samping itu pada tahun yang sama, Bahagian ini juga membuat persediaan perancangan program/projek yang dicadang untuk dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-Dua Belas (RMKe-12) yang bermula pada tahun 2021 sehingga tahun 2025.

Bahagian ini dipecahkan kepada dua (2) unit iaitu :

- Unit Perancangan dan Pengurusan Sumber; dan
- Unit Pembangunan dan Pengurusan Projek

### 2. PRESTASI PERBELANJAAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| PERUNTUKAN MENGURUS | PERUNTUKKAN RM1,151,800.00 | PERBELANJAAN RM1,118,452.00 | % PERBELANJAAN 97.10 |
| PERUNTUKAN PEMBANGUNAN | PERUNTUKKAN RM50,196,385.14 | PERBELANJAAN RM49,754,746.89 | % PERBELANJAAN 99.12 |

# 3. PENCAPAIAN BAHAGIAN

## ▪ UNIT PERANCANGAN DAN PENGURUSAN SUMBER

### PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RMKE-12

Jumlah peruntukan pembangunan yang diluluskan untuk KEMAS pada tahun 2021 adalah sebanyak RM68,914,300.00 melibatkan butiran program Pendidikan Kemahiran, Pembangunan Komuniti, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pusat Kegiatan Masyarakat serta Latihan dan Pembangunan Profesional.

Agihan peruntukan bagi butiran program ini adalah seperti berikut:

**PECAHAN PERUNTUKAN MENGIKUT PROGRAM DAN PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2021**

| BIL | PROGRAM | PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM) | WARAN DITERIMA (RM) | BELANJA DIFLIMSI SEHINGGA 31.12.2021 | % |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Pendidikan Kemahiran | 17,690,000.00 | 13,164,489.90 | 13,161,510.15 | 99.98 |
| 2 | Pembangunan Komuniti | 2,500,000.00 | 1,328,258.00 | 1,321,177.00 | 99.47 |
| 3 | Pendidikan Awal Kanak-Kanak | 17,024,200.00 | 15,015,569.09 | 14,666,475.38 | 97.68 |
| 4 | Pusat Kegiatan Masyarakat | 27,600,000.00 | 18,575,591.34 | 18,493,107.55 | 99.56 |
| 5 | Latihan & Pembangunan Profesional | 4,100,100.00 | 2,112,476.81 | 2,112,476.81 | 100.00 |
| **JUMLAH BESAR** | | **68,914,300.00** | **50,196,385.14** | **49,754,746.89** | **99.12** |

Dalam keadaan negara berhadapan dengan wabak pandemik COVID-19 pada tahun 2020 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dalam tempoh yang lama memberikan kesan yang ketara kepada perancangan dan pelaksanaan program/ projek KEMAS pada tahun 2021.

Banyak program kemahiran dan kemasyarakatan yang telah dirancang lebih awal tidak dapat dilaksanakan berikutan pengamalan norma baharu telah membataskan pelaksanaan aktiviti bersemuka bersama masyarakat.

Manakala bagi pelaksanaan projek fizikal pula, pelaksanaan proses-proses awalan seperti lawatan tapak, penyediaan spesifikasi dan perolehan tertangguh manakala projek sambungan yang telah berjalan di tapak terpaksa dihentikan seketika dan hal ini melayakkan kontraktor yang dilantik layak untuk mendapat lanjutan masa secara automatik.

KEMAS telah membuat serahan semula peruntukan pembangunan kira-kira berjumlah RM18,717,914.86 bersamaan 27% daripada peruntukan asal yang dikemaskini dari masa ke masa disebabkan oleh kekangan seperti yang dijelaskan di atas.

## PENGURUSAN TANAH

Pihak KEMAS memberi tumpuan khusus terhadap usaha pemutihan tapak yang telah didirikan bangunan KEMAS di seluruh negara bagi mengelakkan timbulnya masalah tuntutan semula terhadap tapak yang terlibat pada masa hadapan.

Ia juga bagi melancarkan proses pembinaan semula bangunan yang tidak kondusif untuk melaksanakan aktiviti KEMAS. Oleh yang demikian, keutamaan diberi kepada permohonan yang melibatkan proses pemutihan tapak yang telah mempunyai bangunan sedia ada berbanding permohonan bagi tapak cadangan bina baru.

Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 427 tapak bangunan telah didaftarkan sebagai milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) untuk kegunaan KEMAS. Sebanyak 72 tapak bangunan telah dirizab dan diwartakan bagi kegunaan KEMAS, manakala 161 tapak merupakan tapak berstatus Temporary Occupational Licence (TOL) di Sarawak yang juga dalam proses untuk didaftarkan atas milik PTP.

Jumlah keseluruhan tapak yang didaftarkan untuk kegunaan KEMAS mengikut negeri adalah seperti berikut:

**TAPAK BANGUNAN YANG DIDAFTARKAN UNTUK KEGUNAAN KEMAS MENGIKUT NEGERI**

| NEGERI | HAK MILIK | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | PTP/NOTIS 5A | TOL/GERAN DRAF | PERIZABAN/PEWARTAAN | |
| Johor | 3 | – | 67 | 70 |
| Kedah | 27 | – | – | 27 |
| Kelantan | 12 | – | – | 12 |
| Melaka | 44 | – | 1 | 45 |
| Negeri Sembilan | 108 | – | 1 | 110 |
| Pahang | 26 | – | 1 | 27 |
| Perak | 43 | – | 1 | 44 |
| Perlis | 3 | – | – | 3 |
| Pulau Pinang | 3 | – | – | 3 |
| Sarawak | 29 | 160 | – | 189 |
| Sabah | 1 | – | – | 2 |
| Selangor | 11 | – | – | 11 |
| Terengganu | 105 | – | 1 | 106 |
| Wilayah Persekutuan | 12 | – | – | 12 |
| **JUMLAH** | **427** | **161** | **72** | **660** |

## PENGURUSAN ASET TAK ALIH BANGUNAN

Pada tahun 2021, KEMAS meneruskan usaha mengemaskini dan melengkapkan Data Aset Tak Alih Jabatan melalui Pelaporan Tadbir Urus Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan yang disediakan oleh Jawatan Kuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) yang diurussetiakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Sehingga Disember 2021, sejumlah 9,628 premis KEMAS pelbagai status seperti premis persekutuan, tumpang dan sewa telah dilaporkan kepada Urusetia Jawatan Kuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JPAK) dengan pecahan seperti berikut:

### STATUS PENDAFTARAN ASET TAK ALIH DI BAWAH APLIKASI MYSPATA TAHUN 2021

| SENARAI PENDAFTARAN ASET TAK ALIH | JUMLAH |
|---|---|
| ASET PREMIS PERSEKUTUAN | 3,129 |
| ASET PREMIS TUMPANGAN | 5767 |
| ASET PREMIS SEWAAN | 732 |
| JUMLAH | 9628 |



| BANGUNAN YANG MENJALANKAN AKTIVITI KEMAS MENGIKUT NEGERI | | | |
|---|---|---|---|
| NEGERI | PREMIS PERSEKUTUAN | PREMIS TUMPANG | PREMIS SEWAAN |
| Ibupejabat | 0 | 1 | 0 |
| Johor | 295 | 875 | 73 |
| Kedah | 234 | 525 | 62 |
| Kelantan | 136 | 512 | 92 |
| Melaka | 143 | 229 | 48 |
| Negeri Sembilan | 194 | 205 | 49 |
| Pahang | 344 | 405 | 9 |
| Perak | 318 | 441 | 95 |
| Perlis | 58 | 38 | 7 |
| Pulau Pinang | 159 | 161 | 20 |
| Sarawak | 364 | 637 | 70 |
| Sabah | 321 | 667 | 78 |
| Selangor | 270 | 524 | 77 |
| Terengganu | 263 | 412 | 42 |
| Wilayah Persekutuan | 30 | 135 | 10 |
| **JUMLAH** | **3129** | **5767** | **732** |

## ▪ UNIT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN PROJEK

### PROJEK FIZIKAL BINA BARU

Kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi pelaksanaan 28 projek bina baru premis KEMAS pada tahun 2021 yang merangkumi projek bina baru TABIKA/ KOMTA dan Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM).

Projek-projek ini melibatkan peruntukan tahunan berjumlah RM2,800,000 dan peruntukan keseluruhan berjumlah RM63,745,493.00.

Ringkasan Bilangan Projek Bina Baru Premis KEMAS adalah seperti jadual berikut :

### RINGKASAN BILANGAN PROJEK BINA BARU PREMIS KEMAS

| | BILANGAN PROJEK | PERUNTUKAN 2021 (RM) | NILAI PROJEK (RM) |
|---|---|---|---|
| TABIKA/KOMTA | 25 | 2,500,000 | 15,476,493 |
| PUSAT KEGIATAN MASYARAKAT (PKM) | 3 | 300,000 | 48,269,000 |
| JUMLAH | 28 | 2,800,000 | 63,745,493 |

## PROJEK FIZIKAL NAIK TARAF DAN PEMULIHARAAN

Perancangan pada tahun 2021 melibatkan perlaksanaan sejumlah 224 projek naik taraf dan pemuliharaan premis KEMAS dengan peruntukan berjumlah RM15,473,221.22.

Projek berkenaan merangkumi Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM), Pejabat KEMAS Daerah/ Negeri, Kompleks Komuniti Desa, TABIKA, TASKA, PPAK, KOMTA, premis Pendidikan Kemahiran KEMAS, Institut/ Pusat Latihan KEMAS (ILK/ PLK), Pusat Sumber dan *Local Area Network* (LAN). Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 224 projek telah berjaya disiapkan.

## RINGKASAN BILANGAN PROJEK BINA BARU PREMIS KEMAS

| 2021 | BILANGAN PROJEK | PERUNTUKAN 2021 (RM) |
|---|---|---|
| | **224** | **15,473,221.22** |

PKM – PEJABAT KEMAS DAERAH/NEGERI – KOMPLEKS KOMUNITI DESA – TABIKA – TASKA – PPAK

KOMTA – PREMIS PENDIDIKAN KEMAHIRAN KEMAS – ILK/PLK – PUSAT SUMBER – LOCAL AREA NETWORK (LAN)



KEMAS AR2021_Teks.indd 71 13/10/2022 10:04 AM

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Senarai projek mengikut negeri adalah seperti jadual berikut :

| RINGKASAN BILANGAN PROJEK NAIK TARAF DAN PEMULIHARAAN PREMIS KEMAS TAHUN 2021 | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| NEGERI | PERUNTUKAN (RM) | PKM/PKD/ PKMN/KKD | PENDIDIKAN KEMAHIRAN | TABIKA/TASKA/ PPAK/KOMTA | PUSAT SUMBER | INSTITUT/PUSAT LATIHAN | *LOCAL AREA NETWORK* (LAN) | JUMLAH |
| Johor | 99,998.69 | – | 1 | – | – | – | – | **1** |
| Kedah | 1,460,039.50 | 9 | 5 | 5 | 5 | – | – | **24** |
| Kelantan | 1,199,287.00 | 6 | – | 6 | 1 | – | – | **13** |
| Melaka | 840,000.00 | 1 | – | 1 | – | 1 | – | **3** |
| Negeri Sembilan | 100,000.00 | 1 | 2 | – | – | – | – | **3** |
| Pahang | 2,931,482.91 | 5 | 10 | 10 | 11 | – | – | **36** |
| Perak | 999,896.00 | 1 | 7 | – | 4 | – | – | **12** |
| Perlis | 617,054.50 | 2 | 16 | – | – | – | – | **18** |
| Pulau Pinang | 799,919.73 | 3 | 9 | 27 | – | – | – | **39** |
| Sarawak | 1,987,854.61 | 3 | 6 | 4 | 2 | – | 1 | **16** |
| Sabah | 100,000.00 | 1 | – | – | – | – | – | **1** |
| Selangor | 2,549,949.94 | 11 | 4 | 17 | – | – | – | **32** |
| Terengganu | 957,739.48 | 1 | 2 | 6 | – | – | 6 | **15** |
| Wilayah Persekutuan | 829,998.86 | 1 | 3 | 6 | – | 1 | – | **11** |
| **JUMLAH** | **15,473,221.22** | **45** | **65** | **82** | **23** | **2** | **7** | **224** |

### PERUNTUKAN PEMBANGUNAN – PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN BANGUNAN KEMAS (PENGELASAN SEMULA PERUNTUKAN B22 KEPADA PERUNTUKAN P22)

KEMAS telah terlibat di dalam pengelasan semula peruntukan pembangunan iaitu daripada peruntukan B22 kepada peruntukan di bawah P22 (Pembangunan) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM9,500,000.00.

Daripada keseluruhan peruntukan diterima, KEMAS telah belanja RM9,250,401.69 iaitu dengan pencapaian perbelanjaan sebanyak 97.93% yang melibatkan pembaikan 484 jumlah premis TABIKA / TASKA di seluruh negara.

## 4. KURSUS / BENGKEL YANG DILAKSANAKAN

| TAJUK KURSUS/BENGKEL | PESERTA | PENGISIAN |
|---|---|---|
| 1. Bengkel Pemurnian Data dan *User Requirement Specification* (URS) bagi Sistem Maklumat Premis KEMAS (SPKEM)<br><br>Tarikh : 25 -27 Oktober 2021<br>Tempat : Flamingo Beach Hotel Pulau Pinang | Pegawai daripada setiap Pengurus Program di Ibu Pejabat KEMAS<br><br>Pegawai KEMAS Negeri Perlis, Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Melaka<br><br>Pegawai dari Agensi Angkasa Malaysia sebagai Fasilitator | Menyediakan dokumen URS yang lengkap sebagai rujukan kepada pihak MYSA untuk pembangunan sistem<br><br>Memurnikan data maklumat premis negeri terlibat dan semakan ketepatan premis mengikut lokasi berdasarkan data spatial |
| 2. Bengkel Penilaian Keadaan Prestasi Aset KEMAS bagi Negeri Pahang | Pegawai KEMAS peringkat Negeri dan Daerah | Penerangan mengenai tatacara Penilaian Keadaan/ Prestasi Aset (Premis KEMAS) bagi melengkapkan Pelan Strategi Pengurusan Aset (Operasi) seperti mana Pekeliling Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan Bil 2/2012 |

KEMAS AR2021_Teks.indd 74 13/10/2022 10:04 AM

# BAHAGIAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

## BAHAGIAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

### 1. PENGENALAN



**VISI**

Membentuk warga KEMAS yang kompeten dan cemerlang dalam perkhidmatan Awam.



**MISI**

Membentuk warga KEMAS yang kompeten dan cemerlang dalam perkhidmatan Awam.

### OBJEKTIF



Melahirkan warga kerja yang kompeten, profesional melalui ASK, sihat fizikal, mental dan berintegriti.



Melaksanakan kursus berdasarkan keperluan sebenar.



Mengukuhkan urus tadbir prasarana ILK / PLK.



Memantapkan NBOS bagi peningkatan akademik dan pengetahuan warga kerja.

Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional telah membangunkan pengupayaan warganya melalui program latihan dan pembangunan kerjaya.

Ia bagi memastikan setiap anggota KEMAS melengkapkan diri dengan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pembentukan nilai yang positif serta peningkatan peluang kerjaya sejajar dengan objektif dan matlamat iaitu mewujudkan modal insan yang cemerlang.

Latihan KEMAS berfokuskan kepada Latihan Dalam Perkhidmatan dan Latihan Pra-Perkhidmatan. Ia dibahagikan kepada tiga (3) inisiatif yang bertujuan memperkasakan program latihan bagi meningkatkan kompetensi dan tahap profesionalisme anggota KEMAS selari dengan Hala Tuju KEMAS.

Tiga (3) inisiatif latihan adalah seperti berikut:

### INISIATIF 1
**MEMANTAPKAN *ATTITUDE, SKILL* DAN *KNOWLEDGE***

- Bengkel Pemantapan Profesionalisme Diri Unggul
- Kursus Bahasa Inggeris “*Power Up Your English*”
- Seminar Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- Bengkel Pemantapan Pengurusan Daerah
- Kursus Coaching & Mentoring KEMAS
- MENJARO

### INISIATIF 2
**MENINGKATKAN TAHAP PROFESIONALISME**

- Kursus Asuhan PERMATA
- Kursus Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK)
- Melahirkan pegawai pakar bidang khusus (SME)
- *Programme Successional Plan*
- Kursus Asas Pengurusan Organisasi (KAPO)
- Kursus Asas Pengurusan Awam (KAPA)

### INISIATIF 3
**MERAKYATKAN INSTITUT DAN PUSAT LATIHAN**

- Menawarkan 30% kursus kepada kumpulan sasar (masyarakat)
- Bengkel Kecemerlangan Kepimpinan Ahli Jawatankuasa Aktiviti KEMAS

## BAHAGIAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

Kursus Dalam Perkhidmatan merupakan kursus-kursus yang dianjurkan oleh KEMAS sepanjang tahun kepada semua kakitangan tetap dan kontrak yang bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Fungsi utama Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional ialah:

1

**LATIHAN**
- MENYEDIAKAN PROGRAM / BENGKEL / KURSUS

2

**PEMBANGUNAN LATIHAN**
- *TRAINING NEED ANALYSIS*
- KURIKULUM DAN MODUL LATIHAN
- PENYELIDIKAN

3

**URUS TADBIR**
- WARGA LATIHAN
- PRASARANA LATIHAN YANG LENGKAP, SELAMAT DAN KONDUSIF

## 2. PRESTASI PERBELANJAAN BAHAGIAN/UNIT

| PERBELANJAAAN | TERIMA (RM) | JUMLAH SELEPAS SERAHAN DAN SEKATAN (RM) | BELANJA (RM) | % PERBELANJAAN |
|---|---|---|---|---|
| Mengurus | 7,182,300.00 | 5,596,241.00 | 5,360,461.00 | 95.78 % |
| Pembangunan | 4,100,100.00 | – | 1,347,871.74 | 32.87 % |

## 3. PENCAPAIAN PROGRAM

Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional merupakan Bahagian yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program-program latihan dan kemajuan kerjaya kepada seluruh warga KEMAS sama ada tetap atau kontrak.

### ▪ LATIHAN PRA-PERKHIDMATAN

Latihan Pra-Perkhidmatan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2009 Dasar Dan Prosedur Mengikuti Kursus Pra Perkhidmatan Bagi Pegawai Yang Sedang Berkhidmat.

Kursus Pra Perkhidmatan merupakan kursus bagi memperoleh kelayakan ikhtisas yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan tertentu. Ia dianjurkan oleh Kementerian/Jabatan atau institusi yang mempunyai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kementerian/Jabatan.

Latihan Pra Perkhidmatan merupakan latihan yang diberikan kepada kakitangan tetap dan kontrak sebagai pra-syarat dalam pelantikan ke jawatan yang dipohon.

### ▪ KURSUS SIJIL PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (SPAK)

Kursus menjurus kepada pengenalan dan pembinaan jati diri terhadap jabatan serta peranan tugas dan tanggungjawab seorang Pendidik Masyarakat (PM) TABIKA dan TASKA KEMAS.

Ia dilaksanakan kepada semua calon Pendidik Masyarakat TABIKA dan TASKA yang akan dilantik oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Semua peserta adalah wajib mengikuti kursus selama 13 minggu (3 bulan, 1 minggu) secara sepenuh masa.

Calon dikehendaki menjalani sesi orientasi Jabatan KEMAS, melalui penilaian, menduduki peperiksaan dan latihan praktikum Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak sebelum layak dilantik. Kelulusan pelantikan adalah tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pelantikan PM TABIKA dan TASKA KEMAS ialah pada gred jawatan S29 secara kontrak.

Untuk tahun 2021, Kursus Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK) TABIKA dan TASKA telah dilaksanakan serentak di 5 lokasi pada 1 April hingga 13 Julai 2021. Para pelatih SPAK TASKA KEMAS telah dikendalikan oleh Institut Latihan KEMAS (ILK) Kuala Lumpur. Bagi pelatih SPAK TABIKA KEMAS pula kendalikan oleh Institut Latihan KEMAS Kuantan serta Pusat Latihan KEMAS (PLK) Melaka.

Manakala bagi perlaksanaan di Pusat Kegiatan Masyarakat Jerlun, ia telah dikendalikan oleh PLK Kepala Batas. Kursus SPAK di Pusat Kegiatan Masyarakat Setiu berada di bawah kelolaan PLK Kuala Terengganu.

Kesemua pelatih ini terdiri daripada mereka yang mempunyai kelayakan akademik Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

## LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Kursus Dalam Perkhidmatan merupakan kursus-kursus yang dianjurkan oleh KEMAS sepanjang tahun kepada semua kakitangan tetap dan kontrak. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Kursus dalam perkhidmatan ini terbahagi kepada tiga (3) kategori iaitu:

**BILANGAN PELATIH SPAK 2021**

| BIL | ILK/PLK | TABIKA | | | | TASKA | | | | JK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | K | T | B | J | K | T | B | J | |
| 1 | Kuala Lumpur | – | – | – | – | 50 | – | – | 50 | **50** |
| 2 | Melaka | 60 | – | – | 60 | – | – | – | – | **60** |
| 3 | Kepala Batas (PKM Jerlun) | 70 | – | 1 | 69 | – | – | – | – | **69** |
| 4 | Kuantan | 100 | – | – | 100 | – | – | – | – | **100** |
| 5 | PLK Terengganu (PKM Setiu) | 70 | – | 1 | 69 | – | – | – | – | **69** |
| **JUMLAH** | | **300** | **–** | **2** | **298** | **50** | **–** | **–** | **50** | **348** |

***Petunjuk:*** *K – Kuota   T – Tangguh   B – Berhenti   J – Jumlah   JK – Jumlah Keseluruhan*





*Dari kiri: Ucapan perasmian oleh YB Dato' Seri Mahdzir Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar. / Tahniah dan syabas kepada semua pelatih SPAK yang telah berjaya menamatkan kursus.*

## KURSUS INDUKSI

Kursus Induksi terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu Induksi Khusus (Kursus Pembinaan Jati Diri) dan Induksi Umum. Kursus Induksi Khusus menjurus kepada pengisian dan pengenalan jabatan dan dilaksanakan oleh Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional, KEMAS.

Kursus Induksi Umum dilaksanakan oleh Bahagian Latihan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Induksi Umum ini menjurus kepada pengisian kementerian dan perkhidmatan awam. Kumpulan sasar bagi kursus ini adalah kakitangan tetap lantikan baharu dan belum disahkan jawatan. Kumpulan gred jawatan terdiri daripada gred 11 hingga 41.

## KURSUS ORIENTASI

Kursus Orientasi dilaksanakan oleh Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional kepada kakitangan kontrak dan tetap. Kakitangan kontrak terdiri daripada Pendidik Masyarakat dan Penyelia program-program Jabatan KEMAS.

Manakala kakitangan tetap terdiri daripada Pembantu Pembangunan Masyarakat, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Pegawai Pembangunan Masyarakat Jabatan KEMAS gred jawatan S19 hingga S41.

## KURSUS PEMBINAAN JATI DIRI

Kursus Asas Pengurusan Organisasi (KAPO) khusus bagi pelantikan baharu untuk kakitangan gred jawatan S19 (tetap dan kontrak). Pengisian kursus dibentuk merangkumi semua program Jabatan KEMAS secara umum. Tempoh orientasi adalah selama 7 (tujuh) hari. Selepas orientasi tamat, peserta telah mengikuti kursus berdasarkan jurusan masing-masing selama sebulan.

Kursus Asas Pengurusan Awam (KAPA) adalah untuk lantikan baru gred jawatan N/M/W/E/F/C/S29 dan N/M/W/E/F/C/S41 (Tetap). Pengisian kursus mengandungi semua program Jabatan. Tempoh orientasi adalah selama 7 (tujuh) hari. Selepas orientasi tamat, peserta telah mengikuti kursus berdasarkan jurusan masing-masing selama sebulan.

## KURSUS PEMANTAPAN JATI DIRI

Kursus Pemantapan Profesionalisma Diri Unggul adalah untuk Pendidik Masyarakat TABIKA dan TASKA bergred jawatan N11, S11, S19 dan S29 yang telah tamat pengajian Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak di IPTA dan IPTS anjuran Jabatan KEMAS.

Pengisian kursus menjurus kepada sasaran pembangunan kanak-kanak dalam bersaing ke arah Revolusi Industri 4.0. Kursus Pemantapan Jati Diri berjalan selama tujuh (7) hari.

Kursus Kumpulan Pengurusan yang berjalan selama tiga (3) hari adalah dikhususkan kepada kumpulan Pengurusan dan Profesional di gred jawatan S41 hingga S52. Pengisian kursus menjurus kepada pengurusan pentadbiran dan kecekapan pengurusan organisasi.

## 3 KATEGORI KURSUS DALAM PERKHIDMATAN

PROSES 1

**KURSUS PEMBINAAN JATI DIRI**
- PENGENALAN JABATAN
- KAKITANGAN TETAP DAN KONTRAK

PROSES 2

**LATIHAN DAN PEMBANGUNAN**
- KOMPETENSI
- KAKITANGAN TETAP DAN KONTRAK

PROSES 3

**KURSUS PEMANTAPAN JATI DIRI**
- KAKITANGAN TETAP DAN KONTRAK

## LATIHAN DAN PEMBANGUNAN

Pelbagai kursus yang dianjurkan di bawah Latihan dan Pembangunan menjurus kepada pemantapan kompetensi warga KEMAS mengikut hasil analisa keperluan latihan atau program pembangunan potensi sumber daya manusia dalam organisasi.

Pelaksanaannya ialah untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pembentukan peribadi pekerja cemerlang yang mampu meningkatkan prestasi persembahan kerja individu dan jabatan.

Kursus-kursus yang dianjurkan oleh unit/ bahagian/ Negeri/ ILK/ PLK dalam KEMAS atau anjuran agensi lain adalah mengikut kompetensi bahagian-bahagian dalam KEMAS khususnya dan khidmat awam umumnya.

Penganjuran kursus ini bagi melengkapkan keperluan tujuh (7) hari berkursus kepada kakitangan khususnya kakitangan tetap selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam.

Walaubagaimanapun, melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 29 Februari 2016, telah menyatakan mengenai “Penangguhan Penguatkuasaan Pelaksanaan Dasar Berkursus 7 Hari Setahun Bagi Anggota Perkhidmatan Awam.

Tujuan penangguhan adalah bagi memberi ruang kepada semua agensi kerajaan menyusun semula kursus-kursus di bawah Pelan Operasi Latihan (POL) mengikut keutamaan dan keperluan anggota berdasarkan kepada keupayaan kewangan agensi-agensi kerajaan.

Kesinambungan daripada arahan tersebut, pencapaian pelaksanaan jumlah hari berkursus setiap anggota dan prestasi perbelanjaan peruntukan latihan oleh semua agensi juga tidak akan diambil kira sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) semua jabatan.

- **PENCAPAIAN MENGIKUT FUNGSI BAHAGIAN:**

## UNIT PENGURUSAN DAN PENYELIDIKAN

| PROGRAM / AKTIVITI | SASARAN 2021 | PENCAPAIAN 2021 | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|
| **INISIATIF 1**<br>**Memantapkan *Attitude, Skill & Knowledge:*** | | | |
| ▪ Kursus eSILK kepada Pegawai Penyelaras Negeri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 55 orang<br>▪ 4 siri | ▪ 99% peserta hadir<br>▪ 60 orang<br>▪ 4 siri | ▪ 109<br>▪ 100 |
| ▪ Mesyuarat Pengurusan Bahagian Latihan & Pembangunan Profesional | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 13 orang<br>▪ 3 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 11 orang<br>▪ 3 siri | ▪ 85<br>▪ 100 |
| ▪ Mesyuarat Pengurusan Latihan Bersama Institut/Pusat Latihan KEMAS | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 31 orang<br>▪ 3 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 31 orang<br>▪ 3 siri | ▪ 100<br>▪ 100 |
| ▪ Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Latihan | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 35 orang<br>▪ 2 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 35 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 100<br>▪ 50 |

| PROGRAM / AKTIVITI | SASARAN 2021 | PENCAPAIAN 2021 | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|
| **INISIATIF 1**<br>**Memantapkan *Attitude, Skill & Knowledge:*** | | | |
| ▪ Kursus Kompetensi KEMAS Negeri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 1,680 orang<br>▪ 42 siri | ▪ 170% peserta hadir<br>▪ 2,848 orang<br>▪ 42 siri | ▪ 170<br>▪ 100 |
| ▪ Kursus Kompetensi ILK/PLK | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 800 orang<br>▪ 20 siri | ▪ 100% peserta hadir<br>▪ 800 orang<br>▪ 20 siri | ▪ 100<br>▪ 100 |
| ▪ Public Program | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 15,000 orang<br>▪ 25 siri | ▪ 210% peserta hadir<br>▪ 31,500 orang<br>▪ 42 siri | ▪ 210<br>▪ 168 |
| ▪ Kursus Tambah Nilai dalam Pengajaran Menggunakan NLP 2021 | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 26 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 100% peserta hadir<br>▪ 27 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 104<br>▪ 100 |
| ▪ Seminar Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 116 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 105 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 91<br>▪ 100 |
| ▪ Pembelian Beg Galas | ▪ 100% peserta hadir<br>▪ 700 orang<br>▪ RM40,000 | ▪ 100% peserta hadir<br>▪ 700 orang<br>▪ RM28,000 | ▪ 100<br>▪ 70 |

| PROGRAM / AKTIVITI | SASARAN 2021 | PENCAPAIAN 2021 | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|
| **INISIATIF 2**<br>**Meningkatkan Tahap Profesionalisme:** | | | |
| **INISIATIF 3**<br>**Merakyatkan Institut/ Pusat Latihan KEMAS:** | | | |
| ▪ Penggunaan ILK/PLK untuk Agensi Luar/Orang Awam | ▪ Peserta: 2,000 orang<br>▪ Pengguna KEMAS: 40 kali<br>▪ Pengguna Luar/Swasta: 20 kali | ▪ Peserta: 2,229 orang<br>▪ Pengguna KEMAS: 38 kali<br>▪ Pengguna Luar/Swasta: 15 kali | ▪ 111<br>▪ 95<br>▪ 75 |

## SEMINAR PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Seminar ini telah diadakan pada 12-14 November 2021 di Movenpick Hotel, Sepang Selangor. Panel jemputan ialah YBhg Dato' Madeline Berma telah membincangkan topik 'Pemikiran Strategik: Membangunkan Masyarakat Luar Bandar' kepada seramai 105 orang pegawai kumpulan pengurusan dan profesional KEMAS.

Beliau telah memberi cadangan supaya Pengurusan KEMAS maju kehadapan menjadi pembimbing dan bukan lagi pengikut terutamanya jika terdapat kerjasama dengan jabatan lain dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Masyarakat luar bandar perlu dibangunkan dengan mengekalkan imej dan budaya luar bandar tanpa meninggalkan adab dan adat sopan yang murni yang menjadi panduan utama dalam kehidupan masyarakat luar bandar.

Ujar beliau lagi, KEMAS juga perlu menghasilkan produk KEMAS yang berkualiti tinggi dengan mengadakan lawatan penanda aras ke luar negara. Melalui lawatan ini, KEMAS dapat memperoleh pengalaman dan memperluaskan pandangan dengan menganjurkan twinning programe yang boleh mewujudkan "Program Pengantarabangsaan KEMAS".
Oleh itu kompetensi warga KEMAS juga perlu dibangunkan pada setiap masa melalui ASK iaitu *Atittude, Skill* dan *Knowledge* serta menyediakan pendidikan ke arah pemikiran positif dan kreativiti yang luar biasa dalam usaha membangunkan masyarakat luar bandar yang lebih progresif dan dinamik.



*Seminar pegawai kumpulan pengurusan dan profesional.*



*Kursus Penggunaan Sistem eSILK kepada Pegawai Penyelaras Latihan KEMAS.*

BAHAGIAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

## UNIT GENERIK

| PROGRAM / AKTIVITI | SASARAN 2021 | PENCAPAIAN 2021 | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|
| **INISIATIF 1**<br>**Memantapkan *Attitude, Skill & Knowledge:*** | | | |
| ▪ Bengkel Pemurnian Modul Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK) | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 70 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 68 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 97<br>▪ 100 |
| ▪ Mesyuarat Penyediaan Soalan SPAK dan Praktikal | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 20 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 20 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 100<br>▪ 100 |
| ▪ Bengkel Pemarkahan SPAK TABIKA dan TASKA KEMAS | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 10 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 10 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 100<br>▪ 100 |
| ▪ Kursus Pengajaran & Pembelajaran di Rumah (PDPR) Untuk Profesional | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 38 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 38 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 100<br>▪ 100 |
| ▪ Kursus *Creative Design Ebook* Menggunakan Canva | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 35 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 35 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 100<br>▪ 100 |
| ▪ Kursus Atas Talian ILK/PLK (Mini Karnival) | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 1000 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 2519 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 252<br>▪ 100 |
| ▪ Mesyuarat Pemurnian Modul dan Post Mortem Kursus Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK) | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 42 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 31 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 74<br>▪ 100 |
| ▪ Bengkel Sistem Pemantauan TABIKA/ TASKA | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 40 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 40 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 100<br>▪ 100 |
| **INISIATIF 2**<br>**Meningkatkan Tahap Profesionalisme:** | | | |
| ▪ Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK) | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 350 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 348 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 99<br>▪ 100 |
| ▪ Kursus Asuhan Didikan PERMATA (KAP) | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 43 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 43 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 100<br>▪ 100 |

| PROGRAM / AKTIVITI | SASARAN 2021 | PENCAPAIAN 2021 | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|
| ▪ Majlis Penyampaian Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK) | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 400 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 398 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 99<br>▪ 100 |
| ▪ Taklimat Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAK) | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 61 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 61 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 100<br>▪ 100 |
| ▪ Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAK) | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 20 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 30 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 150<br>▪ 100 |
| ▪ Taklimat Borang Perjanjian Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAK) | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 50 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 50 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 100<br>▪ 100 |
| ▪ Mesyuarat Bersama Agensi DPAK | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 10 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 10 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 100<br>▪ 100 |




*Mini Karnival Latihan Secara Virtual.*

BAHAGIAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

## UNIT FUNGSIONAL

| PROGRAM / AKTIVITI | SASARAN 2021 | PENCAPAIAN 2021 | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|
| **INISIATIF 1**<br>**Memantapkan *Attitude, Skill & Knowledge:*** | | | |
| ▪ Kursus Orientasi Sijil Pendidikan Awal Kanak-Kanak (SPAK) | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 350 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 350 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 100<br>▪ 100 |
| ▪ Kursus *Power Up Your English* | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 40 orang<br>▪ 2 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 29 orang<br>▪ 2 siri | ▪ 73<br>▪ 100 |
| ▪ *Executive Talk* KEMAS | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 10,000 orang<br>▪ 3 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 33,000 orang<br>▪ 2 siri | ▪ 330<br>▪ 67 |
| ▪ Kursus Orientasi KDC | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 400 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 250 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 163<br>▪ 100 |

| PROGRAM / AKTIVITI | SASARAN 2021 | PENCAPAIAN 2021 | PENCAPAIAN (%) |
|---|---|---|---|
| **INISIATIF 2**<br>**Meningkatkan Tahap Profesionalisme:** | | | |
| ▪ Kursus Penyelia Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PPPAK) Sabah | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 19 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 95% peserta hadir<br>▪ 19 orang<br>▪ 1 siri | ▪ 100<br>▪ 100 |







*Executive Talk*



*Kursus Power Up Your English.*

## ▪ PROGRAM KEMAJUAN KERJAYA

### PROGRAM PENINGKATAN PROFESIONALISMA PENDIDIK MASYARAKAT (PM) TABIKA DAN TASKA

Punca kuasa mengenai meningkatkan taraf kelayakan akademik PM Tabika dan Taska PERMATA KEMAS seperti di bawah:-

Keputusan perbincangan Pengarah Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan dengan pegawai-pegawai Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) di Kementerian Kewangan pada 20 Mac 2006 rujukan KKLW.K.(s).400-14.Klt.6(48) bertarikh 11 Mei 2006, mengenai Program Meningkatkan Taraf Kelayakan Akademik Pemaju-Pemaju Masyarakat (Guru Tabika) ke Peringkat Diploma serta Program Pengiktirafan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak Universiti Malaya.

Kementerian Kewangan dengan rujukan B(14.00)202-49.Jld.2(4) bertarikh 03 Januari 2007 telah meluluskan:

(i) Cadangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) untuk melaksanakan program meningkatkan Taraf Akademik Guru-guru Tabika KEMAS ke peringkat Diploma Perguruan Malaysia; dan

(ii) Keperluan kewangan melaksanakan Program Meningkatkan Taraf Akademik Guru-Guru Tabika KEMAS di peringkat Diploma Perguruan Malaysia menggunakan peruntukan sedia ada manakala peruntukan bagi tahun-tahun berikutnya hendaklah dipohon secara berasingan.

Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan rujukan UPSI/CAN/NC/PA/535.15( ) bertarikh 22 Jun 2009 telah bersetuju dengan cadangan pihak KEMAS berujukan KEMAS.L.500-12(54) untuk memperluaskan lagi program Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak kepada guru-guru Taska KEMAS yang layak.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia dengan rujukan JPA.BPO(S)253/2/18-23.Jld.11(34) bertarikh 20 Januari 2012 memaklumkan bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 6 Januari 2012 telah bersetuju dengan Penarafan Semula Guru Taska/ Tabika KEMAS di bawah NKRA Pendidikan.

Minit mesyuarat Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bertarikh 28 Jun 2016 telah membincangkan kemajuan inisiatif Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) berkaitan Pendidikan

Awal Kanak-Kanak dan prasekolah. Catatan minit mesyuarat antaranya mengenai pembentangan pelaksanaan dan penguatkuasaan penetapan kelayakan akademik minimum guru prasekolah di Malaysia oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP).

(i) Penetapan dasar, guru prasekolah di Malaysia perlu mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya di tahap diploma dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan pengambilan guru baharu prasekolah perlu mempunyai kelayakan akademik minimum diploma dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak mulai tahun 2017.

(ii) Penguatkuasaan sepenuhnya akan dilaksanakan pada tahun 2020 dan satu kajian bagi melihat status semasa perlu dilaksanakan sebelum penguatkuasaan dilaksanakan.

(iii) Ringkasan keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 April 2016:
- Memberi keutamaan untuk mendiplomakan guru prasekolah yang mempunyai kelayakan akademik di tahap SPM;
- Menyediakan mekanisme dan kaedah bersesuian untuk membolehkan guru prasekolah mengikuti pengajian di tahap diploma sesuai dengan situasi semasa; dan
- Mempertingkatkan kebajikan guru prasekolah sedia ada.

Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 27 November 2016 telah mengumumkan bahawa pengambilan baharu tenaga pengajar TABIKA KEMAS diwajibkan memiliki diploma.

Penetapan ini bertujuan untuk memperkasakan TABIKA dan TASKA supaya lebih berkualiti dan menjadi pilihan ibubapa menghantar anak-anak mereka di TABIKA dan TASKA PERMATA KEMAS, berbanding dengan pusat pendidikan awal kanak-kanak milik swasta. Perkara ini selaras dengan Program Transformasi Tabika KEMAS yang telah dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 22 Ogos 2016.

Kesinambungan daripada punca kuasa – punca kuasa tersebut, KEMAS telah menjalin kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kelayakan akademik melalui:

- Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM);
- Kursus Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAK); dan
- Kursus Sijil Perguruan Prasekolah (SPP).

Mulai tahun 2017 sehingga kini tiada lagi ambilan bagi Kursus SPP, ini kerana Jabatan hanya memberi fokus kepada program diploma sahaja.

Di antara IPTA dan IPTS yang terlibat ialah:

- Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), bermula tahun 2006 sehingga kini.
- Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), bermula tahun 2008 sehingga kini.
- Kolej KETENGAH, bermula tahun 2012 sehingga kini.
- Kolej Pendidikan Perdana (KOPEDA), bermula tahun 2014 sehingga 2018.

Bilangan PM TABIKA dan TASKA KEMAS yang terlibat dengan Program Peningkatan Profesionalisma adalah seperti berikut:

## A: TAMAT PENGAJIAN

**BILANGAN PESERTA PROGRAM PENINGKATAN PROFESIONALISMA PENDIDIK MASYARAKAT TABIKA DAN TASKA TAMAT PENGAJIAN**

| PERKARA | PROGRAM | AMBILAN (KEMASUKAN) | TAMAT PENGAJIAN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | TABIKA | TASKA | JUMLAH |
| IPGM (KDC) | Diploma | 2006-2018 | 3,595 | – | 3,595 |
| IPGM (KSM) | Diploma | 2006-2008 | 761 | – | 761 |
| UPSI (TABIKA) | Diploma | 2008-2010 | 290 | – | 290 |
| UPSI (TASKA) | Diploma | 2012-2018 | – | 408 | 408 |
| KOLEJ KETENGAH | Diploma | 2012-2017 | 183 | – | 183 |
| KOPEDA | Sijil | 2014-2016 | 236 | 18 | 254 |
| | | **JUMLAH** | **5,065** | **426** | **5,491** |

## B: MASIH DALAM PENGAJIAN

| BILANGAN PESERTA PROGRAM PENINGKATAN PROFESIONALISMA PENDIDIK MASYARAKAT TABIKA DAN TASKA MASIH DALAM PENGAJIAN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| PERKARA | PROGRAM | AMBILAN (KEMASUKAN) | MASIH DALAM PENGAJIAN | | |
| | | | TABIKA | TASKA | JUMLAH |
| IPGM (KDC)-C19 | Diploma | 2020-2020 | 61 | – | 61 |
| UPSI (TASKA) | Diploma | 2012-2021 | – | 60 | 60 |
| KOLEJ KETENGAH | Diploma | 2012-2021 | 46 | – | 46 |
| | | **JUMLAH** | **107** | **60** | **167** |

***Petunjuk:*** ***C19 – Kemasukan pada tempoh pandemik Covid-19***

## C: BILANGAN KESELURUHAN PENDIDIK MASYARAKAT YANG MENGIKUTI PROGRAM DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

| BILANGAN KESELURUHAN PESERTA PROGRAM PENINGKATAN PROFESIONALISMA PENDIDIK MASYARAKAT TABIKA DAN TASKA KEMASUKAN TAHUN 2006-2021 | | | |
|---|---|---|---|
| PERKARA | PROGRAM | AMBILAN (KEMASUKAN) | JUMLAH |
| IPGM (KDC) | Diploma | 2006-2020 | 3656 |
| IPGM (KSM) | Diploma | 2006-2008 | 761 |
| UPSI (TABIKA) | Diploma | 2008-2010 | 290 |
| UPSI (TASKA) | Diploma | 2012-2021 | 468 |
| KOLEJ KETENGAH | Diploma | 2012-2021 | 229 |
| **JUMLAH PM MENGIKUTI PROGRAM DIPLOMA** | | | **5,404** |

## D: BILANGAN KESELURUHAN PENDIDIK MASYARAKAT YANG MENGIKUTI PROGRAM SIJIL PERGURUAN PRASEKOLAH

| BILANGAN PENDIDIK MASYARAKAT TABIKA DAN TASKA MENGIKUTI PROGRAM SIJIL PERGURUAN PRASEKOLAH | | | |
|---|---|---|---|
| IPT | PROGRAM | AMBILAN | JUMLAH PM TABIKA & TASKA MENGIKUTI PROGRAM SIJIL |
| KOPEDA | Sijil | 2014-2016 | 254 |

## E: AMBILAN BARU

Pada tahun 2021, seramai 30 orang Pendidik Masyarakat TABIKA KEMAS telah ditawarkan untuk mengikuti Program Peningkatan Profesionalisma; Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAK) anjuran Jabatan KEMAS di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Kolej KETENGAH.

Bilangan Pendidik Masyarakat TABIKA yang berdaftar pada 19 Disember 2021 di Kolej KETENGAH adalah seperti berikut:

**PERMOHONAN PROGRAM PENINGKATAN PROFESIONALISMA-DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (DPAK) ANJURAN JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT 2021**

| NEGERI | KOLEJ KETENGAH | | | UPSI | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | JURUSAN | | JUMLAH (ORANG) | JURUSAN | | JUMLAH (ORANG) |
| | TABIKA | TASKA | | TABIKA | TASKA | |
| Kedah | – | – | – | 1 | – | 1 |
| Pulau Pinang | 1 | – | 1 | 2 | – | 2 |
| Perak | – | – | – | 2 | – | 2 |
| WP Kuala Lumpur | – | – | – | - | 1 | 1 |
| Selangor | – | – | – | 1 | – | 1 |
| Melaka | – | – | – | 1 | 2 | 3 |
| Johor | – | – | – | 1 | 2 | 3 |
| Pahang | 1 | – | 1 | 1 | – | 1 |
| Terengganu | 1 | – | 1 | – | 2 | 2 |
| Kelantan | – | – | – | 1 | – | 1 |
| Sabah | – | – | – | 5 | 1 | 6 |
| Sarawak | – | – | – | 3 | 1 | 4 |
| **JUMLAH** | **3** | **–** | **3** | **18** | **9** | **27** |

## F: PESERTA KEMAS YANG TELAH TAMAT PENGAJIAN

Pada tahun 2021, seramai 214 orang Pendidik Masyarakat telah tamat pengajian Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAK) anjuran Jabatan KEMAS di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Kolej KETENGAH.

Pecahan bilangan Pendidik Masyarakat TABIKA dan TASKA yang telah tamat pengajian pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

### PESERTA KEMAS YANG TELAH TAMAT PENGAJIAN TAHUN 2021

| IPT | PROGRAM | AMBILAN (KEMASUKAN) | TAMAT PENGAJIAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| IPGM | DIPLOMA | 2018-2021 | TABIKA: 106 orang | 106 orang |
| UPSI | DIPLOMA | 2018-2021 | TASKA: 21 orang | 21 orang |
| KOLEJ KETENGAH | DIPLOMA | 2017-2021 | TABIKA: 87 orang | 87 orang |
| | | | JUMLAH PESERTA TAMAT PENGAJIAN<br>TABIKA: 193 orang \| TASKA: 21 orang | JUMLAH KESELURUHAN<br>214 orang |












*Majlis Konvokesyen Graduan Program Diploma Perguruan (PDP) Mod Kursus Dalam Cuti (KDC) ambilan November 2018 di bawah tajaan KEMAS telah dilaksanakan pada Istiadat Konvokesyen Institut Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia Ke-11 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).*

## ▪ KURSUS ASUHAN PERMATA NEGARA

Objektif perlaksanaan kursus ini kepada Pendidik Masyarakat TASKA PERMATA KEMAS ialah:

- Mendapatkan pengiktirafan Pendidik Masyarakat TASKA PERMATA KEMAS dalam pengendalian kanak-kanak berumur 2 hingga 4 tahun; dan
- Meningkatkan kualiti perkhidmatan pendidik TASKA ke arah asuhan kanak-kanak yang lebih professional.
- Kumpulan sasar bagi program ini terdiri daripada:
    - Pendidik Masyarakat TASKA yang sedang berkhidmat; dan
    - Calon Pendidik Masyarakat TASKA KEMAS.

Bagi tahun 2021, seramai 43 orang calon Pendidik Masyarakat TASKA telah mengikuti Kursus Asuhan Permata ini di Institut Latihan KEMAS (ILK) Kuala Lumpur. Perlaksanaan kursus ialah selama lima minggu.

## BAHAGIAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

| STATUS BILANGAN KEHADIRAN KAP PENDIDIK MASYARAKAT TASKA 2009-2021 | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **TAHUN** | **JURULATIH** | **PENYELIA PRASEKOLAH** | **PM TASKA** | **JUMLAH** |
| **KURSUS PENDIDIK PERMATA NEGARA (KPPN)** | | | | |
| 2009 | 17 | 27 | 235 | 279 |
| 2010 | 16 | 19 | 345 | 380 |
| 2011 | 1 | 29 | 478 | 508 |
| 2012 | 6 | 46 | 58 | 110 |
| 2013 | 2 | 0 | 75 | 77 |
| **JUMLAH** | **42** | **121** | **1191** | **1354** |
| **KURSUS ASUHAN DAN DIDIKAN PERMATA (KAP)** | | | | |
| 2014 | 0 | 0 | 136 | 136 |
| 2015 | 0 | 0 | 37 | 37 |
| 2016 | 0 | 0 | 59 | 59 |
| 2017 | 0 | 0 | 120 | 120 |
| 2018 | 0 | 0 | 109 | 109 |
| 2019 | 0 | 0 | 120 | 120 |
| 2020 | 0 | 0 | 183 | 183 |
| 2021 | 0 | 0 | 43 | 43 |
| **JUMLAH** | **0** | **0** | **807** | **807** |

- **KEMUDAHAN LATIHAN INSTITUT DAN PUSAT LATIHAN KEMAS**

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) melalui Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional ada menyediakan kemudahan latihan di lima (5) lokasi iaitu:

## TAHUN PEMBINAAN ILK/PLK

**1991**

**INSTITUT LATIHAN KEMAS KUANTAN**
Jalan Tok Sira, Alor Akar, 25050 Kuantan

**1991 – BINA | 1993 – SIAP**

**1967**

**PUSAT LATIHAN KEMAS KUALA TERENGGANU**
Seberang Takir, 21300 Kuala Terengganu

**1967 – BINA | 1969 – RASMI (4 NOVEMBER)**
**2021 – NAIK TARAF**

**1963**

**PUSAT LATIHAN KEMAS KEPALA BATAS**
13200 Kepala Batas, Seberang Perai, Pulau Pinang

**Dikenali sebagai Taman Asuhan RIDA**
**1963 – RASMI | 2021 – NAIK TARAF**

**1961**

**PUSAT LATIHAN KEMAS MELAKA**
Jalan Melor, Bukit Baru, 75150 Melaka

**1961 – BINA | 1963 – RASMI**

**1956**

**INSTITUT LATIHAN KEMAS KUALA LUMPUR**
Jalan Syed Putra, 50460 Kuala Lumpur

**Dikenali sebagai Taman Asuhan RIDA,**
**4 JUN 1956 – BUKA**
**1963 – Taman Asuhan Wanita**
**1965 – Taman Latihan Wanita**
**1975 – Pusat Latihan Wanita & Pembangunan Keluarga**
**1981 – Pusat Latihan KEMAS, Kuala Lumpur**
**2010 – Institut Latihan KEMAS, Kuala Lumpur**

## BAHAGIAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

**KEKERAPAN PENGGUNAAN ILK/PLK TAHUN 2021**

| ILK/ PLK | BILANGAN PESERTA | JABATAN KEMAS | PERATUSAN (%) | AGENSI LUAR | PERATUSAN (%) | KEKERAPAN PENGGUNAAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Kuala Lumpur | 375 | 12 | 22.6 | 2 | 3.8 | 14 (26.4%) |
| Kuantan | 1168 | 16 | 30.2 | 3 | 5.6 | 19 (35.9%) |
| Terengganu | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 (0%) |
| Melaka | 546 | 5 | 9.4 | 8 | 15.1 | 13 (24.5%) |
| Kepala Batas | 140 | 5 | 9.4 | 2 | 3.8 | 7 (13.2%) |
| **JUMLAH** / **PURATA** | **2,229 orang** | **38 kali** | **71.7** | **15 kali** | **28.3** | **53 kali (100%)** |

Pandemik COVID-19 di Malaysia telah berlanjutan sehingga tahun 2021. Walau bagaimanapun terdapat beberapa sektor penting telah dibuka demi kepentingan ekonomi. Keadaan ini sedikit sebanyak telah memberi kesan penyebaran semula COVID-19 dikalangan masyarakat. Kesannya Perintah Kawalan Pergerakan telah dilaksanakan semula dengan pemantauan dan SOP yang dikuatkuasa.

Kesinambungan itu, banyak perancangan latihan atau kursus yang dicadangkan pelaksanaannya di Institut dan Pusat Latihan KEMAS, Malaysia dibatalkan atau tidak dapat dilaksanakan.

Penurunan penggunaan kemudahan latihan di Institut dan Pusat Latihan KEMAS (ILK/PLK) Malaysia bagi tahun 2021 ialah sebanyak 56% iaitu kurang 65 tempahan berbanding 2020 sebanyak 116 tempahan.

Namun terdapat peningkatan penggunaan oleh agensi luar di Pusat Latihan KEMAS Melaka iaitu sebanyak 7 kali berbanding tahun sebelumnya. Bagi Pusat Latihan KEMAS (PLK) Kuala Terengganu pula tidak menerima sebarang tempahan penggunaan bagi tahun 2021 kerana dalam proses naik taraf bangunan.

KEMAS AR2021_Teks.indd 102 13/10/2022 10:04 AM

Jadual berikut ialah peratusan penurunan penggunaan kemudahan latihan di ILK dan PLK Malaysia bagi tahun 2021.

**PERATUS (%) PENURUNAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN LATIHAN ILK DAN PLK MALAYSIA**

| ILK/ PLK | JABATAN KEMAS | | | AGENSI LUAR | | | JUMLAH PENGGUNAAN | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2020 | 2021 | JUMLAH PERBEZAAN | 2020 | 2021 | JUMLAH PERBEZAAN | 2020 | 2021 | PERBEZAAN (%) |
| Kuala Lumpur | 40 | 12 | 28 | 2 | 2 | 0 | 42 | 14 | 28 (66%) |
| Kuantan | 28 | 16 | 12 | 6 | 3 | 3 | 34 | 19 | 15 (44%) |
| Terengganu (dalam proses naik taraf) | 19 | 0 | 19 | 0 | 0 | 0 | 19 | 0 | 19 (100%) |
| Melaka | 11 | 5 | 6 | 1 | 8 | 7 | 12 | 13 | -1 (-8%) |
| Kepala Batas | 6 | 5 | 1 | 3 | 2 | 1 | 9 | 7 | 2 (22%) |
| **JUMLAH** | **104** | **38** | **66** | **12** | **15** | **11** | **116** | **53** | **65 (56%)** |

KEMAS AR2021_Teks.indd 104 13/10/2022 10:04 AM

# BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

KEMAS AR2021_Teks.indd 105 13/10/2022 10:04 AM

## BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

### 1. PENGENALAN

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) memainkan peranan penting untuk memantapkan sistem pengumpulan dan penyaluran data serta maklumat dari peringkat akar umbi kepada pihak Kerajaan secara berkala dan sistematik. Selari dengan kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh pengurusan atasan memberi petunjuk bahawa pencapaian matlamat perancangan strategik adalah penting dan ini perlu difahami oleh semua peringkat kakitangan dalam Jabatan.

Secara keseluruhannya, proses anjakan perubahan sosio politik negara ditunjukkan oleh pengurusan atasan melalui kesungguhan dan komitmen dalam aspek untuk menyusun, memperkemas serta mengukuhkan pelan perancangan dan pelaksanaan program/aktiviti pembangunan KEMAS selari dengan kehendak pihak berkepentingan (stakeholder), keperluan semasa negara dan kumpulan sasar.

Berpaksikan momentum ini, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) dipertanggungjawabkan bersama-sama Bahagian dan Unit di KEMAS untuk merealisasikan membantu mencorak masa depan negara demi mencapai status negara maju pada tahun 2025.

- **VISI DAN MISI BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK (DRS)**

Visi BDRS ialah Pemangkin Pembangunan Modal Insan yang holistik. Manakala Misi Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) adalah mengintegrasi program dan aktiviti Jabatan melalui 4 dimensi.

VISI



Pemangkin Pembangunan
Modal Insan yang Holistik

MISI



Mengintegrasi program dan aktiviti Jabatan melalui 4 dimensi iaitu:

- Berfokus
- Berimpak
- Sistematik
- Berstrategik

# 2. FUNGSI BAHAGIAN/UNIT

## ▪ 6 FUNGSI UTAMA BAHAGIAN

Enam (6) fungsi utama Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) yang digariskan untuk merancang dan melaksanakan kerja-kerja pengumpulan data maklumat asas di peringkat akar umbi. Dalam membangunkan penetapan agenda transformasi Jabatan yang berpaksikan 'Memperkasakan Masyarakat Luar Bandar Ke Arah Pembangunan Holistik', enam (6) fungsi utama Bahagian adalah:

1. Menyediakan rangka dasar dan strategi makro bagi Jabatan Kemajuan Masyarakat yang melibatkan hubungkait dengan penyediaan rangka rancangan jangka panjang dan rancangan lima tahun Malaysia oleh Agensi Pusat.
2. Merancang, menilai dan meningkatkan keberkesanan program-program Jabatan samada kajian secara dalaman atau *out sourcing*.
3. Memastikan segala perancangan dan pelaksanaan program dan projek Jabatan dilaksanakan mengikut matlamat dan dasar yang ditetapkan.
4. Memastikan penjelasan dasar dan strategi KEMAS dan KPLB difahami oleh pelaksana, kumpulan sasar dan lain-lain pihak berkepentingan (*stakeholder*) program.
5. Mempromosi dan meningkatkan penglibatan agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam program dan projek KEMAS.
6. Menyediakan pangkalan data Jabatan yang lengkap, meliputi data-data program dan projek untuk tujuan kajian, perancangan dan penilaian.

## BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

### CARTA FUNGSI BAHAGIAN/UNIT UTAMA BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK (DRS) BERPAKSIKAN "MEMPERKASAKAN MASYARAKAT LUAR BANDAR KE ARAH PEMBANGUNAN HOLISTIK"

**FUNGSI 1**

Menyedikan Rangka Dasar dan Strategi Makro bagi Jabatan Kemajuan Masyarakat yang melibatkan hubungkait dengan penyediaan rangka rancangan jangka panjangdan rancangan lima tahun Malaysia oleh Agensi Pusat.

**FUNGSI 2**

Merancang, menilai dan meningkatkan keberkesanan program-program jabatan samada kajian secara dalaman atau *out sourcing*.

**FUNGSI 3**

Memastikan segala perancangan dan pelaksanaan program dan projek Jabatan dilaksanakan mengikut matlamat dan dasar yang ditetapkan.

**FUNGSI 4**

Memastikan penjelasan dasar dan strategi KEMAS dan KPLB difahami oleh pelaksana kumpulan sasar dan lain-lain pihak berkepentingan (*stakeholder*) program.

**FUNGSI 5**

Mempromosi dan meningkatkan penglibatan agensi-agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam program dan projek KEMAS.

**FUNGSI 6**

Menyediakan pangkalan data Jabatan yang lengkap, meliputi data-data program dan projek untuk tujuan kajian, perancangan dan penilaian.

## FUNGSI SEKSYEN

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) telah dibahagikan kepada dua (2) Seksyen utama iaitu:

### SEKSYEN DASAR DAN KPI

1. Unit Dasar & Data
2. Unit KPI & Kajian

### SEKSYEN PEMBANGUNAN ORGANISASI & SOSIAL

1. Unit Pembangunan Organisasi & Strategik
2. Unit Pembangunan Sosial

## 3. PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS BAHAGIAN

| UNJURAN PERBELANJAAN MENGURUS OS29000 BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK (DRS) 2021 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| NEGERI | TERIMA (RM) | JUMLAH BELANJA | | BAKI PERUNTUKAN | |
| | | (RM) | (%) | (RM) | (%) |
| Perlis | 14,000.00 | 13,990.00 | 99.93 | 10.00 | 0 |
| Kedah | 40,500.00 | 40,500.00 | 100.00 | – | 0 |
| *Pulau Pinang | 20,200.00 | – | 0.00 | 20,200.00 | 100 |
| Perak | 97,000.00 | 97,000.00 | 100.00 | – | 0 |
| Selangor | 46,000.00 | 45,830.00 | 99.63 | 170.00 | 0 |
| Wilayah Persekutuan | 21,000.00 | 21,000.00 | 100.00 | – | 0 |
| Negeri Sembilan | 27,000.00 | 26,925.00 | 99.72 | 75.00 | 0 |
| Melaka | 46,000.00 | 46,000.00 | 100.00 | – | 0 |
| Johor | 51,500.00 | 51,478.00 | 99.96 | 22.00 | 0 |
| Pahang | 40,000.00 | 39,982.00 | 99.96 | 18.00 | 0 |
| Terengganu | 43,000.00 | 43,000.00 | 100.00 | – | 0 |
| Kelantan | 37,500.00 | 37,500.00 | 100.00 | – | 0 |
| Sabah | 62,000.00 | 61,966.00 | 99.95 | 34.00 | 0 |
| Sarawak | 67,500.00 | 67,500.00 | 100.00 | – | 0 |
| **JUMLAH KECIL** | **613,200.00** | **592,671.00** | **96.65** | **20,529.00** | **3** |
| **IBU PEJABAT** | **407,000.00** | **407,000.00** | **100** | **–** | **100** |
| **JUMLAH BESAR** | **1,020,200.00** | **999,671.00** | **100** | **20,529.00** | **98** |

*Nota: Tiada perbelanjaan. Serahan balik Peruntukan ke KEMAS Ibu Pejabat

### LAPORAN PELAKSANAAN BENGKEL/ MESYUARAT DAN PERJUMPAAN YBM KPLB/ KETUA PENGARAH/PENGARAH

1

**BENGKEL PENYELARASAN DASAR**
- BIL. SIRI: **91**
- JUMLAH HADIR: **8795 orang**

2

**BENGKEL/ KURSUS KCT**
- BIL. SIRI: **1**
- JUMLAH HADIR: **35 orang**

3

**PERJUMPAAN PENGARAH/ KP/ YBM**
- BIL. SIRI: **11**
- JUMLAH HADIR: **1159 orang**

4

**MESYUARAT PERHUBUNGAN/ DASAR NEGERI**
- BIL. SIRI: **62**
- JUMLAH HADIR: **1702 orang**

## 4. PENCAPAIAN PROGRAM/AKTIVITI

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DRS) telah melaksanakan program/aktiviti yang melibatkan pegawai KEMAS di semua negeri, dari pelbagai agensi Kementerian Kemajuan Pembangunan Luar Bandar dan juga aktiviti bersama badan-badan NGO iaitu:

1. Bengkel Semakan Hasil Kajian Lapangan Jabatan Kemajuan Masyarakat Siri 1/2021 pada 7 Hingga 9 April 2021 di Hotel Avillion Admiral Cove Port Dickson.
2. Bengkel Terma Rujukan Kajian Jabatan Kemajuan Masyarakat di Felda Residence Kuala Terengganu pada 09 Hingga 11 April 2021.
3. Sesi Libat Urus Berkaitan Prestasi Ekonomi dan Kedudukan Kewangan Negara Bersama Pegawai-Pegawai Jabatan Kemajuan Masyarakat.

4. Mesyuarat Halatuju Strategik Jabatan Kemajuan Masyarakat Tahun 2022 di Casuarina Hotel pada 19 Hingga 21 November 2021.
5. Bengkel Penyelarasan Dasar Peringkat Negeri dan Parlimen.
6. Taklimat Pelaksanaan Pendaftaran Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Jabatan Kemajuan Masyarakat (PICK KEMAS).
7. Taklimat Verifikasi /Siasatan Permohonan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), KPLB.
8. Mesyuarat penyelarasan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik bersama Pengarah Negeri.
9. Menyelaras program/aktiviti Jabatan.

## ▪ BENGKEL SEMAKAN HASIL KAJIAN LAPANGAN JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT SIRI 1/2021

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik merupakan bahagian penting dalam Jabatan kerana ia memainkan peranan utama dalam melaksana agenda KEMAS. Hakikatnya peranan Bahagian ini perlu sentiasa peka dengan situasi semasa negara dalam memastikan gerak kerja akar umbi KEMAS dapat bergerak dengan baik.

Sehubungan itu, bahagian ini telah merangka satu kajian lapangan untuk mendapatkan maklum balas rakyat berkenaan situasi semasa pemerintahan kerajaan di Malaysia.

Sejajar dengan itu, bengkel ini adalah untuk memperkasa anggota KEMAS terutama Penolong Pegawai Latihan & Pembangunan Sosial (PPL&PS) dengan membekalkan maklumat terkini dan kemahiran bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan anggota KEMAS dalam menghadapi tugas harian. Bengkel ini telah dilaksanakan pada 7 Hingga 9 April 2021 di Hotel Avillion Admiral Cove Port Dickson. Kehadiran peserta bengkel ini seramai 34 orang.

Objektif pelaksanaan Bengkel Semakan Hasil Kajian Lapangan Jabatan Kemajuan Masyarakat Siri 1/2021 ini ialah:

1. Meneliti (*review*) serta menyemak format pangkalan data, tatacara pelaksanaan kajian lapangan serta kaedah penghantaran laporan sedia ada.
2. Menyediakan laporan dan analisa kajian lapangan yang komprehensif mengikut format yang telah ditetapkan.

3. Memahami langkah membudayakan kerja berpasukan bagi mencapai matlamat organisasi.
4. Meningkatkan tahap kemahiran dan *soft skill* kakitangan dalam tugas pengumpulan dan pengemaskinian maklumat dan data.

Impak pelaksanaan bengkel ini adalah:

1. Pengkalan data kajian lapangan ini dapat dicapai mengikut kehendak semasa pihak berkepentingan (*stakeholder*).
2. Menjadi rujukan kepada pihak berkepentingan untuk merancang dan merangka strategi yang bersesuaian bagi penambahbaikan sistem penyampaian kerajaan.
3. Mewujudkan sistem penyampaian yang berkesan.
4. Bengkel ini keseluruhannya, dapat memantapkan lagi kefahaman para peserta berkenaan bidang tugas dan usaha sebagai langkah awal bagi menyalurkan maklumat kepada pihak berkepentingan untuk tujuan penyelarasan gerak kerja yang lebih sistematik dan berkesan.

- **BENGKEL SEMAKAN HASIL KAJIAN LAPANGAN JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT SIRI 1/2021**

Jabatan Kemajuan Masyarakat telah mendapat kelulusan tajuk kajian dari Jawatankuasa Induk Kajian Kementerian (JKIK) bagi tempoh lima (5) tahun akan datang, tajuk kajian adalah seperti berikut:

1. Kecekapan Penolong Pegawai Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PPAK) Terhadap Tugasan Penyeliaan Pengurusan TABIKA Dan TASKA KEMAS.
2. Keberkesanan Modul Pendidikan Pemakanan Kepada Ibubapa Terhadap Gaya Pemakanan Anak-anak Di Rumah.
3. Keberkesanan Program Pendidikan Sepanjang Hayat KEMAS.
4. Program Quick Win KEMAS Menjana Pendapatan Masyarakat Luar Bandar.
5. Keberkesanan Dan Kebolehintegrasian Modul E-STREAM Dalam Proses Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Di TABIKA KEMAS.

Seksyen Dasar dan KPI telah mengadakan Bengkel Terma Rujukan Kajian Jabatan Kemajuan Masyarakat di Felda Residence Kuala Terengganu pada 09 Hingga 11 April 2021. Bengkel ini melibatkan seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi dan Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Pengarah Negeri, Penolong Pengarah Bahagian dan Negeri serta Pegawai Unit Ibu Pejabat. Di antara objektif bengkel ini diadakan adalah untuk:

1. Sebagai platfom untuk memberi pendedahan maklumat kepentingan dan keperluan kajian kepada pegawai dan kakitangan KEMAS.
2. Mengadakan sesi sumbang saran, perbincangan aktif antara pengurusan tertinggi KEMAS dengan kakitangan khususnya mengenai aspek keperluan kajian diperingkat Jabatan.
3. Menyediakan terma rujukan kajian diperingkat Jabatan agar selari dengan dasar KPLB, matlamat serta falsafah kerajaan.

Bengkel dilaksanakan menggunakan kaedah pembentukan kumpulan kecil. Para peserta didedahkan dengan pelbagai aktiviti termasuk pembentangan. Maklumat terma rujukan kajian berdasarkan lima (5) tajuk telah dihasilkan pada akhir bengkel.

Secara keseluruhannya melalui pelaksanaan bengkel ini peserta dapat meningkatkan teknik dalam penyediaan terma rujukan kajian yang berkesan supaya selari dengan dasar KPLB, matlamat serta falsafah kerajaan.

- **SESI LIBAT URUS BERKAITAN PRESTASI EKONOMI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA BERSAMA PEGAWAI-PEGAWAI JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT.**

Kementerian Kewangan dan Jabatan Kemajuan Masyarakat telah mengadakan satu sesi libat urus berkaitan prestasi ekonomi dan kedudukan kewangan negara dengan Jabatan/ Agensi kerajaan yang boleh membantu di dalam memurnikan persepsi rakyat.

Justeru itu, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan sesi libat urus tersebut memandangkan peranan dan jaringan pegawai-pegawai Jabatan Kemajuan Masyarakat dalam menyampaikan informasi berkenaan dasar-dasar kerajaan, sesi libat urus ini telah dilaksanakan melalui platform atas talian Aplikasi Cisco Webex Meeting. Ia telah dipengerusikan oleh YB Tuan Mohd Shahar bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan II pada 4 Jun 2021 di Bilik Mesyuarat Delima, Aras 9, KEMAS Ibu Pejabat. Seramai 121 orang Pegawai KEMAS Ibu Pejabat dan KEMAS Negeri terlibat dalam sesi libat urus yang terdiri daripada:

1. Ketua Pengarah KEMAS
2. Timbalan Ketua Pengarah KEMAS
3. Pengarah Bahagian dan Ketua Unit
4. Semua Pengarah Negeri
5. Timbalan Pengarah Negeri
6. Penolong Pengarah Bahagian / KEMAS Negeri
7. Pengetua Akademi Kemahiran /Institut Latihan KEMAS/ Pusat Latihan KEMAS
8. Pegawai KEMAS Daerah

Pelaksanaan sesi libat urus ini telah memberi impak positif kepada semua peserta dalam memahami pelaksanaan dasar-sasar Pembangunan Ekonomi Negara sama ada dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga program-program semasa dan akan datang kepada kumpulan sasar serta pegawai-pegawai yang dipertanggungjawab di peringkat akar umbi.

- **MESYUARAT HALATUJU STRATEGIK JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT TAHUN 2022.**

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah salah satu langkah yang memberi tumpuan kepada aspek-aspek prestasi organisasi yang paling kritikal bagi kejayaan organisasi semasa dan masa depan.

Bagi memastikan Jabatan Kemajuan Masyarakat bersedia dan lengkap dengan perancangan KPI Tahun 2022, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik telah menganjurkan Bengkel Retreat Penyelarasan Prestasi KPI Program/ Aktiviti Jabatan Kemajuan Masyarakat 2022 bersama KEMAS Negeri dan Bahagian di Casuarina Hotel, Ipoh, Perak pada 19 Hingga 21 November 2021 melibatkan seramai 64 orang iaitu Ketua Pengarah KEMAS, Timbalan Ketua Pengarah KEMAS, Pengarah Bahagian dan Ketua Unit, Pengarah Negeri, Timbalan Pengarah Negeri, Penolong Pengarah KEMAS Negeri/ Bahagian.

Selain itu, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik juga bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti diperingkat akar umbi dilaksanakan mengikut acuan yang telah ditetapkan, disamping aktiviti pelaporan dilakukan oleh KEMAS Negeri dan Bahagian dilaksanakan mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan  bagi memastikan tiada keciciran dan ketirisan perbelanjaan yang dilakukan diperingkat kawasan dan Negeri.

Pengisian utama bengkel ini adalah seperti berikut :

1. Pembentangan KPI 2021 KEMAS oleh Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik.
2. Pembentangan Prestasi Perbelanjaan Bajet Pembangunan dan Mengurus 2021 oleh KEMAS Negeri.
3. Penerangan tentang Program KCT serta Format dan Templat Bajet 2022 Non Fizikal oleh Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik.
4. Penerangan Takwim Program oleh Bahagian.
5. Penyediaan Takwim oleh KEMAS Negeri.
6. Membuat perancangan agihan program mengikut format (Daerah, DUN dan Lokaliti).
7. Menyedia dan menambahbaik garis panduan program.

Secara keseluruhannya, bengkel ini dapat memberi impak yang positif dari segi gerak kerja Jabatan seterusnya meningkatkan prestasi KPI mengikut tempoh yang disasarkan. Seterusnya, dapat membantu Pegawai KEMAS di seluruh kawasan melaksanakan tugas mengikut perancangan yang telah dirangka ini.

Pelaksanaan bengkel ini telah memberi impak positif kepada semua peserta dalam memahami pelaksanaan dasar-dasar Pembangunan Luar Bandar sama ada dalam organisasi Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga program-program semasa dan akan datang kepada kumpulan sasar serta pegawai-pegawai yang dipertanggungjawab melaksanakan KPI Jabatan.

- **PELAKSANAAN PENDAFTARAN IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (PICK KEMAS)**

Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menyahut seruan kerajaan dalam pelaksanaan Pendaftaran Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Selari dengan itu, Jabatan Kemajuan Masyarakat telah mempertanggungjawabkan saranan kerajaan ini kepada Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik. Objektif pelaksanaan PICK KEMAS adalah untuk mencari dan mengenalpasti masyarakat yang masih belum mendaftar vaksin serta membantu dalam pendaftaran Vaksin COVID-19.

## STRATEGI PELAKSANAAN PICK KEMAS




PICK KEMAS telah merancang beberapa strategi pelaksanaan untuk memastikan pelaksanaan Pendaftaran Imunisasi COVID-19 bersama jaringan usahasama di antara Jabatan Kesihatan Negeri/ Daerah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Rakyat (RELA), Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pendidikan Negeri/Daerah, Jabatan Agama Islam Negeri/Daerah, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)/ Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) dan Bahagian/ Agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan lain.

Usahasama ini berjaya melalui proses pemujukan dengan menggunakan teknik-teknik diplomasi bagi meyakinkan kumpulan sasar untuk mendaftar Vaksin COVID-19. Kumpulan sasar PICK KEMAS ialah Masyarakat Luar Bandar, Sukarelawan KEMAS, Ahli Jawatankuasa Aktiviti KEMAS, Peserta Kelas KEMAS, Peserta Program KEMAS dan Ibubapa/penjaga Kanak-kanak TABIKA /TASKA KEMAS. Tiga (3) pendekatan kaedah dalam pelaksanaan PICK KEMAS iaitu melalui:

1. Bersemuka - Proses pelaksanaan aktiviti ini melibatkan komunikasi secara berhadapan contoh: Pembukaan premis KEMAS sebagai pusat pendaftaran /susulan rumah ke rumah / program khusus
2. Tidak Bersemuka - Proses pelaksanaan aktiviti ini melibatkan komunikasi secara maya atau pangilan telefon. Contoh Video Confference, Whatapps, Facebook, Telegram.
3. Sumber data sedia ada iaitu daripada:
   - Borang biodata /maklumat peserta kelas KEMAS.
   - Borang biodata/maklumat peserta program KEMAS.
   - Borang biodata/ maklumat ibubapa/ penjaga kanak-kanak TABIKA/TASKA.

## BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

- Direktori Jawatankuasa Aktiviti KEMAS.
- Direktori Sukarelawan KOSPEN.
- Direktori Sukarelawan Komuniti Desa (SKOD).
- Profail Penduduk Desa (PPD).
- Lain-lain maklumat yang bersesuaian.

### STRATEGI PELAKSANAAN PICK KEMAS: PENYELIAAN DAN PELAKSANAAN

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1 BDRS | Penyelarasan perancangan, pelaksanaan dan pelaporan | Analisis semasa mengikut keperluan Jabatan/ Kementerian | | |
| 2 KEMAS NEGERI | Mengenalpasti petugas di peringkat KEMAS Negeri dan Bahagian/ Daerah | Menyelaras perancangan pelaksanaan pendaftaran Imunisasi COVID-19 di peringkat KEMAS Negeri dan Bahagian/ Daerah | Menyelaras, mengumpul dan merekod data-data pelaksanaan aktiviti di peringkat KEMAS Negeri dan Bahagian/ Daerah | Merancang, memantau pelaksanaan program mengikut agihan peruntukan yang diturunkan oleh KEMAS Bahagian Ibu Pejabat |
| 3 KEMAS DAERAH | Mengenalpasti petugas di peringkat Daerah | Menyelaras perancangan pelaksanaan pendaftaran Imunisasi COVID-19 di peringkat Daerah | Menyelaras, mengumpul dan merekod data-data pelaksanaan aktiviti di peringkat KEMAS Negeri dan Bahagian/ Daerah | Merancang, memantau pelaksanaan program mengikut agihan peruntukan yang diturunkan oleh KEMAS Bahagian Ibu Pejabat |

Secara keseluruhannya, usahasama ini berjaya melalui proses pemujukan dengan menggunakan teknik-teknik diplomasi bagi meyakinkan kumpulan sasar untuk mendaftar Vaksin COVID-19. Program PICK KEMAS telah membantu pihak Kementerian dalam menyelaras, mengumpul dan merekod data-data melalui pelaksanaan aktiviti pelaksanaan pendaftaran Imunisasi COVID-19 diperingkat KEMAS Negeri dan Bahagian/Daerah.

- **VERIFIKASI/SIASATAN PERMOHONAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT TERMISKIN (PPRT), SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT (SPKR), KPLB**

Menerusi Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe11), Teras Kedua : Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat, program SPKR diteruskan sebagai salah satu *touch point* utama Kerajaan yang sentiasa prihatin menjaga kesejahteraan dan mendahulukan kebajikan rakyat. SPKR merupakan salah satu program pembasmian kemiskinan luar bandar dalam memastikan kumpulan sasar (miskin dan miskin tegar) dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik.

Pengurusan Tertinggi Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar telah menyatakan hasrat untuk memperkasakan peranan KEMAS dalam kemajuan masyarakat dalam membantu pelaksanaan PPRT terutamanya dalam proses verifikasi/pemutihan permohonan bantuan yang diterima oleh Kementerian. Justeru, bagi meringankan beban, pihak pengurusan tertinggi Kementerian telah bersetuju untuk melibatkan kerjasama pihak KEMAS (Rujukan : KPLB.700-3/1/2) bertarikh 15 Jun 2021 untuk membantu melaksanakan proses verifikasi/pemutihan permohonan PPRT di Lapangan iaitu dalam skop Bantuan Bina Baharu Rumah dan Bantuan Baik Pulih Rumah.

Objektif Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) adalah untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga miskin tegar dan miskin dengan membina atau membaik pulih rumah bagi menyediakan tempat kediaman yang lebih selamat dan selesa sebagai asas pertumbuhan sesebuah keluarga.

Bagi mewujudkan standard dan ketelusan dalam proses verifikasi Jabatan Kemajuan Masyarakat melalui Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik telah dipertanggungjawabkan untuk penyelarasan proses verifikasi/siasatan kepada permohonan yang dikemukakan oleh Bahagian Kesejahteraan Rakyat, KPLB. Ianya juga menunjukkan susulan hasrat YBM KPLB untuk Jabatan ini memainkan peranan lebih berkesan dalam kemajuan masyarakat dan juga keupayaan serta pengalaman KEMAS di setiap kampung dan daerah di seluruh Malaysia.

## BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

**RUMUSAN VERIFIKASI/SIASATAN PERMOHONAN BANTUAN RUMAH DI BAWAH PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT TERMISKIN (PPRT), SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT (SPKR) KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR SEHINGGA DISEMBER 2021**

| BIL | NEGERI | JUMLAH KESELURUHAN PERMOHONAN SIASATAN (orang) |
|---|---|---|
| 1 | Perlis | 38 |
| 2 | Kedah | 222 |
| 3 | Pulau Pinang | 38 |
| 4 | Perak | 82 |
| 5 | Selangor | 242 |
| 6 | Pahang | 125 |
| 7 | Kelantan | 40 |
| 8 | Negeri Sembilan | 88 |
| 9 | Melaka | 52 |
| 10 | Johor | 15 |
| 11 | Sabah | 867 |
| | **JUMLAH** | **1951** |

## 5. KURSUS/BENGKEL YANG DILAKSANAKAN

| TAJUK KURSUS / BENGKEL | PESERTA | PENGISIAN KURSUS / BENGKEL |
|---|---|---|
| **1. BENGKEL SEMAKAN HASIL KAJIAN LAPANGAN JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT SIRI 1/2021** | ▪ 1 siri<br>▪ 57 orang:<br>▫ Pegawai Unit Ibu Pejabat<br>▫ Penolong Pegawai Latihan & Pembangunan Sosial (PPL&PS)<br>▫ Pembantu Pembangunan Masyarakat (PPM) | ▪ **Pengisian kursus:**<br>▫ Taklimat<br>▫ Latihan individu/kumpulan<br>▫ Pembentangan<br>▫ Rumusan dan cadangan<br>▪ **Kaedah pelaksanaan:**<br>▫ Meneliti (review) serta menyemak format pangkalan data, tatacara pelaksanaan kajian lapangan serta kaedah penghantaran laporan sedia ada.<br>▫ Menyediakan laporan dan analisa kajian lapangan yang komprehensif mengikut format yang telah ditetapkan. |
| **2. BENGKEL TERMA RUJUKAN KAJIAN JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT** | ▪ 1 Siri<br>▪ 25 orang:<br>▪ Pegawai KEMAS:<br>▫ Pengurusan Tertinggi dan Pengarah Bahagian Ibu Pejabat<br>▫ Pengarah Negeri<br>▫ Penolong Pengarah Bahagian dan Negeri<br>▫ Pegawai Unit Ibu Pejabat | ▪ **Pengisian kursus:**<br>▫ Taklimat<br>▫ Latihan individu/kumpulan<br>▫ Pembentangan<br>▫ Rumusan dan cadangan<br>▪ **Kaedah pelaksanaan:**<br>▫ Mengadakan sesi sumbang saran dan perbincangan aktif (Pengurusan tertinggi KEMAS dengan kakitangan khususnya mengenai aspek keperluan kajian diperingkat Jabatan. |
| **3. SESI LIBAT URUS BERKAITAN PRESTASI EKONOMI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA BERSAMA PEGAWAI-PEGAWAI JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)** | ▪ 1 Siri<br>▪ 121 orang:<br>▫ Ketua Pengarah KEMAS<br>▫ Timbalan Ketua Pengarah KEMAS<br>▫ Pengarah Bahagian/ Ketua Unit<br>▫ Semua Pengarah Negeri<br>▫ Penolong Pengarah Bahagian / KEMAS Negeri<br>▫ Pengetua Akademi Kemahiran / Institut Latihan KEMAS/ Pusat Latihan KEMAS<br>▫ Pegawai KEMAS Daerah | ▪ **Ucapan Aluan oleh YBhg. Dato' Mohamad Yasid bin Bidin, Ketua Pengarah KEMAS**<br>▪ **Ucapan Oleh YB Tuan Mohd Shahar bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan II**<br>▫ Sesi Libat Urus: Ceramah |

## BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

| TAJUK KURSUS / BENGKEL | PESERTA | PENGISIAN KURSUS / BENGKEL |
|---|---|---|
| **4. MESYUARAT HALATUJU STRATEGIK JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT TAHUN 2022.** | ▪ 1 siri<br>▪ 64 orang:<br>▫ Ketua Pengarah KEMAS<br>▫ Timbalan Ketua Pengarah KEMAS<br>▫ Pengarah Dasar & Perancangan Strategik<br>▫ Pengarah Bahagian dan Ketua Unit<br>▫ Pengarah Negeri<br>▫ Penolong Pengarah KEMAS Negeri/Bahagi | ▪ Pengisian mesyuarat:<br>▫ Pembentangan KPI 2021 KEMAS oleh Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik<br>▫ Pembentangan prestasi perbelanjaan bajet pembangunan dan mengurus 2021 oleh KEMAS Negeri<br>▫ Penerangan mengenai KCT dan format dan templet bajet 2022 non fizikal.<br>▫ Penerangan takwim program oleh Bahagian/ KEMAS Negeri<br>▫ Membuat perancangan agihan program mengikut format (Daerah, Dun dan Lokaliti)<br>▫ Menyedia dan menambahbaik garis panduan program (mengikut hala tuju baru Jabatan).<br>▫ Perbincangan dan pembentangan KPI KEMAS untuk Tahun 2022. |

# BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

KEMAS AR2021_Teks.indd 123 13/10/2022 10:04 AM

## BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

### 1. PENGENALAN

Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak menyelaraskan dan menguruskan Program Pendidikan Awal Kanak-kanak mengikut Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta Dasar Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan.

Program Pendidikan Awal Kanak-Kanak KEMAS terbahagi kepada dua kategori iaitu:

**TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA)** — KUMPULAN SASAR **PENDIDIKAN AWAL KEPADA KANAK-KANAK BERUMUR 2 – 4 TAHUN**

**TAMAN BIMBINGAN KANAK-KANAK (TABIKA)** — KUMPULAN SASAR **PENDIDIKAN AWAL KEPADA KANAK-KANAK BERUMUR 4 – 6 TAHUN**

### 2. DATA TABIKA DAN TASKA TAHUN 2021

KELAS **TABIKA | 10,818** — KANAK-KANAK **196,963**

KELAS **TASKA | 544** — KANAK-KANAK **9,224**

# 3. PRESTASI BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK TAHUN 2021

| PRESTASI PERBELANJAAN BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK | | | |
|---|---|---|---|
| **PERUNTUKAN PROGRAM BANTUAN MAKANAN TAMBAHAN** | **TERIMA (RM)** | **BELANJA (RM)** | **% PERBELANJAAN** |
| 051000 | 140,000,000.00 | 72,209,736.00 | 51.5 |
| **PERUNTUKAN PROGRAM GERAN PERKAPITA** | **TERIMA (RM)** | **BELANJA (RM)** | **% PERBELANJAAN** |
| 051200 | 20,000,000.00 | 19,988,512.64 | 99.6 |
| **PERHUBUNGAN DAN UTILITI** | **TERIMA (RM)** | **BELANJA (RM)** | **% PERBELANJAAN** |
| OS 23000 | 6,321,000.00 | 5,506,557.00 | 87.1 |
| **SEWAAN** | **TERIMA (RM)** | **BELANJA (RM)** | **% PERBELANJAAN** |
| OS24000 | 6,206,860.00 | 5,614,857.00 | 93.1 |
| **BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN** | **TERIMA (RM)** | **BELANJA (RM)** | **% PERBELANJAAN** |
| OS27000 | 448,500.00 | 362,450.00 | 81 |
| **PERKHIDMATAN IKTISAS DAN LAIN-LAIN PERKHIDMATAN YANG DIBELI DAN HOSPITALITI** | **TERIMA (RM)** | **BELANJA (RM)** | **% PERBELANJAAN** |
| OS29000 | 4,100,000.00 | 3,090,730.00 | 75.3 |
| **BAHAN-BAHAN MAKANAN DAN MINUMAN** | **TERIMA (RM)** | **BELANJA (RM)** | **% PERBELANJAAN** |
| 051500 | 1,000,000.00 | 943,854.61 | 95.3 |

# 4. PENCAPAIAN

## ▪ HARI POTENSI KEMAS PERINGKAT KEBANGSAAN

Hari POTENSI merupakan aktiviti kokurikulum TABIKA yang dilaksanakan secara tahunan dan melibatkan 3 peringkat iaitu Daerah / Parlimen, Negeri dan Kebangsaan.

Mulai Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe-9), Hari POTENSI dilaksanakan secara tahunan yang melibatkan acara bakat dan sukan secara giliran pada setiap tahun. Pada tahun 2021, acara yang dipertandingkan adalah acara Bakat. Terdapat enam (6) acara yang akan dipertandingkan iaitu Penyair Cilik, KEMAS Kids Top Host, Bilal Cilik, Dengarkan Sirah Rasul, Si Cilik KEMAS dan Rekacipta.

Perlaksanaan Hari POTENSI pada tahun 2021 dijalankan secara virtual melalui media sosial KEMAS iaitu YouTube dan Facebook rasmi KEMAS. Perlaksanaan sesi rakaman dan siaran langsung adalah mematuhi garis panduan yang ditetapkan selaras dengan arahan kerajaan bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

KEMAS telah berkerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta rakan strategik Al Faiz Holding Group, Dutch Lady, KRU Studios, Drawzania, Alfa & Friends dan Nasional FM. Sumbangan mereka memberikan makna yang besar kepada perkembangan pendidikan awal kanak-kanak di KEMAS.

Hari Potensi Peringkat Kebangsaan tahun 2021 telah melibatkan seramai 297 orang kanak-kanak, 140 orang guru TABIKA dan 90 orang pegawai. Seramai 224 orang kanak-kanak telah menyertai acara pertandingan dan seramai 73 orang kanak-kanak terlibat dalam acara persembahan seperti choral speaking, nasyid, genderang dan boria.

Tema Hari Potensi pada tahun 2021 ialah ‘Si Cilik: Melakar Seni Membina Kreativiti’. Pemilihan tema ini bagi menjelaskan bahawa kecemerlangan kognitif kanak-kanak bukan sahaja dapat dilihat dalam bentuk hitungan nombor sahaja, malah tetap diperlukan di dalam bidang sastera, budaya dan sosial serta ianya lebih banyak berkaitan dengan kreativiti.








## TARIKH DAN TEMPAT PERTANDINGAN

Tarikh: 11-15 Oktober 2021 (Pertandingan) & 28-30 Oktober 2021 (penyampaian hadiah)
Tempat: Aras 3, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Putrajaya (teknikal & kehakiman): Ruang legar KPLB (tayangan siaran secara dalam talian)

## PELAKSANAAN

Menerusi saluran Youtube Channel KEMASTV
Ditayangkan secara langsung (*live*) dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang
Pertandingan meliputi lokasi acara seluruh Malaysia:

## KEPUTUSAN HARI POTENSI TABIKA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2021:

| ACARA | JOHAN | NAIB JOHAN | KETIGA |
|---|---|---|---|
| TOP HOST LELAKI | MELAKA | SELANGOR | MELAKA |
| TOP HOST PEREMPUAN | PULAU PINANG | SELANGOR | PERAK |
| PENYAIR CILIK LELAKI | KELANTAN | PAHANG | PERLIS |
| PENYAIR CILIK PEREMPUAN | TERENGGANU | NEGERI SEMBILAN | JOHOR |
| SI CILIK KEMAS | WILAYAH PERSEKUTUAN | JOHOR | SARAWAK |

KEMAS AR2021_Teks.indd 128 13/10/2022 10:05 AM

| | | | |
|---|---|---|---|
| ACARA **DENGARKAN SIRAH RASUL** | JOHAN (1) **JOHOR** | NAIB JOHAN (2) **TERENGGANU** | KETIGA (3) **PULAU PINANG** |
| ACARA **BILAL CILIK** | JOHAN (1) **SELANGOR** | NAIB JOHAN (2) **WILAYAH PERSEKUTUAN** | KETIGA (3) **SABAH** |
| ACARA **REKACIPTA** | JOHAN (1) **NEGERI SEMBILAN** | NAIB JOHAN (2) **JOHOR** | KETIGA (3) **PAHANG** |
| **KEPUTUSAN KESELURUHAN** | JUARA KESELURUHAN (1) **JOHOR** | NAIB JOHAN (2) **SELANGOR** | KETIGA (3) **NEGERI SEMBILAN** |







*Dari kiri: Majlis Penutupan dan Penyampaian Hadiah Hari Potensi KEMAS Peringkat Kebangsaan Edisi ke-16 telah diadakan pada 30 Oktober 2021 di Hotel Raia Alor Setar, Kedah. / Majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Mahdzir Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar.*

## SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN PERINGKAT TABIKA/ TASKA KEMAS TAHUN 2021

Pada setiap tahun Malaysia menyambut Hari Kebangsaan bermula 1 Ogos sehingga 16 September sebagai memperingati pengorbanan pejuang serta pemimpin Negara dalam memperjuangkan kemerdekaan disamping memupuk semangat patriotisme serta perpaduan rakyat Malaysia.

Jabatan Kemajuan Masyakarat (KEMAS) juga turut menyemarakan Sambutan Hari Kebangsaan dalam kalangan kanak-kanak seawal usia di TABIKA dan TASKA KEMAS melalui aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang bertemakan Hari Kebangsaan bermula dari 4 Ogos hingga 16 September dengan penglibatan 150,000 ibubapa dan kanak-kanak.

Objektif utama program adalah:

- Membentuk jati diri dan semangat patriotisme dikalangan kanak-kanak seawal usia; dan
- Kanak-kanak dapat menghayati makna kemerdekaan dan berusaha untuk mengekalkannya.

Pelbagai aktiviti yang menerapkan konsep belajar melalui bermain serta pembelajaran secara hands on dilaksanakan sepanjang bulan kebangsaan seperti membaca ikrar Rukun Negara, Bicara Cilik, Pemimpinku Sayang, Peta Malaysia di Mata Dunia dan pelbagai lagi aktiviti yang digariskan dalam Modul Patriotik KEMAS.

Aktiviti-aktiviti ini adalah bagi menanamkan dalam diri kanak-kanak khasnya dan ibu bapa amnya, semangat patriotisme, penghayatan kemerdekaan serta menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan sepanjang bulan kebangsaan.

Namun, tiada aktiviti perarakan atau perhimpunan diadakan oleh TABIKA/ TASKA/ KEMAS Daerah/ KEMAS Negeri pada 31 Ogos 2021. Walau bagaimanapun, kanak-kanak bersama ibubapa/ penjaga digalakkan untuk melaksanakan aktiviti Hari Kebangsaan di rumah masing-masing seperti menonton rancangan televisyen berkaitan Hari Kebangsaan, mengibarkan jalur gemilang di rumah masing-masing atau pelbagai aktiviti lain yang boleh dilaksanakan bersama-sama keluarga.

## ▪ SAMBUTAN PELANCARAN HARI KEBANGSAAN KEMAS PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2021

Program Pra Pelancaran Hari Kebangsaan KEMAS Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 dilaksanakan secara virtual pada 26 Ogos 2021. Ia telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Program ini dilaksakan secara langsung melalui Facebook rasmi KEMAS dengan tontonan sebanyak 75,000. Antara pengisian program adalah:

- Persembahan sajak bertajuk 'Di Sini di Tanah Ini' oleh kanak-kanak TABIKA KEMAS bersama ibunya; dan
- Penyerahan bendera secara virtual kepada Pengarah KEMAS Negeri.

## ▪ MAJLIS SAMBUTAN HARI MALAYSIA DAN PENUTUPAN HARI KEBANGSAAN KEMAS TAHUN 2021

Majlis Sambutan Hari Malaysia dan Penutupan Hari Kebangsaan KEMAS Tahun 2021 telah diadakan secara virtual pada 23 September 2021 yang dirasmikan oleh YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Program ini dilaksanakan secara langsung melalui Facebook Rasmi KEMAS dengan tontotan sebanyak 68,000.

## ▪ PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PDPR) TAHUN 2021

Pandemik Covid-19 telah memberi kesan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak di TABIKA dan TASKA KEMAS. Walaupun pengoperasian TABIKA ditutup dan kanak-kanak tidak hadir ke kelas, namun kanak-kanak ini berhak mendapat peluang mengikuti pendidikan sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang menetapkan setiap murid mendapat akses kepada pendidikan untuk mencapai potensi diri bagi menghadapi kehidupan masa hadapan.

Pada tahun 2020, KEMAS telah mengeluarkan infografik kaedah Pengajaran dan Pemudahcaraan di Rumah (PdPR) kanak-kanak TABIKA KEMAS sepanjang tempoh PKP yang bertemakan "Pendidikan di Rumah" dengan tanda pagar #pendidikandirumah dan ianya masih digunapakai pada tahun 2021. Kanak-kanak ini menerima pendidikan sewajarnya melalui salah satu atau gabungan PdPR seperti dalam talian, luar talian atau *offsite*.

KEMAS AR2021_Teks.indd 131 13/10/2022 10:05 AM

## BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK






*Dari kiri:*
*Kanak-kanak berhak mendapat peluang mengikuti pendidikan, meskipun mereka tidak dapat hadir ke sekolah. / PdPR boleh dilaksanakan dalam talian dan atau luar talian dan atau off-site dengan berstruktur dan terancang.*

Aktiviti PdPR TABIKA Tahun 2021 telah dilaksanakan secara dalam talian, luar talian (*offsite*) atau gabungan mana-mana pendekatan ini. Pelbagai aktiviti secara *hands on* dilaksanakan dalam tempoh PdPR seperti:

| PROGRAM | TARIKH |
|---|---|
| PROGRAM SALAM | JAN – MAC 2021 |
| KEMPEN SERONOKNYA MEMBACA | 23 APRIL |
| MINGGU STREAM TABIKA/ TASKA KEMAS | 21 – 25 JUN |
| BULAN KESEDARAN PEERS @ TABIKA KEMAS | JULAI |
| ENGLISH DAY | SETIAP HARI RABU |

- **MAJLIS *FLAG-OFF* PROGRAM SUMBANGAN PRODUK SUSU DUTCH LADY MILK INDUSTRIES BERHAD (DLMI) KEPADA KANAK-KANAK TABIKA DAN TASKA KEMAS PARLIMEN PUTRAJAYA TAHUN 2021**

Tarikh : 16 Disember 2021 (Khamis)
Masa : 12.30 tengahari
Tempat : Lobi Bangunan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)
Dirasmikan : Yang Berbahagia Dato' Ramlan Bin Harun
Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Dutch Lady Milk Industries Berhad (DLMI) telah memberikan sumbangan kepada semua kanak-kanak di 34 buah TABIKA dan 9 buah TASKA KEMAS Parlimen Putrajaya. Tiga (3) mekanisma pengedaran sumbangan produk susu oleh pihak DLMI seperti berikut :

i. KSU telah menyampaikan sumbangan susu kepada 21 orang kanak-kanak di lobi bangunan KPLB;
ii. Penghantaran sumbangan susu oleh Rider DLMI terus ke 30 buah rumah kanak-kanak; dan
iii. Penghantaran sumbangan susu oleh lori DLMI ke 43 lokasi (TABIKA dan TASKA KEMAS).

Justifikasi sumbangan adalah seperti berikut :

**i. Program Sumbangan Produk Susu Tepung Rumusan 4,5,6**
Merupakan salah satu Program CSR Dutch Lady kepada masyarakat di Malaysia bagi tahun 2021

**ii. Menyahut Usaha Murni Kerajaan Meringankan Beban Ibu Bapa**
Sumbangan sebagai sebahagian usaha murni syarikat membantu dan meringankan beban ibu bapa yang terkesan akibat pendemik covid 19 yang melanda negara.

**iii. Memenuhi Sebahagian Polisi Dasar Pemakanan Kebangsaan 2.0**
Perkongsian Pintar dengan KEMAS untuk mengatasi ketidakseimbangan diet dikalangan kanak-kanak.

**iv. Pemilihan Kanak-Kanak KEMAS Sebagai Penerima Sumbangan**
Pihak Dutch Lady bersetuju memilih kanak-kanak TABIKA dan TASKA KEMAS sebagai penerima sumbangan produk susu tepung rumusan 4,5,6 sebanyak 2000 unit. Sebagai permulaan adalah untuk kanak-kanak TABIKA & TASKA KEMAS di Putrajaya.

**v. Kaedah Penghantaran & Bilangan Produk Susu**
Menggunakan perkhidmatan Rider Dutch Lady dan lori.

KEMAS AR2021_Teks.indd 133 13/10/2022 10:05 AM

## ▪ PERLAKSANAAN BENGKEL KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN TAHUN 2021

Pada tahun 2001, KEMAS dengan kerjasama UNICEF telah melaksanakan Bengkel Kemahiran Keibubapaan yang melibatkan seramai 1,300 orang ibu bapa/ penjaga melalui 26 siri bengkel. Pelaksanaan bengkel tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan ibu bapa/ penjaga dan dijadikan aktiviti yang berterusan di TABIKA dan TASKA.

Justeru, kejayaan pelaksanaan bengkel berkenaan telah mendorong KEMAS untuk meneruskan bengkel tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) yang dikenali sebagai Pogram Kemahiran Keibubapaan Pendidikan Awal Kanak-kanak. Program ini akan dijadikan sebagai aktiviti tahunan bagi TABIKA dan TASKA KEMAS.

Susulan daripada penularan wabak COVID-19 di Malaysia, bagi tahun 2021, garis panduan bengkel ini dipinda selaras Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh dengan arahan Kerajaan untuk menjaga penjarakan bagi membendung penularan wabak Covid-19 di Malaysia dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Objektif perlaksanaan Bengkel Kemahiran Keibubapaan ialah seperti berikut:

1. Mewujudkan kesinambungan pendidikan awal kanak-kanak di TABIKA/ TASKA dan di rumah.
2. Memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada ibu bapa/penjaga dalam bidang pendidikan anak-anak.
3. Memberi pengetahuan dan kemahiran kepada ibu bapa/ penjaga dalam menyediakan makanan sihat dan berkhasiat serta amalan pemakanan yang baik untuk anak-anak.
4. Memberi kesedaran kepada ibu bapa/ penjaga mengenai kepentingan perkembangan kanak-kanak berumur 0 hingga 6 tahun.
5. Meningkatkan kefahaman ibu bapa/ penjaga mengenai peranan dan tanggungjawab ibu bapa/ penjaga terhadap anak-anak.
6. Pendedahan berkenaan isu-isu semasa negara.

| PERLAKSANAAN BENGKEL KEMAHIRAN KEIBUBAPAAN KEMAS SELURUH MALAYSIA BAGI TAHUN 2021 | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| BIL | NEGERI | PARLIMEN | JUMLAH SIRI | BILANGAN PESERTA | | | | |
| | | | | IBU BAPA/ PENJAGA (A) | | KANAK-KANAK (B) | | JUMLAH (A) + (B) |
| | | | | L | P | L | P | |
| 1 | Perlis | 3 | 37 | 249 | 1078 | 65 | 72 | 1464 |
| 2 | Kedah | 15 | 20 | 104 | 457 | 15 | 20 | 596 |
| 3 | Pulau Pinang | 13 | 40 | 296 | 1937 | 0 | 0 | 2233 |
| 4 | Perak | 24 | 95 | 380 | 3076 | 67 | 74 | 3597 |
| 5 | Selangor | 22 | 180 | 1268 | 6724 | 175 | 228 | 8395 |
| 6 | Wilayah Persekutuan | 13 | 30 | 355 | 2151 | 26 | 37 | 2569 |
| 7 | Negeri Sembilan | 8 | 60 | 451 | 2158 | 28 | 42 | 2679 |
| 8 | Melaka | 6 | 9 | 317 | 755 | 69 | 91 | 1232 |
| 9 | Johor | 26 | 129 | 831 | 3781 | 209 | 270 | 5091 |
| 10 | Pahang | 14 | 120 | 156 | 3607 | 5 | 13 | 3781 |
| 11 | Kelantan | 14 | 80 | 231 | 2375 | 0 | 0 | 2606 |
| 12 | Terengganu | 8 | 100 | 249 | 3111 | 44 | 43 | 3447 |
| 13 | Sabah | 25 | 200 | 1227 | 6913 | 225 | 294 | 8659 |
| 14 | Sarawak | 31 | 210 | 956 | 9221 | 27 | 0 | 10204 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | **1310** | **7070** | **47344** | **955** | **1184** | **56553** |

## 5. STATUS PEMAKANAN KANAK-KANAK TABIKA DAN TASKA KEMAS

Penilaian status pemakanan kanak-kanak dilaksanakan bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan Pemberian Makanan Tambahan di TABIKA dan TASKA KEMAS. Penilaian ini penting untuk pengesanan awal kanak-kanak yang menunjukkan tanda-tanda kekurangan zat makanan. Penilaian status pemakanan di TABIKA dan TASKA KEMAS dilaksanakan menggunakan penilaian antropometri, iaitu ukuran berat dan tinggi kanak-kanak.

Carta kekerapan mengambil berat badan dan tinggi ini adalah tiga (3) kali setahun iaitu pada Januari, Mei dan Oktober sesi persekolahan bagi TABIKA dan TASKA KEMAS. Bermula tahun 2020, terdapat pindaan berkaitan kekerapan pengukuran Antropometri (ukuran berat dan tinggi) bagi kanak-kanak TASKA daripada tiga (3) kali kepada empat (4) kali iaitu bulan Januari, April, Ogos dan Disember. Walau bagaimanapun, pada tahun 2021, pengukuran hanya dilakukan sebanyak dua (2) kali disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seluruh negara.

Pindaan ini adalah berdasarkan penyelarasan semua agensi untuk menggunakan carta pertumbuhan WHO 2006 iaitu carta berat untuk umur, panjang/tinggi-untuk umur dan BMI untuk umur dalam buku rekod kesihatan kanak-kanak TASKA dan penyelarasan sistem National Child Development Research Centre (NCDRC) agar selari dengan kandungan buku rekod kesihatan yang digunakan oleh GENIUS.

## RUMUSAN STATUS PEMAKANAN KANAK-KANAK TABIKA KEMAS BAGI BULAN APRIL DAN OKTOBER TAHUN 2021

### (A) TINGGI UNTUK UMUR TABIKA




| | | |
|---|---|---|
| JANTINA **LELAKI** | APRIL **102,098** | OKTOBER **101,660** |
| JANTINA **PEREMPUAN** | APRIL **100,509** | OKTOBER **100,497** |
| **JUMLAH** | **202,607** | **202,157** |

KEMAS AR2021_Teks.indd 137 13/10/2022 10:05 AM

## BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

### (B) BMI UNTUK UMUR TABIKA




| | | |
|---|---|---|
| JANTINA **LELAKI** | APRIL **102,098** | OKTOBER **101,660** |
| JANTINA **PEREMPUAN** | APRIL **100,509** | OKTOBER **100,497** |
| **JUMLAH** | **202,607** | **202,157** |

## RUMUSAN STATUS PEMAKANAN KANAK-KANAK TASKA KEMAS BAGI BULAN MEI DAN DISEMBER TAHUN 2021

### (A) TINGGI UNTUK UMUR TASKA




| | | |
|---|---|---|
| JANTINA **LELAKI** | MEI **4,593** | DISEMBER **4,582** |
| JANTINA **PEREMPUAN** | MEI **4,487** | DISEMBER **4,446** |
| **JUMLAH** | **9,080** | **9,028** |

## BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

### (B) BMI UNTUK UMUR TASKA




| JANTINA | MEI | DISEMBER |
|---|---|---|
| LELAKI | 4,593 | 4,582 |
| PEREMPUAN | 4,487 | 4,446 |
| **JUMLAH** | **9,080** | **9,028** |

KEMAS AR2021_Teks.indd 140 13/10/2022 10:05 AM

## (C) BERAT UNTUK UMUR TASKA




| | | |
|---|---|---|
| JANTINA **LELAKI** | MEI **4,593** | DISEMBER **4,582** |
| JANTINA **PEREMPUAN** | MEI **4,487** | DISEMBER **4,446** |
| **JUMLAH** | **9,080** | **9,028** |

## 6. BENGKEL/KURSUS

| NAMA KURSUS/ BENGKEL/ PROGRAM | TARIKH | PESERTA | IMPAK |
|---|---|---|---|
| **BENGKEL SISTEM SEWAAN RUANG PEJABAT (SRP)** | JANUARI – DISEMBER 2021 | Pegawai kakitangan Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak | Memberi pendedahan kepada sistem melalui penerangan dan latihan secara 'hands on' merangkumi pengurusan pengguna sistem, pengemaskinian senarai sewaan, pengisian borang permohonan dan penjanaan laporan |
| **BENGKEL SISTEM MAKLUMAT PRASEKOLAH KEBANGSAAN (SMPK)** | JANUARI – DISEMBER 2021 | Semua Pendidik Masyarakat TABIKA KEMAS | Memberi pendedahan dan pengukuhan kepada pendidikan Masyarakat TABIKA KEMAS berkenaan sistem SMPK merangkumi pengisian dan pengemaskinian maklumat kelas, kanak-kanak dan PM serta penjanaan laporan |
| **BENGKEL SISTEM PENDAFTARAN KANAK-KANAK TABIKA KEMAS SECARA DALAM TALIAN** | OGOS 2021 | 10 TABIKA RINTIS/PKD/ PPPAK | Memberi pendedahan kepada pendidikan Masyarakat TABIKA KEMAS,PKD,PPPAK berkenaan sistem pendaftaran kanak-kanak TABIKA KEMAS secara atas talian merangkumi pendaftaran permohonan, penerimaan permohonan dan proses permohonan |
| **BENGKEL SEMAKAN PENGISIAN STANDARD KUALITI PRASEKOLAH KEBANGSAAN (SKPK) 2.0** | 8 SEPTEMBER 2021 | Pengarah/PPK/ TP/PP/PO | Tujuan bengkel semakan SKPK dibangunkan adalah untuk mengetahui tahap kualiti TABIKA KEMAS semasa dan menyediakan perancangan usaha penambahbaikan meningkatkan kualiti di kalangan prasekolah agensi awam dan swasta |
| **BENGKEL SEMAKAN PENGISIAN STANDARD KUALITI PRASEKOLAH KEBANGSAAN (SKPK) 2.0** | 14 SEPTEMBER 2021 | Pengarah/PPK/ TP/PP/PO/ PPPAK/PM | Memperakukan data dan maklumat PK-SKPK 2.0 yang diisi oleh pendidik di bawah seliaan masing-masing mengikut tempoh yang ditetapkan<br><br>Memantau pengisian PK-SKPK 2.0 secara dalam talian peringkat daerah/negeri mengikut tempoh yang ditetapkan dan memastikan proses pelaksanaannya dipatuhi |

| NAMA KURSUS/ BENGKEL/ PROGRAM | TARIKH | PESERTA | IMPAK |
|---|---|---|---|
| **KURSUS APLIKASI SCRATCH 2.0 TAHUN 2021 SIRI 1** | 15-19 MAC 2021 | 50 orang | Memperkasakan pedagogi abad ke-21 dalam proses pembelajaran di TABIKA; Memberi pendedahan kepada peserta berkaitan setiap elemen STREAM dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak menggunakan pendekatan STREAM-based coding project ; dan Menghasilkan bahan pembelajaran digital untuk dikongsikan bersama TABIKA KEMAS seluruh Malaysia |
| **KURSUS APLIKASI SCRATCH 2.0 TAHUN 2021 SIRI 2** | 22-26 MAC 2021 | 50 orang | |
| **MINGGU STREAM@KEMAS BERTEMAKAN "HARGAI AIR"** | Sepanjang minggu ke 4 bulan JUN | Kanak-Kanak Tabika: 206,107 orang<br>Kanak-Kanak Taska: 9,355 orang | KEMAS telah mengambil inisiatif memperkenalkan Minggu STREAM @ KEMAS 2021 bertemakan "Hargai Air" untuk menyokong perlaksanaan Hari Alam Sekitar Sedunia tersebut |
| **BULAN KESEDARAN PEERS@ TABIKA KEMAS** | Sepanjang bulan JULAI | Kanak-Kanak Tabika: 206,107 orang<br>Kanak-Kanak Taska: 9,355 orang | Bulan Kesedaran PEERS @ TABIKA KEMAS merupakan inisiatif KEMAS untuk memantapkan PEERS di kalangan kanak-kanak serta ibubapa/ penjaga melalui Modul PEERS Prasekolah, disamping menyokong Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memperkukuhkan lagi kefahaman Jurulatih Utama Kebangsaan (JUK) Pentaksiran sebelum ianya diperluaskan kepada Pendidik Masyarakat (PM) TABIKA yang lain |
| **KURSUS PENTAKSIRAN TABIKA KEMAS** | 6-7 JULAI 2021 | 800 PM Tabika/ Taska | |
| **KURSUS PDPR KREATIF** | Siri 1: 16-20 OGOS 2021<br>Siri 2: 24-26 OGOS 2021 | PM Tabika/ PPAK 144 orang | Memberikan latihan kepada PM TABIKA dan TASKA membangunkan bahan pembelajaran digital semasa pelaksanaan PdPR; dan Memberikan pendedahan kepada PM TABIKA dan TASKA mengaplikasikan teknologi atau perisian terkini dalam membangunkan bahan pembelajaran PdPR |

## BAHAGIAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

| NAMA KURSUS/ BENGKEL/ PROGRAM | TARIKH | PESERTA | IMPAK |
|---|---|---|---|
| **KURSUS PENGGUNAAN MODUL E-STREAM** | 2-6 OGOS 2021 | 750 Orang | Melatih peserta kursus (Jurulatih Utama Kebangsaan) menggunakan Modul e-STREAM dan Modul STREAM @ TASKA; dan Menyelaras bahan Kursus Perluasan Modul e-STREAM TABIKA dan Modul STREAM @ TASKA yang seterusnya akan digunakan mulai bulan Ogos 2021 |
| **KURSUS SCRATCH JR ZON UTARA** | 25-28 OKTOBER 2021 | 110 orang PM Tabika/ Taska | Kursus Aplikasi Scratch Junior sebagai pendedahan awal kepada pendidik dalam mengapilkasikan pembelajaran abad ke-21 kepada kanak-kanak dalam proses pembelajaran melalui aplikasi Scratch Junior |
| **BENGKEL PEMBANGUNAN VIDEO MANUAL PENGGUNAAN *TEACHER-CHILDREN INTERACTION (A PRESCHOOL CLASSROOM GUIDE)*** | 15-18 NOVEMBER 2021 | 50 orang | Mengenalpasti keperluan seperti frasa/ ayat/ perkataan/ arahan yang sesuai digunakan mengikut pembahagian masa di kelas (perbualan awal/ rutin/ dll); dan Membangunkan garis panduan dengan bantuan khidmat pakar yang dilantik bagi memastikan penggunaan frasa/ ayat/ perkataan/ arahan bersesuaian serta mengikut piawaian/ kualiti |

# BAHAGIAN PENDIDIKAN KEMAHIRAN

KEMAS AR2021_Teks.indd 145 13/10/2022 10:05 AM

## BAHAGIAN PENDIDIKAN KEMAHIRAN

# 1. PENGENALAN

Program Kemahiran KEMAS telah dilaksanakan sejak 1969. Dahulunya ia dikenali sebagai Kelas Latih Kerja. Tujuan program ini dibangunkan ialah untuk menyediakan latihan-latihan kemahiran kepada masyarakat luar bandar. Program ini telah memberi fokus kepada aktiviti yang boleh menambah pendapatan keluarga seperti anyaman, gubahan, hantaran perkahwinan, jahitan, masakan serta enjin kenderaan.

Melalui kelas-kelas pendidikan seperti Kelas Ekonomi Rumahtangga (ERT), Rancangan Pedoman Tugasan (RPT), Kelas Agama Islam (KAI), Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA), Khutub Khanah Desa (KKD) dan Rancangan Desa Usaha (RDU); KEMAS telah mengorak langkah dan menyusun strategi demi pembangunan dan kemajuan masyarakat luar bandar.

Penstrukturan semula Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) pada 19 Januari 2015 telah membawa kepada penjenamaan semula Bahagian Pendidikan Masyarakat kepada Bahagian Pendidikan Kemahiran.

- **PROGRAM PENDIDIKAN KEMAHIRAN SEPANJANG HAYAT**

Pelaksanaan program-program kemahiran yang dilaksanakan bertujuan untuk membimbing, meningkatkan kualiti modal insan luar bandar yang berkualiti dan melahirkan usahawan yang berdaya saing. Masyarakat telah diberi kesedaran, pendedahan dan peluang melalui kelas kemahiran yang terdiri dari bidang-bidang kemahiran seperti masakan, jahitan, dandanan diri, Pendidikan Kesejahteraan Keluarga, seni tangan dan komputer.

Kelas-kelas kemahiran akan dijalankan di Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS, Pusat Jahitan KEMAS, Pusat Masakan KEMAS, Premis TABIKA KEMAS, dewan orang ramai atau di premis persendirian.

KEMAS memperluaskan peranan program Pendidikan Kesejahteraan Keluarga (PKK) melalui pelaksanaan secara ‘Outreach’. Program ini dijalankan di kawasan pedalaman kerana tempoh masanya yang pendek dan menggunakan tenaga pengajar yang terdiri dari kalangan penduduk setempat.

Dalam memastikan penyampaian ilmu kepada masyarakat berkualiti, KEMAS telah menghantar Pemaju Masyarakat jurusan kemahiran jahitan, masakan, kraf, dandanan diri dan komputer

mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1,2 dan 3. Ia bertujuan untuk menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

## PERMOHONAN MENGIKUTI KELAS KEMAHIRAN KEMAS

- Mendaftar terus di kelas-kelas kemahiran seperti Kelas Jahitan, Masakan Dandanan diri, Seni Tangan dan Komputer yang berdekatan;
- Bayaran pendaftaran setiap tahun mengikut kelulusan dan persetujuan daripada jawatankuasa aktviti kelas Pendidikan Kemahiran dan disahkan oleh Pegawai Kemas daerah/ Pengarah
- Kadar sumbangan bulanan juga dipersetujui dalam mesyuarat jawatankuasa akiviti dan di minitkan.
- Sesi Kelas/kuliah: 8.00 pg- 5.00 petang (hari bekerja); dan
- Kumpulan Sasar: belia, suri rumah, ibu tunggal dan masyarakat setempat.

## KELEBIHAN BELAJAR DI KELAS KEMAHIRAN KEMAS

- Menggunakan Kurikulum Standard Kemahiran Kebangsaan (NOSS) yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia;
- Layak dipertimbangkan untuk mengikuti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1/2 jika memenuhi semua modul dalam pembelajaran di kelas;
- Berpeluang melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran di Pusat Bertauliah KEMAS; dan
- Peluang menambah kemahiran dan pendapatan.

Individu yang berminat mengikuti kelas-kelas ini boleh memperolehi maklumat di Pejabat KEMAS Negeri atau Daerah yang berhampiran.

## 2. TRANSFORMASI PENDIDIKAN KEMAHIRAN

Transformasi Pendidikan Kemahiran merupakan satu usaha meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar menerusi langkah pemantapan kemahiran modal insan.

Empat (4) strategi utama transformasi untuk meningkatkan kecemerlangan modal insan luar bandar ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi adalah seperti berikut:

- **STRATEGI 1: KURSUS KEMAHIRAN JANGKA PENDEK '*QUICK WIN*'**

Kursus Kemahiran '*Quick Win*' ialah kursus jangka pendek yang bertujuan membantu pelatih memulakan perniagaan. Enam (6) bidang kemahiran yang diberi tumpuan adalah jahitan, masakan, dandanan diri, Pendidikan Kesejahteraan Keluarga, seni tangan dan literasi komputer. Kursus kemahiran ini dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) hari dengan memfokuskan kepada kumpulan sasar yang terdiri dari belia, beliawanis, ibu tunggal dan suri rumah di Kawasan luar bandar dan pinggir bandar. KEMAS akan memberikan kit permulaan kepada pelatih setelah tamat kursus bagi melancarkan usaha pelatih memulakan perniagaan perusahaan secara kecil-kecilan di rumah.

- **STRATEGI 2: SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) SEBAGAI *TECHNICAL AND VOCATIONAL EDUCATION AND TRAINING* (TVET)**

KEMAS telah meningkatkan taraf sijil kemahiran yang dikeluarkan kepada pelatih kepada satu peringkat yang lebih tinggi. Bidang jahitan dan masakan yang dilaksanakan secara sepenuh masa di Pusat Bertauliah KEMAS merupakan dua (2) bidang utama kemahiran KEMAS bertaraf Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang dikitiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Sijil-sijil SKM yang ditawarkan kepada pelatih bermula dari Tahap 1 hingga Tahap 4 dan seterusnya Diploma Kemahiran Malaysia (DKM).

Modul pengajaran dan pembelajaran yang digunapakai di Pusat Bertauliah KEMAS adalah menepati piawaian National Occupational Skills Standard (NOSS) atau Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan.

- **STRATEGI 3: KEMAHIRAN BERASASKAN KEUSAHAWANAN ATAS TALIAN**

Strategi ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dengan teknologi yang sesuai mengikut peredaran zaman di mana pelatih mampu meraih peluang perniagaan melalui perkembangan teknologi.

- **STRATEGI 4: TENAGA PENGAJAR YANG DIIKTIRAF**

Peningkatan tahap profesionalisme dan pemerkasaan tenaga pengajar kemahiran KEMAS melalui latihan dan perkhidmatan yang dilaksanakan secara berterusan akan dapat meningkatkan kompetensi dan kerjaya sekaligus dapat melonjakkan usaha kerajaan ke arah kemajuan negara.

Menyedari kepentingannya, strategi ini memberi peluang kepada tenaga pengajar sedia ada untuk mempertingkatkan profesionalisme masing-masing. Dengan ini menjadikan semua tenaga pengajar kemahiran KEMAS diiktiraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.

## 3. PRESTASI PERBELANJAAN BAHAGIAN

| BUTIRAN PERBELANJAAN | TERIMA / PINDA (RM) | BELANJA (RM) | % |
|---|---|---|---|
| MENGURUS | 3,471,837.70 | 3,193,233.87 | 91.98 |
| PEMBANGUNAN | 13,214,300.00 | 12,161,510.15 | 99.60 |

## 4. PENCAPAIAN

- **BICARA MOTIVASI 'KELUARGA BAHAGIA BENTENG BENCANA'.**

Bicara motivasi bertajuk Keluarga Bahagia Benteng Bencana telah dilaksanakan pada 23 Ogos 2021 secara atas talian sempena program Semarak Merdeka, Negara Sejahtera, Keluarga Bahagia. Ia telah dirasmikan oleh Dato' Dr. Ahmad Jailaini Bin Yunus, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd. Fadzilah Bin Kamsah selaku penceramah jemputan telah berkongsi ilmu serta membincangkan idea berkenaan ciri-ciri kebahagiaan dalam mengharungi fasa pandemik ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) negara.

Sepanjang program ini berlangsung, ia telah merekodkan seramai 42,000 penonton (viewer) yang terdiri dari peserta kelas kemahiran, kakitangan KEMAS dan juga pengunjung Facebook rasmi KEMAS.

## ▪ PERLAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PDPR)

Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) merupakan kaedah terbaik ketika penularan Covid-19 masih belum reda. Bagi memastikan kejayaan proses pembelajaran dan pengajaran berjalan dengan lancar, PKEM telah menggunapakai tiga (3) medium iaitu:

- **Media Segerak** – Kaedah pelaksanaan P&P atas talian boleh di hantar menggunakan aplikasi media segerak Google Meet, Zoom, Microsoft Teams, Youtube Live, Facebook Live dan sebagainya.
- **Aplikasi** – WhatsApp, Telegram, Youtube, Microsoft Power Point, Facebook, Tik tok Instgram dan sebagainya.
- **Media Tidak Segerak** – Kaedah pelaksanaan PdP tidak berlaku pada masa sebenar. Contoh kaedah tidak segerak seperti memuat naik rakaman video, nota ringkas (PDF,Words).

Bahagian telah melaksanakan pemantauan secara atas talian atau dengan menggunakan *google form* sebagai pelaporan pemantauan PdPR program PKEM. Laporan pemantauan adalah seperti jadual berikut:

| PENYERTAAN PESERTA PdPR PROGRAM PKEM MENGIKUT GENDER | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| BIL | NEGERI | LELAKI | PEREMPUAN | OKU | JUMLAH KESELURUHAN |
| 1 | Perlis | 12 | 495 | 0 | 507 |
| 2 | Kedah | 11 | 1231 | 0 | 1242 |
| 3 | Perak | 206 | 42019 | 115 | 42340 |
| 4 | Pulau Pinang | 70 | 739 | 0 | 809 |
| 5 | Wilayah Persekutuan | 10 | 496 | 0 | 506 |
| 6 | Selangor | 197 | 2492 | 0 | 2689 |
| 7 | Melaka | 59 | 1774 | 0 | 1833 |
| 8 | Negeri Sembilan | 15 | 1463 | 5 | 1483 |
| 9 | Pahang | 56 | 1710 | 0 | 1766 |
| 10 | Johor | 38 | 4819 | 0 | 4857 |
| 11 | Terengganu | 150 | 5277 | 2 | 5429 |
| 12 | Kelantan | 6 | 919 | 0 | 925 |
| 13 | Sabah | 31 | 3204 | 0 | 3235 |
| 14 | Sarawak | 61 | 1818 | 0 | 1879 |
| | **JUMLAH** | **922** | **68456** | **122** | **69,500** |

## ▪ PROGRAM *QUICK WIN*

Kursus Kemahiran berasaskan 'Quick Win' iaitu kursus jangka pendek yang dapat memberi kesan segera kepada pelatih memulakan perniagaan bagi menjana pendapatan. Peserta akan dibekalkan peralatan 'tool kit' sebagai platform kepada mereka dalam mengoptimumkan penghasilan produk seterusnya meningkatkan pendapatan mereka.

**Tempoh masa**

- Kursus jangka pendek antara 1 hingga 3 hari

**Kos Peralatan *Quick Win***

- Kadar bantuan *tool kit* adalah berdasarkan kepada perniagaan yang diceburi dengan kadar maksimum sebanyak RM4,000.00

**Kumpulan Sasaran**

Kursus Kemahiran Quick Win ini mensasarkan kepada komuniti berpendapatan rendah (B40) yang terdiri daripada:

1. Belia dan beliawanis
2. Ibu tunggal
3. Golongan kurang upaya (OKU) bergantung kepada bidang kursus yang dijalankan
4. Suri rumah
5. Golongan kurang upaya (OKU) bergantung kepada bidang kursus yang dijalankan

Pelaksanaan kursus ini juga seiring dengan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018-2023 melalui Teras 3: Keusahawanan dalam Strategi 2: mewujudkan *Road Map* Usahawan Luar Bandar.

## SENARAI KURSUS KEMAHIRAN *QUICK WIN* TAHUN 2021

**Bidang Jahitan:**

- Pembuatan Pakaian Lelaki
- Pembuatan Telekung
- Pembuatan Pakaian Seragam
- Variasi Jubah

**Bidang Masakan:**

- Bakeri
- Pembuatan Pastri
- *Food Stall*
- Katering

**Bidang Dandanan Diri :**
- Gunting Rambut
- Penjagaan Set Bersalin
- Solekan Profesional

**Bidang Seni Tangan:**
- Sulaman Komersial
- Gubahan Kreatif
- Jahitan Kreatif







*Kursus Urutan dan Penjagaan Ibu Bersalin anjuran KEMAS Betong, Sarawak di Hub Beauty, PKM Debak.*

## BAHAGIAN PENDIDIKAN KEMAHIRAN

**PENCAPAIAN PESERTA YANG MENGIKUTI KURSUS QUICK WIN BAGI TAHUN 2021**

| BIL | NEGERI | JAHITAN | MASAKAN | DANDANAN DIRI | SENI TANGAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Johor | 10 | 20 | 20 | 10 | 60 |
| 2 | Kedah | 10 | 20 | 10 | 10 | 50 |
| 3 | Kelantan | 10 | 0 | 10 | 10 | 30 |
| 4 | Melaka | 10 | 20 | 0 | 0 | 30 |
| 5 | Negeri Sembilan | 10 | 20 | 10 | 10 | 50 |
| 6 | Pulau Pinang | 10 | 20 | 0 | 28 | 30 |
| 7 | Pahang | 10 | 30 | 20 | 0 | 60 |
| 8 | Perak | 10 | 20 | 20 | 10 | 60 |
| 9 | Perlis | 0 | 40 | 10 | 10 | 60 |
| 10 | Sabah | 10 | 30 | 30 | 10 | 80 |
| 11 | Sarawak | 10 | 50 | 40 | 10 | 110 |
| 12 | Selangor | 10 | 20 | 10 | 10 | 50 |
| 13 | Terengganu | 10 | 30 | 20 | 10 | 70 |
| 14 | Wilayah Persekutuan | 10 | 10 | 0 | 0 | 20 |
| 15 | Ibu Pejabat | | | | | |
| | **JUMLAH** | **130** | **323** | **200** | **118** | **760** |

**PERLAKSANAAN KURSUS KEMAHIRAN *QUICK WIN* MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2021**

| BIL | NEGERI | JAHITAN | MASAKAN | DANDANAN DIRI | SENI TANGAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Johor | 1 | 2 | 2 | 1 | 6 |
| 2 | Kedah | 1 | 2 | 1 | 1 | 5 |
| 3 | Kelantan | 1 | 0 | 1 | 1 | 3 |
| 4 | Melaka | 1 | 2 | 0 | 0 | 3 |
| 5 | Negeri Sembilan | 1 | 2 | 1 | 1 | 5 |
| 6 | Pulau Pinang | 1 | 2 | 0 | 0 | 3 |
| 7 | Pahang | 1 | 3 | 2 | 0 | 6 |
| 8 | Perak | 1 | 2 | 2 | 1 | 6 |
| 9 | Perlis | 0 | 4 | 1 | 1 | 6 |
| 10 | Sabah | 1 | 3 | 3 | 1 | 8 |
| 11 | Sarawak | 1 | 5 | 4 | 1 | 11 |
| 12 | Selangor | 1 | 3 | 1 | 0 | 5 |
| 13 | Terengganu | 1 | 3 | 2 | 1 | 7 |
| 14 | Wilayah Persekutuan | 1 | 1 | 0 | 0 | 2 |
| 15 | Ibu Pejabat | | | | | |
| | **JUMLAH** | **13** | **34** | **20** | **9** | **76** |

KEMAS terus membantu golongan usahawan rintis ini dengan latihan kemahiran keusahawanan dari aspek penyediaan perancangan perniagaan, sistem pengurusan kewangan, reka bentuk perniagaan dan pemasaran atas talian. KEMAS mensasarkan seramai 5,000 orang peserta KEMAS mampu menjana pendapatan bulanan sehingga RM1,000.00.

Pada tahun 2021, KEMAS telah merekodkan pencapaian sebanyak 22 % bersamaan seramai 170 orang peserta telah berjaya menjana pendapatan bulanan sehingga RM1,0000.00.

## PERTANDINGAN USAHAWAN *QUICK WIN* BERJAYA – PROGRAM WANITA INSPIRASIKU (WINS) PERINGKAT ZON

Melalui Rancangan Malaysia Ke11, Jabatan Kemajuan Masyarakat telah melaksanakan Program Kursus Kemahiran Quick Win yang telah melahirkan ramai usahawan yang terdiri daripada masyarakat luar bandar umumnya dan peserta kelas kemahiran KEMAS khasnya. Program ini dilaksanakan selaras dengan Teras 2 iaitu Keusahawanan dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar.

Pertandingan Usahawan Quick Win Berjaya merupakan usaha KEMAS bagi memastikan usahawan Quick Win KEMAS kekal berdaya saing di era pandemik. Ia juga sebagai galakan dan sokongan untuk terus maju di dalam perniagaan.

## OBJEKTIF PERLAKSANAAN

- Memberi penghargaan, pengiktirafan dan motivasi kepada usahawan untuk terus maju dalam perniagaan.
- Memupuk budaya kreatif dan inovatif kepada usahawan Quick Win yang terlibat dalam mempromosi dan memperkenalkan produk mereka.
- Menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan usahawan Quick Win yang terlibat.
- Mengenal pasti keberkesanan dan impak program Quick Win ini kepada masyarakat.

## KAEDAH PERLAKSANAAN

- Lawatan oleh panel penilaian
- Penilaian melalui borang pemarkahan

## TEMPOH PENILAIAN

| PERINGKAT | TEMPOH |
|---|---|
| **ZON DI SELURUH MALAYSIA** | **OKTOBER – NOVEMBER 2021** |

## KAEDAH PENILAIAN

**Peringkat KEMAS Negeri:**

- KEMAS Negeri memilih dua orang usahawan yang terbaik daripada lima calon usahawan melalui Direktori usahawan Quick Win KEMAS Negeri.
- Ahli Jawatankuasa Peringkat Negeri akan memilih usahawan yang terbaik melalui borang penilaian yang disediakan oleh KEMAS Ibu Pejabat.
- Dua calon yang terbaik akan di senarai pendek bagi penilaian peringkat zon.

**Peringkat Zon:**

- Dua calon terbaik peringkat negeri akan dinilai oleh panel penilai dari KEMAS Ibu Pejabat.
- Taklimat dari KEMAS Negeri di premis usahawan.
- Pembentangan dari usahawan yang dipilih oleh KEMAS Negeri.
- Penghakiman bagi setiap peringkat pertandingan menggunakan borang yang disertakan bersama sewaktu proses penilaian berlangsung.

## MAJLIS PENGANUGERAHAN

Anugerah kepada pemenang disampaikan dalam acara Program Wacana Ilmu Wanita Inspirasiku (WINS) peringkat zon negeri.

## BAHAGIAN PENDIDIKAN KEMAHIRAN

| SENARAI PEMENANG | | | |
|---|---|---|---|
| NEGERI | NAMA USAHAWAN/ SYARIKAT | KEPUTUSAN | SOSIAL MEDIA FB/IG |
| PEMENANG ZON TENGAH | | | |
| SELANGOR | HAYYANS PIZZA | 1 | FB/IG: CAFÉ HAYYANS PIZZA |
| WILAYAH PERSEKUTUAN | BUTIK CHANTEK KASIH | 2 | FB/IG: BUTIK CHANTEK KASIH |
| | SR2 BEAUTY SPA | 3 | FB/IG:<br>SR2 BEAUTY WELNESS SPA & WELLNESS |
| PEMENANG ZON SELATAN | | | |
| NEGERI SEMBILAN | K. LONG TAILOR | 1 | FB/IG:<br>MARDIYANI MOHD SAID |
| JOHOR | HANAFIZA (FIZALICIOUS HOMEMADE ENTER-PRISE) | 2 | FB: WARUNGROTI<br>IG : FIZALICIOUSHOMEMADE |
| MELAKA | HAZWAN NAJIB MULLAH BIN MOHD | 3 | FB: CAKES VALLEY<br>IG : CAKES_VALLEY |
| PEMENANG ZON SARAWAK | | | |
| SARAWAK | HASMAH BINTI BAHARIE | 1 | FB: MAWAR CAKE HOUSE SAMARAHAN<br>IG : MAWARCAKEHOUSE |
| | INA BINTI RAZAK | 2 | FB: JAHITAN PAKAIAN<br>IG : INA_SHAFIQAH |
| | RAMIZAH BINTI SAINI | 3 | FB/IG: RSWEETS |
| PEMENANG ZON UTARA | | | |
| KEDAH | LY BAKERY | 1 | FB:<br>NURLIZAWATI ABD RAZAK |
| | MAZADEE | 2 | FB: SITI MAZNAH MAZNAH |
| PERLIS | FR CURTAIN | 3 | FB/IG: FR CURTAIN |

| PEMENANG ZON TIMUR | | | |
|---|---|---|---|
| TERENGGANU | HAFIZAN BT ISA | 1 | FB: DONUT ADIK DUNGUN<br>IG : @ADIK_DONUT_DUNGUN |
| | WAN NORA IDAYU BT WAN KAMRI | 2 | FB: WAN NOR IDAYU<br>IG : AYULICIOUS BAK-ERY |
| PAHANG | NORHASNAHLIZA BT MUSAD | 3 | FB: TRIPLE S SHOP<br>IG : KAK AS KITCHEN |
| **PEMENANG ZON SABAH** | | | |
| SABAH | NORLAILAN BINTI SUKUR (ARIFFAH BAKERY) | 1 | FB/IG: ARIFFA BAKERY |
| | ROSLIJAH MALAN (VYA COLLECTIONS) | 2 | FB : VYA BOUTIQUE |
| | NURUL ALWANI AHIDI (ALWA'S BAKERY) | 3 | FB : ALWA'S BAKERY |

- ## WACANA ILMU WANITA INSPIRASIKU (WINS)

Program Wacana Ilmu Wanita Inspirasiku (WINS) telah diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat pada tahun 2019. Program wawancara ini diadakan bertujuan untuk memberi manfaat kepada masyarakat amnya dan wanita khasnya bagi mendapatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang keusahawanan, kesejahteraan keluarga, kesihatan serta perundangan dari tokoh-tokoh terkenal di negara ini.

Pada tahun 2021, program WINS telah dilaksanakan di Peringkat Zon seluruh Malaysia. Terdapat enam (6) zon yang telah melaksanakan Program WINS dan seramai 1,200 orang peserta telah mengikuti program ini.

Program wawancara ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada masyarakat amnya dan wanita khasnya bagi mendapatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam bidang keusahawanan, kesejahteraan keluarga, kesihatan serta perundangan dari tokoh-tokoh terkenal di negara ini.

Peruntukan sebanyak RM40,000 telah diperuntukkan untuk setiap zon. Zon yang terlibat adalah seperti berikut:

| BIL | ZON | NEGERI YANG TERLIBAT |
|---|---|---|
| 1 | UTARA | PERLIS |
| | | KEDAH |
| | | PULAU PINANG |
| 2 | TENGAH | WILAYAH PERSEKUTUAN |
| | | SELANGOR |
| | | PERAK |
| 3 | SELATAN | JOHOR |
| | | MELAKA |
| | | NEGERI SEMBILAN |
| 4 | TIMUR | PAHANG |
| | | KELANTAN |
| | | TERENGGANU |
| 5 | SABAH | |
| 6 | SARAWAK | |

Program Wacana Ilmu Wanita Inspirasiku turut mewujudkan Direktori Usahawan *Quick Win*. Ia bertujuan membantu mempromosi produk-produk yang dihasilkan/ diniagakan oleh peserta *Quick Win* selain daripada paparan perniagaan dan juga maklumat umum seperti alamat sosial media perniagaan, bantuan Kerajaan yang diterima dan alamat perusahaan/ perniagaan tersebut.

## PENGISIAN PROGRAM

Program telah dilaksana secara atas talian dan bersemuka (Hibrid). Antara pengisian program adalah seperti berikut:

- Bual bicara / forum / motivasi yang dikendalikan oleh moderator dan panel-panel yang berkemahiran dan berpengalaman.
- Sesi motivasi berkaitan dengan peranan kerajaan dalam membantu usahawan Industri Kecil Sederhana.

- Aktiviti tarikan pengunjung seperti:
  a. E-Training – Pemasaran Era Digital dan E-Training Biz Online
  b. Pameran gerai jualan hasil produk usahawan Quick Win yang Berjaya.
  c. Demontrasi aktiviti kemahiran KEMAS
  d. Promosi produk dan jualan atas talian
  e. Kedai maya
- Pengisian Majlis Perasmian
  a. Anugerah Ikon Usahawan KEMAS
  b. Anugerah Pemenang Pertandingan Usahawan Berjaya.

## TARIKH PROGRAM WACANA ILMU WANITA INSPIRASIKU TAHUN 2021

| BIL | ZON | PENGANJUR | TARIKH PELAKSANAAN | TEMPAT | PERASMI | KAEDAH PELAKSANAAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | TENGAH | KEMAS SELANGOR | 8 & 9 NOVEMBER 2021 (ISNIN & SELASA) | KEMAS SELANGOR | YB DATUK HJ RIZAM BIN ISMAIL | ATAS TALIAN |
| 2 | SELATAN | KEMAS NEGERI SEMBILAN | 16 NOVEMBER 2021 (SELASA) | CASA LAGENDA, SEREMBAN | KETUA PENGARAH KEMAS | ATAS TALIAN & BERSEMUKA (HIBRID) |
| 3 | SARAWAK | KEMAS SARAWAK | 21 NOVEMBER 2021 (AHAD) | PENVIEW CONVENTION CENTRE, DEMAK | KETUA PENGARAH KEMAS | ATAS TALIAN & BERSEMUKA (HIBRID) |
| 4 | UTARA | KEMAS KEDAH | 16 NOVEMBER 2021 (SELASA) | HOTEL RAIA, ALOR SETAR | YBM DATO' SERI MAHADZIR BIN KHALID | ATAS TALIAN & BERSEMUKA (HIBRID)R |
| 5 | TIMUR | KEMAS PAHANG | 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS) | KEMAS PAHANG | KETUA PENGARAH KEMAS | ATAS TALIAN |
| 6 | SABAH | KEMAS SABAH | 30 NOVEMBER 2021 (SELASA) | BORNEO ROYAL HOTEL, TAWAU | YB TUAN HARUN BIN DURABI | BERSEMUKA |

## BILANGAN PESERTA PROGRAM WACANA ILMU WANITA INSPIRASIKU TAHUN 2021

| BIL | ZON | NEGERI | BILANGAN PESERTA (ORANG) | JUMLAH PESERTA MENGIKUT ZON (ORANG) | JUMLAH KESELURUHAN PESERTA (ORANG) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | UTARA | PERLIS | 50 | 200 | 1200 |
| | | KEDAH | 100 | | |
| | | PULAU PINANG | 50 | | |
| 2 | TENGAH | PERAK | 80 | 200 | |
| | | SELANGOR | 70 | | |
| | | WILAYAH PERSEKUTUAN | 50 | | |
| 3 | SELATAN | MELAKA | 50 | 200 | |
| | | NEGERI SEMBILAN | 80 | | |
| | | JOHOR | 70 | | |
| 4 | TIMUR | KELANTAN | 60 | 200 | |
| | | PAHANG | 80 | | |
| | | TERENGGANU | 60 | | |
| 5 | SABAH | | 200 | 200 | |
| 6 | SARAWAK | | 200 | 200 | |

- ***QUICK WIN* KIOSK (QUKIS) – PUSAT PENGUMPULAN PRODUK**

*Quick Win* Kiosk dengan nama singkatannya QUKis merupakan pusat sehenti kepada usahawan bimbingan KEMAS untuk mempromosikan serta memasarkan produk seperti produk makanan, kraftangan dan juga pakaian ke pasaran komersial yang lebih luas.

Melalui QUKis, produk yang dihasilkan oleh usahawan bimbingan KEMAS akan dipamerkan di pusat pengumpulan QUKis yang mengutamakan kualiti dan aspek pembungkusan produk lebih menarik. Selain itu, semua produk QUKis turut menyediakan platform jualan secara atas talian untuk membolehkan pelanggan dari seluruh negara membelinya.

QUKis ini mampu membantu para usahawan bimbingan KEMAS yang terdiri dari kumpulan B40 dan juga M40 meningkatkan pendapatan kepada RM2,000.00 sebulan.

Bagi tahun 2021, Jabatan Kemajuan Masyarakat telah membuka sebanyak 6 projek Quick Wins Kiosk (QUKIS) di Pusat Kegiatan Masyarakat di lima buah negeri iaitu di Alor Setar, Kedah; Rembau, Negeri Sembilan; Sungai Besar, Selangor; Ranau, Sabah; dan Semariang, Sarawak.

- **PROGRAM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA SEPENUH MASA DI AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS SERI ISKANDAR DAN AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS GOPENG**

Program pentauliahan sepenuh masa melalui peringkat Sijil, Diploma dan Diploma Lanjutan Kemahiran di pusat bertauliah diwujudkan bertujuan bagi meningkatkan kualiti modal insan luar bandar yang mampu bersaing dalam industri.

Akademi Kemahiran KEMAS Seri Iskandar (AKKSI) Bidang Pakaian Wanita telah diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) pada 26 Ogos 2007.

Manakala Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng (AKKGO) Bidang Masakan telah diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah (JPK) pada 1 Julai 2010 dan Bidang Jahitan Pakaian Lelaki pada 4 April 2011.

Dua bidang utama kemahiran KEMAS bertaraf Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia adalah bidang jahitan dan masakan. Ia ditawarkan kepada pelatih bermula daripada Tahap 2 sehingga Tahap 4 dan seterusnya Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) Tahap 5.

Modul Pengajaran dan Pembelajaran yang digunapakai di Pusat-pusat Bertauliah KEMAS adalah menepati piawaian National Occupational Skills Standard (NOSS) atau Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK).






*Antara hasil kerja kursus projek akhir window displays tema Chinese New Year dan Halloween yang dibuat oleh pelatih.*

KEMAS AR2021_Teks.indd 163 13/10/2022 10:05 AM

- **PROGRAM SEPENUH MASA YANG DITAWARKAN DI PUSAT BERTAULIAH KEMAS**

## AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS SERI ISKANDAR (AKKSI)

| PROGRAM | TAHAP | TEMPOH PENGAJIAN |
|---|---|---|
| Pembuatan Pakaian Wanita | Sijil Kemahiran Malaysia (SKM - Tahap 2) | 6 BULAN |
| | Sijil Kemahiran Malaysia (SKM - Tahap 3) | 12 BULAN @ 1 TAHUN |
| Pentadbiran Fesyen dan Pakaian | Diploma Kemahiran Malaysia (DKM - Tahap 4) | 24 BULAN @2 TAHUN |
| Pengurusan Fesyen dan Pakaian | Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM - Tahap 5) | 24 BULAN @2 TAHUN |

## AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS GOPENG (AKKGO)

| PROGRAM | TAHAP | TEMPOH PENGAJIAN |
|---|---|---|
| Bidang Pembuatan dan Penyediaan Makanan | Sijil Kemahiran Malaysia (SKM - Tahap 2) | 12 BULAN @ 1 TAHUN |
| | Sijil Kemahiran Malaysia (SKM - Tahap 3) | 12 BULAN @ 1 TAHUN |
| Bidang Pembuatan Pakaian Lelaki | Sijil Kemahiran Malaysia (SKM - Tahap 2) | 12 BULAN @ 1 TAHUN |
| | Sijil Kemahiran Malaysia (SKM - Tahap 3) | 12 BULAN @ 1 TAHUN |

## PROGRAM E-EKSPO TVET@KPLB TAHUN 2021

### Tujuan

- Mempromosikan program TVET@KPLB bagi meningkatkan pengambilan pelajar tahun 2022.
- Pendigitalan program Ekspo TVET@KPLB secara virtual.
- Pengukuhan institusi TVET@KPLB.

### Butiran Program

- Tarikh : 29 September 2021 - 2 Oktober 2021.
- Tempat : Secara atas talian.
- Masa : 9.00 pagi hingga 6.00 petang.

### Pengisian Program

- Live webinars program TVET@KPLB mengikut topik.
- Siaran rakaman aktiviti kemahiran (masakan, solekan, landscaping dan jahitan.
- Paparan video kreatif - program disediakan / kemudahan pembelaran/ *lifestyle success stories* & kuiz.
- Khidmat nasihat oleh agensi / FAQ - bidang pengajian / pembiayaan / kerjaya.

| BIL | PERKARA | TAJUK | PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1 | Live webinars program TVET@KPLB | Pembuatan Kostum dalam Industri Hiburan | **Panel**<br>▪ Puan Akma Suriati binti Awang<br>▪ En Raja Muhammad Rusydi bin Raja Mahmood<br><br>**Moderator**<br>▪ En Azuan bin Che Ani |
| 2 | Video kemahiran | Pembuatan Kostum - *Headgear* | **Pendemo**<br>▪ En Muhmmad Arridz Farhan bin Abdul Halim |
| 3 | Sesi Khidmat Nasihat | Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM - Tahap 5) | ▪ Nur Amanina Hanun binti Rusli-AKKSI<br>▪ Nur Izyani Binti Aradom -AKKSI<br>▪ Syarifah Salwa binti - AKKGO |

## RAKAMAN VIDEO SEMPENA PROGRAM E-EKSPO TVET@KPLB TAHUN 2021

Rakaman Video Kemahiran : ‘How To Cook Like A Chef’
Tarikh : 17 September 2021
Nama Penceramah : Amirul Aiman bin Mohd Khairul Anwar
Pekerjaan : *Head Cheff*
Bidang : Kulinari

Rakaman Video Seminar : “Mens, Tailoring & Fashion”
Tarikh Rakaman : 29 September 2021
Tarikh disiarkan atas talian : 2 Oktober 2021
Nama Penceramah : Encik Kamal bin Samsudin
Pekerjaan : *Tailor and Cutter*
Bidang : Jahitan

## KURSUS KEMAHIRAN *QUICK WIN* KEPADA ALUMNI AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS SERI ISKANDAR SIRI 1

**Tujuan**

- Mewujudkan kesinambungan bidang kemahiran yang diperolehi di Akademi kemahiran sedia ada.
- Memberi peluang kepada kumpulan sasar untuk meningkatkan kemahiran sedia ada dalam bidang kemahiran berkaitan.
- Mempelbagaikan sumber pendapatan kumpulan sasar melalui ilmu kemahiran seterusnya berupaya menambah pendapatan.

**Butiran Program**

- Tarikh : 25 - 29 Oktober 2021
- Tempat : secara atas talian
- Masa : 8.00 pagi hingga 3.00 petang

Pihak Akademi Kemahiran KEMAS telah membekalkan sebuah mesin jahit lurus industri kepada peserta bagi memudahkan para peserta menerima tempahan daripada pelanggan untuk meningkatkan pendapatan peserta dalam bidang jahitan.

## KURSUS KEMAHIRAN *QUICK WIN* KEPADA ALUMNI AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS SERI ISKANDAR SIRI 2

### Tujuan

- Mewujudkan kesinambungan bidang kemahiran yang diperolehi di Akademi kemahiran sedia ada.
- Memberi peluang kepada kumpulan sasar untuk meningkatkan kemahiran sedia ada dalam bidang kemahiran berkaitan.
- Mempelbagaikan sumber pendapatan kumpulan sasar melalui ilmu kemahiran seterusnya berupaya menambah pendapatan.

### Butiran Program

- Tarikh : 30 Oktober – 3 November 2021
- Tempat : secara atas talian
- Masa : 8.00 pagi hingga 3.00 petang

Pihak Akademi Kemahiran KEMAS telah membekalkan sebuah mesin jahit lurus industri kepada peserta bagi memudahkan para peserta menerima tempahan daripada pelanggan untuk meningkatkan pendapatan peserta dalam bidang jahitan.

## KURSUS KEMAHIRAN QUICK WIN BIDANG MASAKAN MENGHASILKAN ANEKA KUIH TALAM DAN PASTRI AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS GOPENG TAHUN 2021.

### Tujuan

- Memberi pendedahan dan pengetahuan kepada bekas Pelatih Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng untuk mempelajari ilmu pembuatan Kuih Talam dan Pastri yang kebanyakannya diwarisi oleh golongan yang berpengalaman dan berusia.
- Mewujudkan kesinambungan bidang kemahiran yang diperolehi di kelas -kelas kemahiran sedia ada.
- Memberi peluang kepada kumpulan sasar untuk meningkatkan kemahiran sedia ada dalam bidang kemahiran yang berkaitan.
- Mempelbagaikan sumber pendapatan kumpulan sasar melalui ilmu kemahiran dan seterusnya berupaya menambah pendapatan.

**Butiran Program**

- Tarikh : Siri 1: 21 – 23 Oktober 2021 | Siri 2: 25 – 27 Oktober 2021
- Lokasi : Thyme kitchen
- Penganjur : Unit Penyediaan dan Pembuatan Makanan, Akademi Kemahiran KEMAS Gopeng

Pihak Akademi Kemahiran KEMAS telah membekalkan sebuah mesin jahit lurus industri kepada peserta bagi memudahkan para peserta menerima tempahan daripada pelanggan untuk meningkatkan pendapatan peserta dalam bidang jahitan.

## PERLAKSANAAN KURSUS KEMAHIRAN QUICK WIN BIDANG MASAKAN MENGHASILKAN ANEKA KUIH TALAM DAN PASTRI SIRI 1

Tenaga Pengajar : Puan Ratu Humairah Binti Hussin
Gred/ kelayakan : Usahawan
Bidang : Masakan
Tarikh : 21-23 Oktober 2021
Jumlah Peserta : 10 orang










## PERLAKSANAAN KURSUS KEMAHIRAN QUICK WIN BIDANG MASAKAN MENGHASILKAN ANEKA KUIH TALAM DAN PASTRI SIRI 2

Tenaga Pengajar : Puan Nadia Binti Othman Khairuddin
Gred/ kelayakan : Diploma Pastri dan Bakeri
Bidang : Pastri dan Bakeri
Tarikh : 25-27 Oktober 2021
Jumlah Peserta : 10 orang










## PEPERIKSAAN AKHIR PELATIH SEMESTER AKHIR TAHAP 4 DAN TAHAP 5 AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS SERI ISKANDAR

### Tujuan

Peperiksaan akhir merupakan verifikasi penilaian akhir yang dibuat keatas pelatih atau calon kemahiran yang mengikuti tawaran program yang dipohon untuk dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia.
Peperiksaan akhir telah diadakan selama 5 hari pada 20 Disember sehingga 24 Disember 2021. Perlaksanaan peperiksaaan ini telah bermula pada pukul 8.30 pagi sehingga pukul 5.00 petang bertempat Akademik Kemahiran KEMAS Seri Iskandar.

Keputusan peperiksaan yang dijalankan akan dinilai oleh empat orang pegawai penilai iaitu Pegawai Penilai Luaran (PPL), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD) dan Pegawai Penilai (PP). Dua orang panel industri telah dijemput bagi membantu memberi penilaian dan penambahbaikan terhadap tugasan kerja kursus projek akhir pelatih-pelatih terbabit.

Peperiksaan akhir ini juga melibatkan pelatih Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) 4 seramai 25 orang dan pelatih Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) 5 seramai 7 orang.

Peperiksaan akhir ini telah berjaya dilaksanakan dan penilaian telah dibuat mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

### Butiran Program

- Tarikh : 20 - 24 Disember 2021
- Tempat : AKK Seri Iskandar
- Masa : 8.30 pagi hingga 5.00 petang

Sepanjang peperiksaan akhir ini berlangsung keseluruhan 32 pelatih telah lulus mengikut jadual yang telah dirancang bersama Pegawai Penilai Luaran (PPL).

KEMAS AR2021_Teks.indd 170 13/10/2022 10:05 AM

## ▪ KURSUS/ BENGKEL YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2021

| BIL | TAJUK KURSUS/BENGKEL | JUMLAH PESERTA | PENGISIAN KURSUS/BENGKEL |
|---|---|---|---|
| 1 | E Learning Kursus Penyediaan Pengajaran dan Pembelajaran E learning | 50 orang | Memperkenalkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang lebih inovatif dan fleksibel yang boleh dicapai di mana-mana tempat dan masa dan menghasilkan bahan pengajaran yang lebih menarik untuk peserta kelas secara dalam talian |
| 2 | Kursus Pembuatan agar-agar 3D | 30 orang | Kursus ini diadakan bagi memberi kemahiran kepada pegawai dan kakitangan KEMAS Teknik menghasilkan agar-agar 3D |
| 3 | Kursus Solekan Profesional | 40 orang | Kursus ini diadakan bagi memberi kemahiran solekan professional kepada Pemaju Masyarakat Dandanan Diri bagi memantapkan lagi kemahiran sedia ada pada kakitangan berkenaan |
| 4 | Kursus Excel dan Power Point Producitivity For Presenter Kepada PM dan Penyelia PKEM | 50 orang | Kursus ini diadakan bagi memberi kemahiran solekan professional kepada Pemaju Masyarakat Dandanan Diri bagi memantapkan lagi kemahiran sedia ada pada kakitangan berkenaan |
| 5 | SKM PPT Bidang pentabiran pejabat | 145 orang | Memberi nilai tambah kepada penyelia yang terpilih seluruh Malaysia untuk memilik Sijil Kemahiran Malaysia Bidang Pengurusan Pejabat agar bidang tugas sebagai penyelia lebih sistematik |
| 6 | Kursus Peningkatan Bidang Jahitan | 40 orang | Memberikan Teknik dan kaedah menjahit baju kurung kepada kakitangan warga KEMAS Ibu Pejabat. Kursus ini dikendalikan oleh PM jahitan PKEM Ibu Pejabat dan negeri |

KEMAS AR2021_Teks.indd 172 13/10/2022 10:05 AM

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

### 1. PENGENALAN

Bahagian Pembangunan Komuniti memberi fokus kepada program/ aktiviti dan projek untuk membangun dan memperkasakan minda, rohani dan semangat serta soft skills modal insan luar bandar ke arah pembangunan dan kemajuan negara. Terdapat tiga (3) unit di bawah bahagian ini iaitu:

- Kesejahteraan Desa dan Pengurusan
- Pembangunan Insan dan Pendidikan Literasi Fungsian
- Pengupayaan Ekonomi
- Pusat Sumber

#### ▪ VISI DAN MISI BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI



**VISI**

Modal Insan Luar Bandar yang Progresif dan Sejahtera



**MISI**

Beriltizam meningkatkan kualiti pendidikan, sosial, ekonomi dan keusahawanan serta pembangunan insan komuniti luar bandar melalui penyampaian perkhidmatan, teknologi digital dan tadbir urus yang berkesan serta komitmen penglibatan semua pihak.

## OBJEKTIF

- Memperkasakan komuniti dan kepimpinan institusi kampung dalam Pembangunan desaserta meningkatkan peranan agen pembangunan komuniti luar bandar;
- Membimbing komuniti luar bandar secara berterusan melalui literasi pendidikan sepanjang hayat dengan pembasmian buta huruf ;
- Mempertingkatkan kualiti pembangunan insan secara seimbang dan holistik dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani melalui kepercayaan kepada Tuhan dan prinsip Rukun Negara;
- Menyediakan sumber ilmu dan maklumat sosial, ekonomi dan pendidikan berdigital kepada komuniti luar bandar; dan
- Membangun dan memantapkan ekonomi dan keusahawanan komuniti luar bandar yang berdaya saing dan mampan.

## PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021

| PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS PEMBANGUNAN KOMUNITI TAHUN 2021 | | | |
|---|---|---|---|
| OBJEK SEBAGAI | PERUNTUKAN | PERBELANJAAN | % |
| OS24000 | 16,500 | 5,200 | 31.52 |
| OS27000 | 205,000 | 168,171 | 82.03 |
| OS28000 | 217,500 | 217,080 | 99.8 |
| OS29000 | 883,374 | 795,218 | 90.02 |
| **JUMLAH** | **1,322,374** | **1,185,669** | **89.66** |

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI

**PRESTASI PERBELANJAAN PROGRAM PEMBANGUNAN TAHUN 2021**

| BIL | NEGERI | PERUNTUKAN | PERBELANJAAN | % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | JOHOR | 84,000 | 83,913.90 | 99.90 |
| 2 | KEDAH | 28,000 | 28,000 | 100.0 |
| 3 | KELANTAN | 75,000 | 74,910 | 99.88 |
| 4 | MELAKA | 18,500 | 18,460 | 99.78 |
| 5 | NEGERI SEMBILAN | 30,000 | 30,000 | 100.0 |
| 6 | PULAU PINANG | 30,000 | 30,000 | 100.0 |
| 7 | PAHANG | 73,000 | 73,000 | 100.00 |
| 8 | PERAK | 18,000 | 18,000 | 100.00 |
| 9 | PERLIS | 37,500 | 37,500 | 100.0 |
| 10 | SABAH | 382,758 | 382,742 | 99.99 |
| 11 | SARAWAK | 443,000 | 436,151.10 | 98.45 |
| 12 | SELANGOR | 44,500 | 44,500 | 100.0 |
| 13 | TERENGGANU | 47,000 | 47,000 | 100.00 |
| 14 | WILAYAH PERSEKUTUAN | 17,000 | 17,000 | 100.00 |
| | **JUMLAH** | **1,328,258** | **1,321,177** | **99.47** |

## 2. PENCAPAIAN PROGRAM PEMBANGUNAN TAHUN 2021

| BIL | PROGRAM | BIL. SIRI | KOS (RM) | PESERTA |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Program Pengurusan Jenazah | 160 | 178,500 | 3,200 |
| 2 | Hari Kebesaran Islam | 203 | 224,500 | 4,060 |
| 3 | Khatam Quran | 31 | 159,500 | 3,100 |
| 4 | Kembara Ilmu | 46 | 77,000 | 920 |
| 5 | Forum Perdana | 1 | 10,000 | 150 |
| 6 | Program Inspirasi Sejahtera | 24 | 53,500 | 720 |
| 7 | Program Komuniti Sejahtera | 48 | 166,500 | 1,560 |
| 8 | Sahabat Komuniti Desa (SkoD) | 36 | 63,500 | 610 |
| 9 | Kursus Keusahawanan Rintis Alaf 21 | 8 | 45,000 | 200 |
| 10 | Kursus Penyediaan Rancangan Perniagaan | 3 | 15,000 | 75 |
| 11 | Kursus Sistem Pengurusan Kewangan | 4 | 24,000 | 100 |
| 12 | Kursus Reka bentuk Perniagaan | 5 | 27,000 | 125 |
| 13 | Kursus Online Marketing | 3 | 15,000 | 75 |
| 14 | Asnaf Berdikari | 6 | 156,000 | 60 |
| 15 | Kursus Kemahiran Literasi Outdoor | 18 | 45,000 | 360 |
| 16 | Kursus Kecemerlangan PLF | 185 | 370,000 | 3,700 |
| 17 | Kursus Pengukuhan Literasi | 2 | 140,000 | 300 |
| 18 | PLF Orang Asli | 1 | 50,000 | 150 |
| 19 | Orientasi Tenaga Pengajar | 2 | 73,758 | 100 |

## 3. UNIT KESEJAHTERAAN DESA DAN PENGURUSAN

Unit Kesejahteraan Desa dan Pengurusan melaksanakan program/ aktiviti yang berteraskan kepada membangun dan memperkasakan aspek minda, semangat dan soft skills modal insan luar bandar khususnya dalam bidang ekonomi dan sosial.

Selain itu, ia juga berperanan dalam meningkatkan kerjasama strategik dengan kementerian/ jabatan/ agensi atau pihak luar serta mengupayakan kakitangan. Unit ini juga bertanggungjawab untuk membantu dan menyokong hal ehwal pengurusan dan pentadbiran Bahagian Pembangunan Komuniti. Program utama Unit Kesejahteraan Desa dan Pengurusan adalah seperti:

### ▪ PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT

Program ini bertujuan untuk mempromosi dan menghebahkan program kerajaan dalam membangunkan komuniti desa menerusi penglibatan pelbagai pihak kepada kumpulan sasar KEMAS.

Melalui pelaksanaan program ini, ianya dapat mengerat dan merapatkanhubungan antara pihak kerajaan, pemimpin masyarakat dengan masyarakat tempatan. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan ialah:

### A. PROGRAM KOMUNITI SEJAHTERA (PKS)

Program Komuniti Sejahtera (PKS) menekankan kepada membudayakan masyarakat dengan kehidupan sihat, selamat dan sejahtera dalam Komuniti Desa. Objektif program ini ialah:

- Memberikan pengetahuan, kesedaran dan kemahiran kepada masyarakat terhadap kehidupan yang sihat, selamat dan sejahtera.
- Mewujudkan hubungan dikalangan komuniti desa bersama pemimpin tempatan, agensi kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).
- Menggalakkan kelangsungan budaya hidup sihat, aktif dan cergas melalui program dalam komuniti.
- Memperkukuhkan jatidiri dan semangat patriotisme dikalangan komuniti.

Pada tahun 2021, sebanyak 48 siri telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM166,500 dan disertai oleh seramai 1,560 orang peserta.



*Program Komuniti Sejahtera Parlimen Kubang Pasu.*



*Program Komuniti Sejahtera KEMAS Parlimen Rasah.*

KEMAS AR2021_Teks.indd 179 13/10/2022 10:05 AM

## B. SAHABAT KOMUNITI DESA (SKoD)

Sahabat Komuniti Desa (SkoD) ditubuhkan bertujuan untuk menggalakkan sukarelawan dalam pembangunan luar bandar dengan kerjasama strategik agensi/jabatan, swasta, komuniti desa dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.

Penubuhan SKoD ini melibatkan 28 buah daerah termiskin di lima (5) buah negeri iaitu Kedah, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak.

Kumpulan SKoD akan diberi pendedahan dan kesedaran mengenai kepimpinan sukarelawan di kawasan masing-masing dan ditugaskan menjalani aktiviti-aktiviti seperti berikut:
- Pemantauan komuniti dan menangani isu berkaitan dengan pengurusan desa ;
- Mengendalikan program kesedaran orang ramai; dan
- Memastikan kelestarian pertubuhan menerusi aktiviti-aktiviti kesukarelaan yang membina keupayaan masyarakat.

Dibawah komponen kesukarelaan dalam kepimpinan desa, SKoD berperanan menjalankan pelbagai aktiviti dengan melibatkan komuniti desa dalam mengenali kepentingan kesukarelaan sebagai fokus utama. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan melalui;
- *Community Policing*
- Cakna Warga Emas
- Gotong Royong
- *Patriotisme Awareness*
- Kerja Amal
- CSR

Pada tahun 2021, sebanyak 36 siri telah dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM63,500 dan disertai oleh seramai 610 orang peserta.




*Ceramah bertajuk Minda Sihat, Emosi Terjaga, Kehidupan Sejahtera anjuran SKOD Parlimen Mukah.*





*Dari kiri: Penyerahan peralatan seperti face mask, hand sanitizer dan alat pengimbas suhu di P204 Betong. / Program Khidmat Masyarakat (SKoD) KEMAS Parlimen Rembau 2021.*

## 4. UNIT PENGUPAYAAN EKONOMI

Unit Pengupayaan Ekonomi berperanan penting dalam melahirkan masyarakat luar bandar yang mahir dan mengembangkan bakat usahawan bagi meningkatkan pendapatan yang berupaya mengubah taraf dan kualiti hidup.

Pada Tahun 2021, unit ini telah mendapat peruntukan pembangunan dari Bahagian Pendidikan Kemahiran sebanyak RM126,000 bagi melaksanakan Kursus Keusahawanan Rintis. Kursus ini mengandungi lima (5) jenis kursus bagi mempromosikan penggunaan komputer dalam kandungan dan kurikulum yang dilaksanakan. Kursus tersebut ialah:

### ▪ KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN ALAF 21 (BASIC COURSE)

Melalui kursus ini peserta dapat meningkatkan motivasi dan minat dalam bidang keusahawanan. Disamping itu, peserta juga dapat mendaftar perniagaan dengan SSM agar boleh digunakan untuk memohon bantuan/ pembiayaan pada masa akan datang.

Objektif kursus ini ialah:

- Memberi pendedahan kepada kumpulan sasar berkaitan asas keusahawanan agar minat dan motivasi untuk menceburi bidang keusahawanan dapat dipupuk;
- Menyediakan platform kepada usahawan untuk mendaftar perniagaan dengan SSM secara atas talian/ secara manual ; dan
- Memberi tambah nilai dalam bidang perniagaan kepada peserta program kemahiran KEMAS.

Kandungan dan Kurikulum Kursus:

- Taklimat kursus dan pengisian Profil Usahawan Bimbingan KEMAS dan Borang Pemantauan Prestasi Peserta dengan menggunakan komputer atau peranti elektrik
- Pengenalan dan motivasi keusahawanan atau forensik keusahawanan (kenalpasti peluang/ ruang/ cabaran dalam perniagaan)
- Taklimat kepentingan dan prosedur mendaftar perniagaan dengan Suruhanjaya Sarikat Malaysia (SSM) atau memiliki lesen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi Sabah dan Sarawak
- Taklimat pembiayaan oleh MARA/TEKUN/AIM/ lain-lain agensi berkaitan
- Lain-lain pengisian yang bersesuaian

Pada tahun 2021, sebanyak 8 siri telah dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM45,000 dan disertai oleh seramai 200 orang peserta.

## ▪ KURSUS PENYEDIAAN RANCANGAN PERNIAGAAN *(BUSINESS PLANNING COURSE)*

Kursus Penyediaan Rancangan Perniagaan memberi peluang kepada kumpulan sasar untuk menimba ilmu berkenaan asas keusahawanan melalui penyediaan rancangan perniagaan. Selain itu, peserta dapat mempelajari dan berpeluang menyediakan rancangan perniagaan masing-masing dengan bimbingan tenaga pengajar yang mahir dan berpengalaman. Kursus ini dilihat dapat menambah nilai dalam bidang perniagaan kepada peserta program kemahiran KEMAS.

Kandungan dan Kurikulum Kursus adalah seperti berikut:

- Ceramah Rancangan Perniagaan/ Model Kanvas Perniagaan (antaranya pengisian adalah berkaitan dengan perancangan pemasaran/ pengurusan/ operasi/ kewangan/ aliran tunai/ penyata pendapatan/ kunci kira-kira/ mana-mana perkara yang berkaitan dan bersesuaian dengan tahap peserta);
- Latihan penyediaan Rancangan Perniagaan; dan
- Pembentangan Rancangan Perniagaaan

Pada tahun 2021, sebanyak 3 siri telah dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM15,000. Seramai 75 orang peserta telah menyertai Kursus Penyediaan Rancangan Perniagaan.

## ▪ KURSUS SISTEM PENGURUSAN KEWANGAN PERNIAGAAN *(FINANCIAL COURSE)*

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan teknologi dan kemudahan dalam pengurusan kewangan bagi memastikan pengurusan kewangan perniagaaan berjalan lancar.

Objektif kursus ini ialah :

- Memberi peluang kepada kumpulan sasar untuk meningkatkan kemahiran sedia ada dalam teknik pengurusan kewangan yang sistematik ;
- Memberi kesedaran kepada peserta tentang kepentingan menguruskan kewangan dengan menyedia dan menyimpan dokumen perniagaan: dan
- Mewujudkan usahawan berpengetahuan dan berkemahiran dalam penggunaan komputer bagi mengurus kewangan perniagaan agar mampu berdaya saing sehingga ke peringkat global

Kandungan dan kurikulum kursus:

- Ceramah berkaitan pengurusan kewangan perniagaan/ syarikat ;
- Latihan penyediaan kewangan perniagaan/ syarikat oleh para peserta dengan menggunakan komputer/ peranti eloktronik ; dan
- Pembentangan maklumat kewangan perniagaan/ syarikat yang telah disediakan oleh peserta

Pada tahun 2021, sebanyak 4 siri telah dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM24,000 dan disertai oleh seramai 100 orang peserta.

### ▪ KURSUS REKA BENTUK (BAHAN PROMOSI) PERNIAGAAN *(DESIGN COURSE)*

Kursus ini bertujuan bagi meningkatkan pengetahuan berkaitan kepentingan reka bentuk perniagaan bagi mempromosikan produk/ perniagaan dengan menghasilkan logo produk, kad nama, risalah dan bunting.

Objektif kursus ini ialah :

- Memberi peluang kepada golongan sasar untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan sedia ada dalam reka bentuk dalam mempromosikan perniagaan;
- Menyediakan platform kepada kumpulan sasar untuk menaik taraf dan berusaha melengkapkan bahan promosi produk seperti logo, kad, risalah, bunting perniagaan agar lebih kompetitif dalam pasaran tempatan dan antarabangsa ; dan
- Mewujudkan usahawan berpengetahuan dan berkemahiran dalam penggunaan komputer bagi merekabentuk bahan promosi perniagaan agar mampu berdaya saing sehingga ke peringkat global.

Kandungan dan kurikulum kursus :

- Ceramah dan perkongsian maklumat berkaitan dengan kepentingan reka bentuk bahan promosi dalam bidang perniagaan (reka bentuk logo produk/ kad perniagaan/ risalah promosi/ bunting bagi promosi perniagaan);
- Latihan dengan menggunakan komputer/ peranti elektronik bagi menyediakan reka bentuk bahan promosi (soft-copy) perniagaan seperti di bawah:
    - Kad perniagaan (saiz 3.5 inci x 2 inci)
    - Bunting (saiz 2 kaki x 6 kaki)
    - Banner (saiz 3 kaki x 7 kaki)
- Pembentangan hasil reka bentuk bahan promosi perniagaan oleh peserta

Pada tahun 2021, sebanyak 5 siri telah dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM27,000 dan disertai oleh seramai 125 orang peserta.

## ▪ KURSUS ONLINE MARKETING *(MARKETING COURSE)*

Kursus ini bertujuan bagi meningkatkan pengetahuan peserta berkaitan kepentingan pemasaran di media sosial seperti Facebook dan Instagram.

Objektif kursus ini ialah :

- Memberi pendedahan kepada kumpulan sasar untuk meningkatkan kemahiran sedia ada dalam bidang pemasaran atas talian ;
- Mewujudkan usahawan yang mempunyai platform (akaun) pemasaran di media sosial seperti Facebook dan Instagram ; dan
- Mewujudkan usahawan berpengetahuan dan berkemahiran dalam penggunaan komputer bagi mempromosi produk/ perniagaan di media sosial agar mampun berdaya saing secara sihat dalam dunia perniagaan.

Kandungan dan kurikulum kursus:

- Ceramah dan perkongsian maklumat berkaitan dengan kepentingan pemasaran di media sosial seperti Facebook, Instagram dan lain-lain yang bersesuaian;
- Latihan menggunakan media sosial dan mencipta akaun perniagaan melalui Facebook, Instagram dan lain-lain yang bersesuaian bagi strategi pemasaran produk/ perniagaan ; dan
- Pembentangan produk/ perniagaan di media sosial seperti Facebook, Instagram dan lain-lain yang bersesuaian oleh para peserta

Pada tahun 2021, sebanyak 3 siri telah dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM15,000 dan disertai oleh seramai 75 orang peserta.

## ▪ KURSUS *QUICK WIN* USAHAWAN ASNAF BERDIKARI

Kursus ini merupakan cetusan idea daripada Dato' Ketua Pengarah KEMAS dalam usaha membantu golongan asnaf meningkatkan kemajuan diri dan menceburi bidang keusahawanan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Golongan asnaf yang dimaksudkan disini adalah terdiri dari golongan miskin, fakir, mualaf, al-riqab dan al-gharimin.

Kursus ini adalah kerjasama strategik bersama pusat zakat negeri, Majlis Agama Islam seluruh Malaysia, Badan Baitulmal, pihak berkuasa tempatan dan pihak pertubuhan bukan kerajaan yang bersesuaian.

Objektif program ini ialah:
- Memberi peluang kepada golongan asnaf yang berminat dan layak menceburi diri dan mempelajari bidang kemahiran asas agar dapat menambah pengetahuan dan meningkatkan kemahiran diri ; dan
- Melahirkan golongan asnaf yang terlatih dan boleh berdikari serta membantu menambah pendapatan keluarga dengan berniaga.

Kandungan dan kurikulum kursus adalah seperti berikut:
Kursus ini telah dilaksanakan selama 5 hari. Peserta didedahkan kepada modul asas kemahiran yang berasaskan masakan.

**Modul kursus pengendali makanan yang diiktiraf berserta suntikan Typhoid.**

- Kursus Asas Keusahawanan
  Kursus keusahawanan yang asas dan perlu diketahui dalam perniagaan seperti pengurusan asas kewangan, taklimat kepentingan dan prosedur mendaftar perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM, proses memohon lesen PBT dan lain-lain).

- Latihan lapangan
  - Latihan lapangan yang memberi pengalaman kepada peserta berhadapan situasi sebenar untuk berniaga ;
  - Melaksanakan latihan lapangan bersama usahawan/ peniaga yang berjaya;
  - KEMAS Negeri juga disyorkan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan bagi mendapatkan lot perniagaan yang sah dan lesen perniagaan ;
  - Pemantauan peserta dibuat selepas kursus secara berkala oleh Bahagian Pembangunan Komuniti (Unit Pengupayaan Ekonomi Negeri dan Daerah).

- Aktiviti Kerohanian
  Aktiviti kerohanian sepanjang kursus yang diberikan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri seperti ceramah agama, ceramah motivasi, perkongsian pengalaman dan lain-lain.

Pada tahun 2021, sebanyak 6 siri telah dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM156,000. Seramai 60 orang peserta telah menyertai Kursus *Quick Win* Usahawan Asnaf Berdikari.








*Kursus Quick Win Usahawan Asnaf Berdikari.*

# 5. UNIT PEMBANGUNAN INSAN DAN PENDIDIKAN LITERASI FUNGSIAN (PLF)

## ▪ PEMBANGUNAN INSAN

Pembangunan Insan berperanan dalam program/ aktiviti kerohanian dan kekeluargaan. Program/ aktiviti dibawah Peruntukan Pembangunan yang dilaksanakan oleh Pembangunan Insan ialah:

### PROGRAM PENGURUSAN JENAZAH

Program ini dilaksanakan bagi memberi kemahiran kepada masyarakat dalam ilmu menguruskan jenazah. Kesedaran berkaitan kepentingan mendalami ilmu ini perlu diterapkan didalam diri setiap anggota masyarakat bagi memastikan masyarakat tidak hanya bergantung kepada pengurus jenazah sahaja sekiranya berlaku kematian di kalangan ahli keluarga.

Objektif program ini ialah :

- Memberi kefahaman kepada peserta berkaitan ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan aspek-aspek pengurusan jenazah secara teori dan praktikal ;
- Meningkatkan kefahaman tentang fardhu kifayah berkaitan pengurusan jenazah secara sempurna ; dan
- Dapat melahirkan peserta dan masyarakat yang boleh mengendalikan urusan pengurusan jenazah.

Pada tahun 2021, sebanyak 160 siri telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM178,500 dan telah dihadiri oleh seramai 3,200 orang peserta.

## ▪ KEMBARA ILMU

Program ini bertujuan memberi kesedaran kepada peserta berkaitan kepentingan mencari ilmu agar lebih teratur, sistematik dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Objektif program ini ialah :

- Membendung masalah sosial dikalangan masyarakat terutama melibatkan remaja
- Mendekatkan belia dengan aktiviti kerohanian dan nilai-nilai murni ;
- Membentuk jati diri melalui aktiviti fizikal ; dan
- Merapatkan hubungan antara kaum

Pengisian program ini meliputi :

- Pengisian Wajib

Tazkirah ringkas (15-30 minit). Tajuk tazkirah adalah berkaitan wuduk, solat dan bacaan Al-Fatihan (bagi muslim) dan kesedaran sivik dan cintakan negara (bagi bukan muslim)

- Pengisian Pilihan
  - Kayuhan Basikal
  - Larian
  - Mendaki
  - Lawatan ke tempat-tempat bersejarah
  - Lawatan ke pusara
  - Riadah (futsal, bola jaring, senamrobik dan lain-lain)
  - Memanah

Pada tahun 2021, sebanyak 46 siri telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM77,000 dan dihadiri oleh seramai 920 orang peserta.

- **HARI KEBESARAN ISLAM**

Program ini dilaksanakan adalah bagi memastikan masyarakat sedar dan mengambil panduan serta iktibar daripada Hari Kebesaran Islam yang disambut seperti Isra’ dan Mikraj, Nuzul Al-Quran, Maulidul Rasul dan Hari As-Syura.

Objektif program ini ialah:

- Meningkatkan kesedaran dan penghayatan masyarakat terhadap hari-hari kebesaran islam disamping mengambil iktibar dan pengajaran daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalamnya ; dan
- Memupuk semangat cintakan nabi dan hari kebesaran islam dikalangan kanak-kanak dan orang dewasa.

Pengisian program ini meliputi:

- Ceramah ringkas berdasarkan tajuk yang bersesuaian
- Aktiviti seperti perarakan, khatam Al-Quran, berselawat, solat sunat dan tazkirah.

Pada tahun 2021, sebanyak 203 siri telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM224,500 dan dihadiri oleh seramai 4,060 orang peserta.

## ▪ KHATAM AL-QURAN

Program ini merupakan kesinambungan bagi program Jom Ngaji Quran (JNQ) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2015 sehingga 2020.

Objektif program ini adalah:

- Menyediakan platform kepada peserta program JNQ untuk khatam Al-Quran setelah berjaya menamatkan modul JNQ;
- Memberikan penghargaan kepada peserta program yang telah mengikuti program JNQ; dan
- Menanam rasa cinta masyarakat kepada Al-Quran dan melaziminya didalam kehidupan seharian.

Konsep pelaksanaan:

- Program ini diadakan di kelas pembangunan insan yang pernah melaksanakan progaram JNQ.
- Pengisian program seperti berikut:
  - Dimulakan dengan selawat ke atas Nabi
  - Sesi khatam bersama-sama
  - Tazkirah ringkas
  - Penyampaian sijil

Pada tahun 2021, sebanyak 31 siri telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM159,500 dan dihadiri oleh seramai 3,100 orang peserta.

## ▪ FORUM PERDANA

Program ini merupakan platform kepada masyarakat bagi berkongsi ilmu kerohanian bersama panel jemputan yang berkemahiran dalam bidang yang dibincangkan.

Objektif program ini adalah:

- Memberi pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat berkaitan ilmu kerohanian ;
- Berkongsi pengalaman dan pandangan daripada panel-panel jemputan ; dan
- Mempelbagaikan bentuk perkongsian ilmu kepada masyarakat selain daripada melalui kelas-kelas pembangunan insan sedia ada.

Pada tahun 2021, hanya 1 (satu) siri sahaja berjaya dilaksanakan secara maya iaitu di Negeri Terengganu dengan peruntukan RM10,000 dan dihadiri oleh seramai 150 orang peserta.

## ▪ PENDIDIKAN LITERASI FUNGSIAN (PLF)

Program Pendidikan Literasi Fungsian (PLF) di KEMAS telah bermula pada tahun 1961 sempena penubuhan Bahagian Dewasa di Semenanjung. Pada tahun 1963, kelas ini telah diperluaskan di Sabah dan Sarawak.

Bermula tahun 2010, Unit Literasi KEMAS telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan program outreach PLF yang dikenali sebagai ‘Literacy for Adult Skills’ (LEADS) dengan melantik anak tempatan sebagai tenaga pengajar.

Tenaga pengajar ini akan dilatih sebelum memulakan kelas bagi memastikan mereka benar-benar bersedia dan memahami penggunaan modul yang akan digunakan di kelas. Bagi memastikan sasaran KEMAS dalam pembasmian buta huruf pada tahun 2020, kelas Pendidikan Fungsian version 2.0 (PLF2.0) telah diperkenalkan pada tahun 2015.

Sesi pengajaran dan pembelajaran di kelas PLFV2.0 ini telah diambil alih oleh Pendidik Masyarakat TABIKA. Pada tahun 2021, terdapat tiga (3) program pembangunan yang dilaksanakan bertujuan bagi pembasmian buta huruf di negeri Sabah dan Sarawak iaitu:

### KURSUS KEMAHIRAN LITERASI OUTDOOR

Program perkongsian ilmu berdasarkan persekitaran yang dilaksanakan secara santai. Objektif program ini ialah :

- Melihat penguasaan 3M (Membaca, Mengira dan Menulis) melalui kaedah yang berbeza dan secara santai ;
- Mengenalpasti tahap pemahaman peserta kelas PLF, LEADS dan PLFV2.0 di samping membantu peserta memahami modul-modul yang digunakan berdasarkan kepada pembelajaran perkitaran ; dan
- Mendekati masyarakat setempat khususnya di kawasan pedalaman dengan memperkenalkan program-program yang dijalankan oleh KEMAS

Komponen aktiviti/ pengisian program ini adalah seperti berikut:

- **Aktiviti Wajib:**
  Pengajaran asas 3M disampaikan selama 15-30 minit (secara tidak formal) dan ceramah berkaitan program/ aktiviti KEMAS dan KPLB

- **Aktiviti Pilihan:**
    - Lawatan sambil belajar
    - Sukaneka/ Riadah
    - Pertandingan
    - Gotong-royong
    - Demo masakan/ Kraftangan

Pada tahun 2021, sebanyak 18 siri telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM45,000. Ia telah dihadiri oleh seramai 360 orang peserta.




*Pendidikan Literasi Fungsian (PLF)*

## KURSUS KECEMERLANGAN PLF

Program ini adalah bertujuan bagi meraikan para pelajar kelas LEADS dan PLFV2.0 yang telah berjaya menamatkan kelas. Di samping itu, ia juga bagi membuat penilaian terhadap tahap pemahaman peserta kelas berkaitan 3M (membaca, menulis dan mengira) pada akhir sesi pembelajaran.

Bagi tahun 2020, sebanyak 185 buah kelas telah mengikuti program ini dengan peruntukan berjumlah RM370,000. Seramai 3,700 orang peserta telah menyertai Kursus Kecemerlangan PLF.

## PROGRAM PENGUKUHAN LITERASI

Program ini merupakan salah satu program tahunan yang telah diperkenalkan pada tahun 2010. Pada awalnya program ini bertujuan untuk mengumpulkan kembali peserta-peserta kelas LEADS yang telah menamatkan kelas bagi memastikan agar mereka tidak kembali kepada buta huruf.

Pada tahun 2017, Program Pengukuhan Literasi KEMAS diperluaskan lagi dengan mengumpulkan peserta-peserta dari Program Pendidikan Literasi Fungsian iaitu peserta kelas PLF, LEADS dan PLFV2.0.

Objektif program:

- Melihat penguasaan 3M (Membaca, Mengira, Menulis) bekas peserta kelas PLF, LEADS dan PLFV2.0 setelah selesai mengikuti kelas;
- Menilai keberkesanan kelas PLF, LEADS dan PLFV2.0 ini beserta impaknya kepada masyarakat pedalaman di Negeri Sabah dan Sarawak; dan
- Memastikan bekas-bekas peserta kelas PLF, LEADS dan PLFV2.0 tidak kembali menjadi buta huruf selepas tamat sesi pembelajaran.

Pengisian Program:

- Ujian 3M kepada bekas peserta kelas ( Membaca, Mengeja, Mengira, Membaca petikan, suai padan, silang kata)
- Sukaneka kepada masyarakat setempat (dewasa dan kanak-kanak)
- Pertandingan kolaj dan mewarna kepada kanak-kanak TABIKA
    - Demontrasi makanan sihat
    - Pameran agensi dan ujian kesihatan (KOSPEN)

Pada tahun 2021, Bahagian Pembangunan Komuniti telah berjaya melaksanakan 2 siri dengan peruntukan sebanyak RM140,000 dan jumlah peserta adalah seramai 300 orang.

## 6. UNIT PUSAT SUMBER

Pusat Sumber KEMAS berfungsi sebagai pusat rujukan serta menerapkan budaya membaca dikalangan masyarakat tanpa mengira had umur (pembelajaran sepanjang hayat)

Unit Pusat Sumber melaksanakan fungsi perpustakaan di bawah Bahagian Pembangunan Komuniti. Peranan Pusat Sumber adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan menyediakan maklumat kepada golongan kanak-kanak hingga dewasa.

Bilangan Pusat Sumber yang masih beroperasi di seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

| BILANGAN PUSAT SUMBER KEMAS YANG MASIH BEROPERASI SEHINGGA TAHUN 2021 | | |
|---|---|---|
| **BIL** | **NEGERI** | **BILANGAN PUSAT SUMBER** |
| 1 | JOHOR | 18 |
| 2 | KEDAH | 20 |
| 3 | KELANTAN | 11 |
| 4 | MELAKA | 5 |
| 5 | NEGERI SEMBILAN | 11 |
| 6 | PAHANG | 20 |
| 7 | PULAU PINANG | 11 |
| 8 | PERAK | 18 |
| 9 | PERLIS | 8 |
| 10 | SABAH | 13 |
| 11 | SARAWAK | 13 |
| 12 | SELANGOR | 14 |
| 13 | TERENGGANU | 9 |
| 14 | WILAYAH PERSEKUTUAN | 5 |
| | **JUMLAH** | **176** |

## ▪ PROGRAM DAN AKTIVITI SERTA PERKHIDMATAN PUSAT SUMBER IALAH:

- **Perkhidmatan pinjaman buku**
  Menyediakan koleksi bahan bacaan yang bersesuaian untuk semua golongan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai genre seperti motivasi, agama, kemahiran, novel, rujukan peperiksaan dan lain-lain.

- **Perkhidmatan rujukan dan perujukan**
  Pengguna boleh merujuk kepada Pemaju Masyarakat Pusat Sumber berkaitan dengan sesuatu maklumat/perkara yang tidak dikenalpasti dan Pemaju masyarakat akan memberikan jawapan berdasarkan maklumat sahih yang boleh dipercayai selepas membuat rujukan.

- **Perkhidmatan Kesedaran Semasa**
  Pengguna boleh memperolehi maklumat berkaitan isu-isu semasa yang sedang berlaku dalam negara melalui Pemaju Masyarakat Pusat Sumber.

## ▪ PROGRAM INSPIRASI SEJAHTERA

Pada tahun 2021, Unit Pusat Sumber telah melaksanakan program K-Komuniti Inspirasi Sejahtera di peringkat Negeri dan Daerah.

Objektif program ini ialah ;

- Memberi bimbingan rohani dan jasmani, nasihat kesihatan, kewangan dan kesedaran sivik kepada peserta;
- Mewujudkan hubungan di kalangan komuniti desa bersama pemimpin tempatan, agensi kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO); dan
- Melahirkan modal insan yang berkualiti dan membentuk peribadi yang baik dalam masyarakat.

Pengisian Program adalah berbentuk ceramah yang berkaitan dengan tajuk berikut:

- Kekeluargaan
  - Penghayatan Modul Sakinah
  - Rumahku Syurgaku
  - Ibu bapa Cemerlang Anak Gemilang

- Kesihatan
  - Amalan Gaya Hidup Sihat
  - Hindasri stress dan Kesihatan Mental
- Kewangan
  - Asas pengurusan kewangan
  - Penggunaan kredit secara bijak
  - Kebaikan menabung
- Kesedaran sivik
  - Kesedaran sivik di kalangan masyarakat
  - Kesedaran sivik seawal kanak-kanak
  - Kesedaran sivik dan nilai murni

Pada tahun 2021, sebanyak 24 siri telah berjaya dilaksanakan dengan peruntukan berjumlah RM53,500 dan telah disertai seramai 720 orang peserta.

# UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

## UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

# 1. PENGENALAN

Unit Teknologi Maklumat merupakan satu perjawatan gunasama bagi Skim Sistem Maklumat (F) di bawah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Unit ini menyediakan keperluan berkaitan teknologi maklumat merangkumi kesemua premis KEMAS yang terlibat termasuk KEMAS Ibu Pejabat, KEMAS Negeri, KEMAS Daerah dan Parlimen serta Akademi/Institut/Pusat Latihan KEMAS di seluruh Malaysia.

Selain itu, Unit ini juga turut melaksanakan pemantauan dari segi perkakasan dan perisian ICT agar tahap penggunaan instrumen teknologi maklumat dapat dicapai secara optimum.

- **PRESTASI PERBELANJAAN UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT**

| | | | |
|---|---|---|---|
| BELANJA MENGURUS **20000 PERKHIDMATAN DAN BEKALAN** | TERIMA **2,456,315.00** | BELANJA **2,079,918.40** | % PERBELANJAAN **84.68** |
| BELANJA MENGURUS **30000 ASET** | TERIMA **200,000.00** | BELANJA **170,916.00** | % PERBELANJAAN **85.46** |



KEMAS AR2021_Teks.indd 198 13/10/2022 10:05 AM

## ▪ PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI UTAMA UNIT

| PROGRAM | IMPAK |
|---|---|
| Penyelenggaraan Dan Sokongan Teknikal Portal KEMAS 2020-2021 | ▪ Memastikan kestabilan portal jabatan supaya beroperasi dengan lancar dan boleh diakses oleh orang awam pada bila-bila masa<br>▪ Melakukan *back up* Portal dan pangkalan data secara berkala dan ] memastikan sebarang *bugs* (sekiranya ada) yang wujud dalam portal akan diperbetulkan dengan cepat |
| Naiktaraf Rangkaian Dalaman (LAN) KEMAS sebanyak sembilan (9) lokasi:<br>1. Pejabat KEMAS Bahagian Sibu<br>2. Pejabat KEMAS Bahagian Sarikei<br>3. Pejabat KEMAS Bahagian Mukah<br>4. Pejabat KEMAS Bahagian Kapit<br>5. Pejabat KEMAS Bahagian Bintulu<br>6. Pejabat KEMAS Bahagian Miri<br>7. Pejabat KEMAS Daerah Hulu Langat, Selangor<br>8. PKM Simpang Lima, Sungai Besar, Selangor<br>9. PKM Kampung Bandar, Banting, Selangor | ▪ Memastikan kestabilan portal jabatan supaya beroperasi dengan lancar dan boleh diakses oleh orang awam pada bila-bila masa<br>▪ Melakukan *back up* Portal dan pangkalan data secara berkala dan memastikan sebarang *bugs* (sekiranya ada) yang wujud dalam portal akan diperbetulkan dengan cepat |
| Menyediakan emel MyGovUC untuk semua kakitangan KEMAS Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah | ▪ Penjimatan kos penyelenggaraan emel, anti-spam dan antivirus untuk menapis kandungan emel<br>▪ Keselamatan emel MyGovUC adalah terjamin yang mana ia dikawal sepenuhnya oleh kerajaan (Rajah 1)<br><br><br>*Rajah 1: MyGovUC* |

## UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

| PROGRAM | IMPAK |
|---|---|
| Sewaan Alat Keselamatan dan CCTV di Pusat Data KEMAS | ▪ Memantau, merekod dan mengawal keselamatan di Pusat Data KEMAS |
| Menyelaras sewaan Peralatan ICT KEMAS | ▪ Menyediakan kemudahan peralatan ICT yang mencukupi dan dapat menampung urusan kerja pegawai dan program rasmi KEMAS di luar pejabat<br>▪ Menampung keperluan komputer baharu bagi penggantian komputer yang berusia lebih tujuh(7) tahun ke atas di pejabat-pejabat KEMAS merangkumi KEMAS Ibu Pejabat, Pejabat KEMAS Negeri dan Pejabat KEMAS Daerah yang terlibat<br>▪ Menyediakan kemudahan komputer riba yang terkini dan ringan kepada staf ICT Ibu Pejabat dan Negeri bagi memastikan kerja seharian pegawai dapat dioptimumkan |
| Menyelaras sewaan Peralatan ICT KEMAS | ▪ Menampung keperluan peralatan ICT (komputer riba dan mesin pencetak) bagi tujuan gunasama di setiap bahagian/unit untuk tujuan program/kerja rasmi di luar pejabat. Peralatan sedia ada telah berusia dan tidak mencukupi untuk keperluan semasa |
| Menyelaras sewaan firewall di KEMAS Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri | ▪ Pemasangan *firewall* dapat melindungi talian internet di KEMAS daripada ancaman pencerobohan luar dan kemudahan internet juga dapat digunakan secara optimum |
| Melaksanakan perolehan sewaan peralatan *video conference* Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di KEMAS Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri | ▪ Kegunaan *video conference* yang merangkumi KEMAS Ibu Pejabat dan Pejabat KEMAS Negeri<br>▪ Menampung keperluan norma baharu, berikutan berlakunya penularan wabak pandemik Covid 19 |
| Melaksanakan perolehan perisian Adobe ColdFusion 2021 | ▪ Sebagai persediaan naik taraf Sistem Pengurusan Aset (SPPA) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Tahun 2021 |
| Melaksanakan perolehan pembaharuan Lesen Antivirus Panda Adaptive Defense 360<br>▪ Perolehan sebanyak 500 lesen untuk kegunaan KEMAS Ibu Pejabat dan KEMAS Negeri | ▪ Memastikan keselamatan maklumat pada komputer di KEMAS terpelihara dengan baik<br>▪ Memastikan maklumat digital dilindungi kerahsiaan, integriti dan ketersediaan |

| PROGRAM | IMPAK |
|---|---|
| Menyelaras perolehan alat ganti dan peralatan ICT | ▪ Menampung permintaan yang tinggi daripada Pegawai IT Negeri untuk mendapatkan bekalan alat ganti dan peralatan ICT bagi membaik pulih dan menaik taraf komputer sedia ada serta rangkaian<br>▪ Mengurangkan kos penyelenggaraan oleh pembekal |
| Memberikan sokongan teknikal untuk permohonan kursus bagi Sistem Latihan KEMAS ( eSiLK) | ▪ Menyediakan sistem yang berperanan menguruskan proses permohonan kursus oleh Bahagian Latihan dan Pembangunan Profesional kepada kakitangan KEMAS |
| Pengurusan aduan ICT melalui Sistem Helpdesk ICT | ▪ Memudahkan perekodan dan pemantauan penyelesaian masalah berkenaan aduan ICT secara berpusat (Rajah 2) |

| RINGKASAN BILANGAN ADUAN MENGIKUT STATUS JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT | | |
|---|---|---|
| BAHAGIAN: SEMUA \| TARIKH: 1/1/2021 SEHINGGA 31/12/2021 | | |
| BIL | STATUS | BIL ADUAN |
| 1 | BARU | 6 |
| 2 | DALAM TINDAKAN | 43 |
| 3 | SELESAI | 312 |
| 4 | TUTUP | 5 |
| **JUMLAH** | | **366** |
| **JUMLAH PERATUS KPI KP** | | **98.36** |

*Rajah 2: Laporan Melalui Sistem Helpdesk ICT Bagi Tahun 2021*

| PROGRAM | IMPAK |
|---|---|
| Penyelenggaraan Sistem Pendaftaran Program/Majlis QR Code (EveR) | ▪ Menyelenggara dan menambahbaik Sistem EveR sedia ada bagi tujuan perluasan penggunaan kepada semua KEMAS Negeri.<br>▪ Memudahkan pemantauan berkala penganjuran majlis dan menjana laporan setiap majlis anjuran KEMAS mengikut peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah.<br>▪ Memudahkan Pengurusan Sistem untuk melihat jejak pengguna yang telah hadir/daftar pada setiap majlis yang dihadiri sebelum ini |
| Memberi bantuan teknikal kepada kakitangan KEMAS berkenaan portal, emel dan sistem-sistem aplikasi di KEMAS dari semasa ke semasa | ▪ Membantu kakitangan KEMAS dalm melancarkan proses kerja yang melibatkan penggunaan emel, sistem dan lain-lain |
| Memberi bantuan teknikal kepada kakitangan KEMAS berkenaan permasalahan komputer dan rangkaian. | ▪ Membantu kakitangan KEMAS dalam melancarkan proses kerja sepanjang masa |

## UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

### ▪ AKTIVITI / KURSUS YANG DILAKSANAKAN

| TAJUK KURSUS / BENGKEL | PESERTA | PENGISIAN KURSUS/BENGKEL |
|---|---|---|
| Penyelarasan Berkenaan Pemindahan Teknologi, Pengurusan Rangkaian Dan Aset Sewaan KEMAS<br><br>Tarikh : 4 – 6 April 2021<br>Tempat : Bilik Mesyuarat Bangi Resort Hotel, Selangor | Pegawai IT Ibu Pejabat dan KEMAS Negeri | Memberi pendedahan kepada pegawai ICT Ibu Pejabat dan Negeri bagi pengurusan dan konfigurasi perkakasan rangkaian.<br><br>Pegawai IT selaku Pentadbir Sistem akan memberi peranan kepada pengguna sistem dan menyelenggara modul-modul di dalam Sistem Permohonan Pendaftaran Kemasukan Anak Ke Prasekolah Tabika KEMAS<br><br>Penyelarasan Pemindahan Teknologi Berkenaan Persidangan Video diadakan bertujuan untuk menerangkan berkenaan tatacara penggunaan dan pengendalian sidang video.<br><br>Penyelarasan Pengurusan Aset Sewaan KEMAS seperti komputer iGFMAS, automasi pejabat dan *firewall*. |
| Kursus Penggunaan Sistem eSILK Kepada Pegawai penyelaras Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Negeri Tahun 2021<br><br>Tarikh : 15 – 16 April 2021, KEMAS Kelantan,Terengganu, Pahang<br><br>Tarikh : 21 – 22 April 2021, KEMAS Perlis, Pulau Pinang, Kedah<br><br>Tarikh : 3 – 4 Mei 2021 KEMAS Perak, Sabah,Sarawak<br><br>Tarikh : 5 – 6 Mei 2021 AKK Seri Iskandar, AKK Gopeng<br><br>Tempat : Bilik Latihan Komputer, Aras 6, KEMAS | Pegawai Penyelaras KEMAS Negeri | Memberi pendedahan dan latihan kepada Pegawai Penyelaras KEMAS Negeri berkenaan penggunaan Sistem eSILK. Pegawai IT selaku penceramah dan fasilitator bagi kursus ini. |




*Latihan dan pemindahan teknologi bagi penyelenggaraan, pentadbiran dan integrasi dengan sistem permohonan pendaftaran kemasukan anak ke prasekolah.*




*Penyelarasan berkenaan pemindahan teknologi, pengurusan rangkaian dan aset sewaan KEMAS.*




*Pemasangan Peralatan Video Conference.*

KEMAS AR2021_Teks.indd 203 13/10/2022 10:05 AM

KEMAS AR2021_Teks.indd 204 13/10/2022 10:05 AM

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## 1. PENGENALAN

Penubuhan Unit Komunikasi Korporat (UKK) di Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) berkuat kuasa mulai 15 Januari 2015 berdasarkan Penstrukturan semula KEMAS pada masa itu.

UKK ditubuhkan dengan objektif untuk memelihara dan meningkatkan imej KEMAS disamping menyelaras strategi mempromosikan program dan aktiviti KEMAS melalui rantaian rakan strategik seperti media massa, agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KPLB) mahupun Kementerian dan Swasta secara teratut dan berkesan.

Selain itu, UKK juga berperanan menerbitkan bahan-bahan penerbitan seperti Majalah, Buku Laporan Tahunan dan Video Korporat KEMAS.

- **VISI, MISI DAN OBJEKTIF**



### VISI

Menjadi peneraju kepada penyampaian maklumat yang tepat dan pantas Jabatan



### MISI

Mencipta reputasi positif berdasarkan peranan KEMAS dalam kelompok masyarakat menerusi pengurusan hal ehwal korporat dan perhubungan awam yang efektif.



### OBJEKTIF

Berperanan sebagai medium penghubung kepada penyampaian dan penyebaran maklumat yang tepat dan dipercayai berdasarkan pelaksanaan program-program dan dasar yang dilaksanakan oleh KEMAS kepada kakitangan Jabatan dan juga masyarakat

- **FUNGSI**
  - Mempromosikan program Jabatan agar masyarakat jelas peranan dan fungsi KEMAS.
  - Membina, memelihara dan meningkatkan imej KEMAS berdasarkan strategi penyampaian maklumat, perkhidmatan yang berkesan
  - Mewujudkan hubungan korporat yang harmoni di kalangan pengamal media, *stakeholders* dan pelanggan
  - Menerbitkan bahan informatif KEMAS secara Bercetak seperti Laporan Tahunan, Majalah Suara KEMAS, Brosur KEMAS dan Video Korporat sebagai rujukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awan dan Swasta serta individu berkepentingan.
  - Menyelaras Piagam Pelanggan Jabatan Kemajuan Masyarakat
  - Menyelaras aktiviti Seranta Program KEMAS

## 2. PELAKSANAAN PROGRAM/AKTIVITI

- **PENYELARASAN SIDANG MEDIA/ WAWANCARA MEDIA**

Pada tahun 2021, sebanyak tiga (3) sidang media yang diatur melibatkan Unit Komunikasi Korporat KEMAS bagi mempromosi program dan aktiviti Jabatan Kemajuan Masyarakat. Perincian sidang media adalah seperti berikut:

| SIDANG MEDIA/ WAWANCARA | TARIKH |
|---|---|
| **PELANCARAN KPLB COMMUNICATOR TEAM (KCT)** | **8 APRIL 2021** |
| **MAJLIS PENUTUPAN & PENYAMPAIAN HADIAH HARI POTENSI KEMAS PERINGKAT KEBANGSAAN EDISI KE-16 TAHUN 2021** | **30 OKTOBER 2021** |
| **MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (SPAK) TAHUN 2021** | **5 NOVEMBER 2021** |

## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

### ▪ BUKU LAPORAN TAHUNAN KEMAS TAHUN 2020

Unit Komunikasi Korporat bertanggungjawab dalam penyediaan dan penerbitan Buku Laporan Tahunan KEMAS pada setiap tahun. Pada tahun ini, Buku Laporan Tahunan KEMAS 2020 diterbitkan pada bulan September 2021.

### ▪ MAJALAH SUARA KEMAS

Penerbitan Majalah Suara KEMAS pada tahun 2021 telah diterbitkan sebanyak satu (1) edisi. Ia merupakan edisi khas yang menggabungkan aktiviti dan program pada tahun 2020 dan tahun 2021.




*Buku Laporan Tahunan KEMAS Tahun 2020*




*Majalah Suara KEMAS*

### ▪ PENGEMASKINIAN MEDIA SOSIAL RASMI JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT

Media sosial rasmi KEMAS merupakan platform untuk mempromosikan program dan aktiviti Jabatan Kemajuan Masyarakat sepanjang tahun. Sehingga Disember 2021, pengikut (followers) Facebook rasmi KEMAS ialah sebanyak 319,878 manakala Instagram mencatatkan sebanyak 6,109.

| KEKERAPAN PENGEMASKINIAN | | | |
|---|---|---|---|
| BIL | BULAN | FACEBOOK | INSTAGRAM |
| 1 | JANUARI | 16 | 8 |
| 2 | FEBRUARI | 19 | 3 |
| 3 | MAC | 10 | 13 |
| 4 | APRIL | 15 | 17 |
| 5 | MEI | 15 | 12 |
| 6 | JUN | 16 | 17 |
| 7 | JULAI | 17 | 15 |
| 8 | OGOS | 24 | 25 |
| 9 | SEPTEMBER | 21 | 21 |
| 10 | OKTOBER | 38 | 16 |
| 11 | NOVEMBER | 41 | 11 |
| 12 | DISEMBER | 40 | 21 |

- **PENGURUSAN VIDEO, FOTOGRAFI DAN LIPUTAN LANGSUNG (LIVE)**

UKK juga terlibat secara langsung dengan tugas-tugas seperti pengurusan video, fotografi dan liputan langsung (live) melalui saluran media sosial rasmi Jabatan Kemajuan Masyarakat.

| PERKARA/ MAKLUMAT | PENCAPAIAN |
|---|---|
| **PENYEDIAAN MONTAJ PROGRAM/MAJLIS** | **SEPANJANG TAHUN** |
| **PENYEDIAAN VIDEO RASMI JABATAN** | **SEPANJANG TAHUN** |
| **MEMBUAT LIPUTAN LANGSUNG (LIVE) PROGRAM** | **SEPANJANG TAHUN** |
| **MEMBUAT LIPUTAN BERGAMBAR** | **SEPANJANG TAHUN** |

## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), UKK telah menyelaras siaran langsung (*live*) program di Facebook rasmi Jabatan Kemajuan Masyarakat.

| PROGRAM | JUMLAH SIARAN LANGSUNG | JUMLAH TONTONAN |
|---|---|---|
| PROGRAM BICARA PSIKOLOGI | 18 | 181,500 |
| HARI POTENSI TABIKA KEMAS PERINGKAT KEBANGSAAN PADA 11 SEHINGGA 15 OKTOBER 2021 | 8 | 192,500 |
| SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 2021 | 5 | 198,000 |
| E-EKSPO TVET@KPLB 2021 (KEMAS: MEN, TAILORING & FASHION) | 1 | 2,000 |

# UNIT INTEGRITI

KEMAS AR2021_Teks.indd 211 13/10/2022 10:05 AM

# UNIT INTEGRITI

## 1. PENGENALAN

Unit Integriti KEMAS telah ditubuhkan pada tahun 2014 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 berkaitan penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam.

Unit Integriti KEMAS menjalankan enam (6) fungsi utama iaitu tadbir urus, pengurusan aduan, pengukuhan integriti, pematuhan, pengesanan dan pengesahan dan tatatertib.

## 2. PRESTASI PERBELANJAAN UNIT

Tiada.

## 3. PENCAPAIAN PROGRAM / AKTIVITI UNIT

- **PENGURUSAN ADUAN**

Sepanjang tahun 2021 Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah menerima sebanyak 86 aduan mengikut kategori seperti berikut:

| KATEGORI ADUAN | JUMLAH TERIMA |
|---|---|
| SELESAI | 86 |
| SELESAI DALAM TEMPOH 15 HARI | 85 |
| ADUAN BERASAS | 45 |
| ADUAN TIDAK BERASAS | 36 |
| TIDAK BERKENAAN | 5 |

KEMAS juga menganalisis aduan mengikut 14 kategori isu yang telah ditetapkan dalam Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) seperti berikut:

| KATEGORI ISU | PERATUSAN (%) |
|---|---|
| PELBAGAI ADUAN | 48.8 |
| KELEWATAN ATAU TIADA TINDAKAN | 27.9 |
| SALAHLAKU ANGGOTA AWAM | 6.9 |
| KUALITI PERKHIDMATAN YANG TIDAK MEMUASKAN TERMASUK KAUNTER DAN TELEFON | 4.7 |
| KEKURANGAN KEMUDAHAN AWAM | 4.7 |
| KEPINCANGAN PERLAKSANAAN DASAR DAN KELEMAHAN UNDANG-UNDANG | 3.5 |
| TINDAKAN TIDAK ADIL | 2.3 |
| KEGAGALAN MENGIKUT PROSEDUR YANG DITETAPKAN | 1.2 |

## UNIT INTEGRITI

### ▪ PENGUKUHAN INTEGRITI

Sepanjang tahun 2021 sebanyak tiga (3) siri program Bicara Integriti dan Anti Rasuah telah diadakan. Program Bicara Integriti dan Anti Rasuah merupakan program bual bicara yang disiarkan secara dalam talian melalui Facebook KEMAS yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga KEMAS agar dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam menjalankan tugas seharian.

Penceramah bagi Bicara Integriti dan Anti Rasuah Siri 1 bertajuk “Putuskan Rantaian Rasuah” disampaikan oleh YBhg Dato’ Haji Muhammad Salim bin Sundar Abdullah, Pengasas Bersama dan Pemegang Amanah Perdana International Anti-Corruption Champion Foundation (PIACCF). Program bicara ini telah diadakan pada 14 April 2021.

Bicara Integriti dan Anti Rasuah Siri 2 menfokuskan kepada prinsip etika dan moral asas dalam penggunaan teknologi. Ceramah telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr Muhamad Rizal Bin Abd Rahman dari Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Program diadakan pada 22 Julai 2021.

Pada 21 September 2021, Bicara Integriti dan Anti Rasuah Siri 3 bertajuk Tuntutan Palsu (Rekaan Pemusnah MAYAGA - Masa Depan, Kerjaya dan Keluarga) telah disampaikan oleh Penolong Penguasa Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Encik Asfahairy Bin Aris yang memberikan penjelasan mengenai isu-isu yang berkaitan kesalahan integriti dan rasuah yang sering berlaku dalam kalangan penjawat awam.












- ## SAMBUTAN HARI INTEGRITI KEMAS TAHUN 2021

Bulan Integriti disambut pada bulan November setiap tahun bagi meraikan Hari Integriti Nasional yang disambut pada 5 November dan Hari Antirasuah Sedunia pada 9 Disember. Sambutan Hari Integriti peringkat KEMAS bagi tahun 2021 telah diadakan pada 9 November 2021 secara dalam talian melalui Facebook rasmi KEMAS. Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato Mohamad Yasid Bin Bidin, Ketua Pengarah KEMAS Malaysia.

Sambutan Hari Integriti KEMAS diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta kefahaman berkaitan isu-isu integriti dalam kalangan warga KEMAS. Ceramah bertajuk ‘Pelan Integriti Diri’ telah disampaikan oleh YBhg. Dato’ A.Samat Kasih manakala Encik Mohd Firdaus Bin Ramlan telah menyampaikan ceramah bertajuk ‘Tumbuk Rusuk, Telunjuk Lurus Kelingking Berkait’.

KEMAS AR2021_Teks.indd 215 13/10/2022 10:05 AM

## UNIT INTEGRITI















- **BENGKEL *'TRAINING FOR TRAINERS (TOT)'* PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)**

Sesi bengkel *'Training for Trainers (TOT)'* Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang diadakan secara atas talian pada 19 April hingga 22 April 2021 di Bilik Mesyuarat Aras 9 telah melibatkan seramai 5 orang peserta dari Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran dan Unit Integriti.

Antara pengisian bengkel anjuran pihak Malaysian Anti-Corruption Academy (MACA) ini ialah menentukan bidang keutamaan RISIKO untuk ditangani, deraf strategi dan pelan tindakan OACP, sesi perbincangan dan sesi pembentangan.







- **BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI KEMAS**

Unit Integriti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah melaksanakan bengkel Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) pada 26 hingga 29 Oktober 2021 di Institut Latihan KEMAS Kuala Lumpur.

Ia selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 Bilangan 1 Tahun 2019 yang mewajibkan semua Jabatan membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) bagi memastikan agenda pencegahan rasuah organisasi dilaksanakan dengan sempurna.

Seramai 25 orang peserta terdiri daripada Pengarah Bahagian Ibu Pejabat, Penolong Pengarah Ibu Pejabat dan negeri, Pegawai KEMAS Daerah, Penolong Pengetua dan Ketua Kerani telah menyertai bengkel ini.






# DIREKTORI PEJABAT KEMAS

KEMAS AR2021_Teks.indd 219 13/10/2022 10:05 AM

# DIREKTORI IBU PEJABAT KEMAS

## JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) MALAYSIA

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
Aras 5-9, No.47 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan

TEL : 03 889 1 2000 / 2682
FAKS : 03 888 8 2312

## JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) SARAWAK

Tingkat 6, Bangunan Sultan Iskandar
Jalan Simpang 3
93300 Kuching, Sarawak

TEL : 082 240 636
FAKS : 082 244 460

## JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI JOHOR

Tingkat 6, Blok A, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek
80000 Johor Bahru, Johor Darul Takzim

TEL : 07 227 8 941 / 07 227 8 934
FAKS : 07 224 1 579

## JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI SABAH

Aras 5, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS/Sulaman-Likas
Peti Surat 11281
88800 Kota Kinabalu, Sabah

TEL : 088 488 407 / 408 / 409 / 410
FAKS : 088 488 411 / 412

## JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI PERAK

Blok C, Tingkat 2C3-1
Bangunan Persekutuan Gunasama
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

TEL : 05 253 5 322 / 23
FAKS : 05 255 7 003

**JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI SELANGOR**

Lot 03-40, Tingkat 3, Kompleks PKNS
Persiaran Tasik, 40505 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

TEL : 03 5519 3044 / 5049
FAKS : 03 5519 9533 / 6427

**JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI KEDAH**

Aras 2, Blok A, Wisma Persekutuan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
06550 Bandar Muadzam Shah, Kedah Darul Aman

TEL : 04 732 2 966 / 04 73 1 1903
FAKS : 04 732 4 075

**JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI PAHANG**

Tingkat 12, Wisma Persekutuan
Jalan Gambut, 25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur

TEL : 09 516 1 636 / 09 517 7 586
FAKS : 09 515 8 177

**JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI KELANTAN**

Tingkat 9, Wisma Persekutuan
Jalan Bayam, 15517 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim

TEL : 09 744 1 051 / 744 3 051
FAKS : 09 744 7 723

**JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI PULAU PINANG**

Aras 2, Kompleks Sempilai Jaya
Jalan Sempilai, 13700 Seberang Jaya
Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

TEL : 04 399 8 027 / 04 398 1 992
FAKS : 04397 3 020

# DIREKTORI IBU PEJABAT KEMAS

## JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) WILAYAH PERSEKUTUAN

d/a Pusat Kegiatan Masyarakat (PKM)
Kg. Sri Batu, Lot 48565, Jalan 2/12
Kampung Sri Batu, 51100 Kuala Lumpur

## JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI SEMBILAN

Tingkat 6, Wisma Persekutuan
Jalan Dato' Abdul Kadir, 70000 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

TEL : 06 763 8 114 / 762 8 792
FAKS : 06 764 0 844

## JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) TERENGGANU

Tingkat 10, Wisma Persekutuan
Jalan Pejabat, 20200 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

TEL : 09 622 1 321 / 630 1 400
FAKS : 09 622 6 422

## JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) MELAKA

Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka

TEL : 06 282 3 987 / 06 283 7 198
FAKS : 06 283 5 198

## JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) PERLIS

Tingkat Bawah
Bangunan Persekutuan Lama
01000 Kangar, Perlis Indera Kayangan

TEL : 04 976 1 023 / 04 977 6 757
FAKS : 04 976 3 772

**AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS (AKK) SERI ISKANDAR**

32600 Bandar Baru Seri Iskandar
Bota, Perak Darul Ridzuan

**TEL & FAKS : 05 371 2 102**

**AKADEMI KEMAHIRAN KEMAS (AKK) GOPENG**

Pusat Kegiatan Masyarakat KEMAS
Lot 133080, Laluan Persekutuan Gopeng
31600 Perak Darul Ridzuan

**TEL & FAKS : 05 35 7 7981**

**INSTITUT LATIHAN KEMAS (ILK) KUANTAN**

Jalan Tok Sira, Alor Akar
25050 Kuantan, Pahang Darul Makmur

**TEL : 09 568 4 790 | FAKS : 09 567 6 469**

**PUSAT LATIHAN KEMAS (PLK) KEPALA BATAS**

13200 Kepala Batas
Seberang Perai, Pulau Pinang

**TEL : 04 575 1 228 | FAKS : 04 575 8 834**

**PUSAT LATIHAN KEMAS (PLK) MELAKA**

Jalan Melor
75150 Bukit Baru, Melaka

**TEL : 06 282 4 514 | FAKS : 06 281 6 827**

**PUSAT LATIHAN KEMAS (PLK) KUALA TERENGGANU**

Seberang Takir, 21300 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

**TEL : 09 666 4 298 | FAKS : 09 666 3 103**

**PUSAT LATIHAN KEMAS (PLK) KUALA LUMPUR**

Jalan Syed Putra
50460 Kuala Lumpur

**TEL : 03 227 4 3117 | FAKS : 03 227 3 253**